ISLĀM
FAHAM AGAMA DAN ASAS AKHLAK



Syed Muhammad Naquib al-Attas



ISLĀM

FAHAM AGAMA DAN ASAS AKHLAK

ISLĀM
FAHAM AGAMA DAN ASAS AKHLAK

oleh

Syed Muhammad Naquib al-Attas
M.A. (Mc Gill), Ph.D. (London)
Profesor Universiti dalam Pemikiran dan Tamadun Islam;
Pengasas
Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC);
Penyandang
Kerusi Ternama al-Ghazali dalam Pemikiran Islam

SUATU SYARAHAN* PADA MUKTAMAR ISLAM ANTARABANGSA
YANG DIANJURKAN OLEH MAJLIS ISLAM EROPA DAN DISAMPAIKAN
PADA 5 HARIBULAN APRIL TAHUN 1976 DI DEWAN BESAR
ROYAL COMMONWEALTH SOCIETY
LONDON

*SYARAHAN ASLINYA DISAMPAIKAN DALAM BAHASA INGGERIS DAN
RISALAH INI DIKARANG DALAM BAHASA MELAYU OLEH PENSYARAHNYA.

IBFIM

KUALA LUMPUR
2013

Terbitan pertama oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), 1976
Terbitan kedua oleh IBFIM, 2013

Hak cipta © Tan Sri Profesor Dr. Syed Muhammad Naquib Al-Attas
Hak cipta © Kaligrafi Tan Sri Profesor Dr. Syed Muhammad Naquib Al-Attas

Diterbit oleh
IBFIM (763075-W)
Aras 3, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 603-2031 1010 Faks: 603-2031 4250
www.ibfim.com

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini atau memindahkannya ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman, atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan sistem menyalin, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta.

Perpustakaan Negara Malaysia *Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan*

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, 1931-
Islam: faham agama dan asas akhlak / Syed Muhammad Naquib al-Attas. Kuala Lumpur: IBFIM, 2013.

ISBN 978-967-0149-33-2

Dicetak di Malaysia oleh
Visual Print Sdn Bhd (186281-A)
A-1-7A, No. 2, Jln 12/144A,
Taman Bukit Cheras, 56000 Kuala Lumpur
Tel: 03-9100 2389; Fax: 03-9102 1389

ألست بربكم قالوا بلى شهدنا

"Bukankah Aku Tuhan kamu ?"—
Mereka berkata: "Ya!" —kami saksikan!

AL-QUR'ĀNU'L-KARĪM, 7:172

بسم الله الرحمن الرحيم
الحمد لله رب العالمين
الصلاة والسلام على اشرف الانبياء والمرسلين

Mahasucilah Allāh—Sasaran dan Tumpuan dan Pemilik Yang Layak bagi segala Pujian!—Yang meliputi hambaNya dengan berbagai Kurnia yang berlebihan, dan mengisi kalbunya dengan Cahaya dan Tugas serta Tanggungjawab Agama; Yang nuzulNya dari Takhta Mahligai Mahaagung ke Langit Terdekat itu merupakan satu daripada pelbagai darajat RahmatNya, satu daripada serba aneka Kasih-Sayang dan Belas-KasihanNya kepada makhlukNya. Berbeza Dia daripada para raja, kerana meskipun KeagunganNya tiada taranya dan Kebesaran serta KeindahanNya menafikan kemungkinan adanya sebarang tolok-banding dan menghampakan semua, namun Dia menimbulkan dari kunhi diri hambaNya rasa-rela untuk menyembah mendekatiNya, meminta segala pertolongan, mengadukan hal, memohon ampun daripadaNya. Berbeza Dia daripada para sultan, kerana Dia Sendiri Yang datang membuka pintu menyingkapkan tirai mempelawa masuk memberi izin kepada hambaNya bermesra bicara sulit denganNya, tiada memandang hina atau mulia kedudukan si hamba di kalangan makhluk insani. Dan lebih dari itu, tiada Dia menyekat Diri setakat hanya memberi izin belaka; bahkan Dia juga memberi Kurnia dan Kasih-SayangNya dengan memanggil hambaNya datang mendekati. Justeru tiap raja dan sultan yang lain daripadaNya itu hanyalah yang lemah dan larat belaka, yang tiada berkenan dengan sendiri memberi izin menghadap, yang menutup pintu dan menebarkan tirai pelbagai adat-istiadat bagi menghalang rakyatnya menghadap secara peribadi—kecuali mungkin selepas dipujuk-rayu dengan hantaran bingkisan. Maka Dialah sahaja Yang Mahaluhur, Yang Empunya segala Gelaran

Bermaha, Yang dengan MahamurahNya sudi menganggap pengakuan hambaNya larat tiada mampu memujiNya dengan sepenuh-lengkapnya itu cukup sebagai Pujian!

ISLĀM: FAHAM AGAMA DAN ASAS AKHLAK

Faham yang terkandung dalam istilah *dīn*, yang pada umumnya biasanya difahami serta diertikan sebagai agama, sesungguhnya tiada sama makna serta maksudnya dengan faham *agama* (*religion*) seperti ditafsirkan dan difahami dalam sejarah keagamaan Barat, atau lain-lain agama yang bukan Islām. Maka apabila kita memperkatakan perihal Islām dan merujuk kepadanya serta menggelarnya sebagai suatu 'agama', justeru sesungguhnya kita memaksudkan serta memahami makna 'agama' itu dengan makna dan maksud istilah *al-dīn* termasuk segala kandungan makna yang terdapat dalam istilah itu menurut rencana serta keistimewaan bahasa Arab. Segala kandungan makna yang terdapat dalam istilah *dīn*[1] itu merupakan bibit-bibit atau dasar-dasar makna yang semuanya meramukan dengan saksama dan sempurnanya, segala erti yang terkandung dalamnya masing-masing; dan segala bibit-makna atau makna-dasar itu pada kesemuanya merupakan pula suatu kesatuan faham yang padat mendalam serta jelas

---

[1] Dalam risalah ini tafsiran saya tentang segala dasar pengertian dan makna-dasar yang terkandung dalam istilah *dīn* itu berlandaskan kenyataan-kenyataan penggunaan bahasa Arab mengenainya sebagaimana yang terdapat dalam Kamus Agung Ibn Manẓūr yang sangat bermutu dan yang merupakan suatu ukuran tetap mengenai penyusunan kata Arab—salah satu Kamus yang teragung yang dihasilkan oleh insan—iaitu: *Lisān al-'Arab*. Yang saya gunakan itu iaitu yang telah dicetak semula di Beyrouth (Bayrūt) pada tahun 1968 mengandungi 15 penggal. Dalam risalah ini seterusnya akan saya rujuk Kamus ini sebagai *LA*. Mengenai apa yang dinyatakan dalam muka surat 4-7 risalah ini sila rujuk peng. 13: 166, ruang 2-171, ruang 2. Mengenai tafsiran faham *al-dīn* pula, dan lain-lain faham Islām yang berkaitan dengannya, saya telah berpandukan kepada al-Qur'ān'ul-Karīm dan Ḥadīth Rasūlu'Llah, *ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam!*

pengertiannya, sebagaimana terbayang dalam Kitab Suci al-Qur'ān'ul-Karīm dan dalam bahasa Arab yang memilikinya.

Perkataan *dīn* berasal dari akar-kata Arab DYN yang mengandung banyak makna-dasar yang semuanya bersangkut-paut faham kandungannya masing-masing sehingga jelas menayangkan suatu gambaran pengertian yang meliputi semua kemungkinan pengertian yang terkandung dalamnya. Dan kandungan pengertian yang memperikan maksud faham *al-dīn*, yang menyeluruhi semua makna-dasar yang terdapat dalamnya itu, mencerminkan Agama Islām dengan sepenuh-lengkapnya; bahwa Agama Islām itulah yang merencanakan dengan sempurnanya segala kcmungkinan fahaman yang terkandung dalam makna dan maksud istilah *al-dīn*. Kadang-kala terdapat antara pelbagai makna-dasar istilah *dīn* itu seolah-olah berlaku perselisihan makna; berlaku makna yang masing-masing saling berlawan erti dan maksudnya. Namun begitu, kenyataan yang berdasar hanya kepada pandangan sepintas lalu ini tiada harus pula mendatangkan kekeliruan dalam memahaminya. Justeru kerana erti dan maksud *dīn* itu adalah suatu faham Islām yang *ditafsirkan* dan *dihidupi* dalam pengalaman hidup insan, maka itulah kenyataan terdapatnya makna-makna-dasar yang seolah-olah saling berlawan erti dan maksudnya satu sama lain itu sesungguhnya hanyalah membayangkan hakikat yang nyata terperi pada diri insan sebagai sifat insaniah jua: kerana insan itu ruhani, tetapi dia juga jasmani; insan itu akali, tetapi dia juga hayawani; insan itu baik, tetapi dia juga jahat; insan itu berilmu, tetapi dia juga jahil—dan sebagainya ini. Dan kenyataan hakikat ini semuanya mengikrarkan dengan tegasnya betapa sangat istilah *dīn* itu layak menayangkan suatu fahaman asasi dengan jelas serta benar memperikan hakikat serta pengalaman zahir dan batin diri insani secara tepat tiada bercampur yang samar. Dan daya istilah *dīn* itu demikian hingga dapat menangkap serta membayangkan erti pengalaman insan yang merupakan dasar dan punca hidupnya inilah yang membuktikan kejernihannya bagi mencerminkan kebenaran.

Pelbagai makna-dasar istilah *dīn* itu dapat dirumuskan kepada empat makna yang mengandung maksud yang merujuk kepada:

1. keadaan berhutang;
2. keadaan takluk menyerahkan diri;
3. kuasa dan daya menghukum, atau daya-kuasa memberi hukuman, nilaian, dan pertimbangan;
4. bawaan kecenderungan yang sedia ada pada diri insan, atau kebiasaan yang menjadi adat-resam.

Dalam kenyataan yang berikut akan saya bentangkan suatu penjelasan yang ringkas tetapi tepat dan padat, yang akan menayangkan maksud terakhir istilah *dīn* itu, iaitu maksud yang membawa makna serta pengertian yang merangkumi *keimanan*, *kepercayaan*, *amalan* dan *ajaran* dan *anutan* yang dihidupi oleh Kaum Muslimin, baikpun secara bersendirian mahupun secara berkumpul bergabung sebagai Kaum dan Ummat, dan yang menjelmakan hakikatnya sebagai Agama yang digelar *Islām*.

Kata-kerja *dāna* yang terbentuk dari akar-kata *dīn* mengandung makna: *keadaan berhutang*, termasuk makna-makna lain yang berkaitan dengan hal-ehwal *hutang* dan *perhutangan*. Dalam keadaan hal seseorang itu berhutang—yakni dalam keadaannya sebagai seorang *dā'in* maka berikutlah pengertiannya bahwa orang itu *menaklukkan dirinya*, dengan erti *menyerahkan dirinya*, kepada kehendak-perintah hukum dan undang-undang mengenai perkara hutang dan perhutangan, serta *mematuhi* segala peraturan hukum dan undang-undang itu. Dalam pada itu orang itu juga menyerahkan dirinya *menerima syarat-syarat* yang dikenakan kepadanya oleh yang memberi hutang, yang juga digelar *da'in*.[2] Keadaan demikian

---

[2] *Dā'in* memaksudkan kedua-duanya; yang berhutang dan yang memberi hutang; dan kenyataan maksud yang seolah-olah

membayangkan pula bahwa orang yang berhutang itu telah *mengikat dirinya* kepada suatu perjanjian, dan telah mengenakan kepada dirinya tugas menunaikan amanah *membayar balik* hutangnya; dan keadaan terkena *tugas* demikian ini dinamakan *dayn*. Maka seterusnya, dalam keadaan berhutang serta mengikat perjanjian serta mengenakan kepada diri tugas membayar balik hutang itu, justeru tentulah nyata pula timbul perkaitannya dengan perkara *hukuman*, atau *pertimbangan* atau *nilaian* terhadap sesuatu demi *mencapai keputusan yang wajar*, iaitu: *daynūnah*; dan dengan perkara *menjatuhkan hukuman*, atau *mengenakan pertimbangan* atau *nilaian* yang *mengakibatkan keputusan yang wajar* terhadap sesuatu, iaitu: *idānah*—mengikut mana yang berkenaan padanya. Semua makna dan maksud perkataan *dāna*, termasuk makna dan maksudnya yang saling berlawanan, memperikan kemungkinan berlakunya keadaan-keadaan yang dibayangkan serta digambarkan olehnya itu hanya dalam suasana susunan tatatertib serta peraturan kehidupan insan yang *bermasyarakat*, dan yang kehidupannya berlandaskan kegiatan *perniagaan* dan *perdagangan* dalam *kota-kota* atau *bandar-bandaraya*, yang dinamakan dengan kata-majmuk: *mudun* atau *madā'in*. Sebuah *kota*, *bandar*, atau *bandaraya* dinamakan *madīnah*, dan di dalamnya terdapat *kuasa pengawal* yang menjalankan kerja menjatuhkan hukuman, memberi pertimbangan dan nilaian—menguatkuasakan peraturan hukum dan undang-undang, seperti *hakim*; dan yang memerintah dan melaksanakan kuatkuasa pemerintahan, seperti *gabenor*—yang semuanya ini terangkum dalam makna istilah *dayyān*. Maka takat ini sudahpun jelas kepada kita, dengan hanya menghuraikan serba-sedikit sahaja perihal penggunaan kata-kerja *dāna* dan kata-kata lain yang semuanya berkaitan dengannya dan

---

berlawanan ini sesungguhnya dapat kita fahami secara yang munasabah apabila kita rujukkan dia dalam pengertian maknanya kepada insan sebagai mempunyai dua sifat—yakni: sifat diri yang *akali* dan diri yang *hayawani*. Sila lihat di bawah, ms. 35-41.

berakar pada kata *dīn* jua, fahaman bahwa yang timbul tampak pada nazar renungan kita itu memperikan *kehidupan adabi* yang bertatasusila yang luhur—*kehidupan bermasyarakat* yang teratur tertib dalam kawalan hukum dan undang-undang serta kuatkuasa keadilan dan hikmat kewibawaan.[3] Istilah *dīn* itu

---

[3] Saya anggap terlalu amat penting bagi kita untuk memerhatikan dengan tilikan yang meneliti perkaitan yang mesra serta mendalam yang terdapat dalam faham *dīn* dan faham *madīnah* yang terbentuk darinya. Perkaitan antara kedua faham ini menayangkan maksud yang sangat bermakna. Selain dari perkaitan antara kedua faham itu, kita juga harus menampakkan pada tilikan nazar-akali kita perkaitan antara peranan diri perseorangan insan yang Islam bernisbah kepada faham *dīn*, dan peranan diri-diri insan yang Islām yang bergabung sebagai masyarakat dengan nisbah kepada faham *madīnah*. Nisbah maknawi harus tampak apabila kita sedari betapa kota yang dahulunya digelar dengan nama Yathrib itu berganti nama menjadi *al-Madīnah*: *Kotaraya*—lebih tepat lagi *Madīnatu'l-Nabiyy*: *Kotaraya Nabi*—yang berlaku tiada seberapa lama sesudah Rasūlu'Llāh, *ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam*, berhijrah dan bermastautin di situ. Ummat Awwali Kaum Muslimin pertama-mula terbentuk di situ, dan Hijrah Rasūlu'Llāh, *ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam*, ke situlah yang menandakan Zaman Baharu yang Bersejarah bagi insan semua. Kita harus lihat akan kenyataan hakiki bahwa nama serta gelaran *al-Madīnah* itu demikian adanya kerana di situlah *dīn* yang sebenamya mulai nyata berlaku bagi insan: di situlah tempat di mana *dīn* yang hak berlaku; dan di situ jugalah insan yang Islām memperhambakan diri di bawah kawalan serta naungan serta kewibawaan dan hukum Rasūlu'Llāh, *ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam*, yang menjadi *dayyān*nya; di situ kesedaran serta keinsafan akan *hutang* kepada Tuhan Yang Hak menjelma dengan cara-bentuk tertentu, dan cara yang sah yang diperkenanNya bagi *membayar balik* hutang itu berkembang dengan jelasnya. Kotaraya Nabi menayangkan erti bahwa di situ Tempat Agama yang Hak dilangsungkan di bawah kewibawaan serta perintah hukumnya. Kita mungkin juga dapat melihat lagi maksudnya bahwa Kotaraya itu merupakan bagi Ummat Islām suatu Ringkasan susunan masyarakat dan politik Islām; dan bagi diri perseorangan yang Islām Kotaraya itu mengibaratkan badan-jasmaninya, di mana ruh-akalinya bertindak — menuturi tauladan dia *ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam*! — mengawal, menaungi, menguasai, menghukum diri dengan

juga, *dīn* yang menjadi dasar serta asal istilah *madīnah*, berkait rapat pula dengan kata-kerja *maddana*[4] yang merujuk kepada *madīnah* dan bermakna: *membina, mendirikan bandar-bandar*; dan juga: *menaikkan ke taraf beradab, menghaluskan budipekerti, menimbulkan sifat keinsanan sejati*—yakni: *menjadikan manusia lebih berperikemanusiaan* berlawan dengan sifat *kebinatangannya*. Dan dari kata-kerja *maddana* ini juga terbentuk istilah yang tiada asing lagi bagi kita: *tamaddun*, yang bermaksud: *keadaan kehidupan insan yang bermasyarakat yang telah mencapai taraf kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakatnya*. Maka dari makna-dasar istilah *dīn* yang membawa pengertian *keadaan berhutang* itu terbentuk pula makna-makna lain yang saling berkaitan, seperti: *merendahkan diri dalam penyerahan, menjadi hamba* dan *memperhambakan diri, melayan* (seorang tuan); dan dari makna-dasar lain yang membawa pengertian *penghukum, penimbang, penilai, pemerintah, raja* dan *gabenor, penguasa yang berdaya menghukum*, terbentuk makna-makna yang bermaksud: *menjadi kuat-perkasa, berkuasa, tuan, berpangkat luhur, berdaulat agung*; dan seterusnya lagi: *hukuman, pertimbangan, nilaian, perintah* dan *titah, ganjaran, perhitungan* (pada suatu waktu tertentu kelak). Apabila kita bayangkan sahaja dalam renungan nazar akali perihal gambaran suatu keadaan yang menayangkan berlakunya hukum dan undang-undang dan keadilan dan kewibawaan, dan suasana adab serta tatasusila luhur masyarakat dan tamadun—yang semuanya ini terkandung sebagai rumusan yang jernih dalam faham *dīn* seperti yang telah diringkaskan di atas—maka sudah barang tentulah harus tampak pula suatu keadaan diri insaniah yang wajib ada sebelumnya. Yakni harus ada terlebih dahulu suatu *gaya* dan *cara berkelakuan* pada diri insan, suatu *perangai*, yang selari, seia, sebati dengan apa yang

---

pemerintahan yang adil. Untuk mendapatkan kenyataan lebih lanjut mengenai tafsiran yang berkenaan, sila rujuk di bawah m.s. 9-20; 21-26; 27-40; 41-43; 44-47 dan 48-61.

[4] *LA*, peng. 13:402, ruang 2-403, ruang I.

dibayangkan olehnya pada dirinya sehingga terbayang pula pada hukum dan undang-undang dan keadilan dan kewibawaan dan suasana adab serta tatasusila-luhur masyarakat dan tamadun serta kehalusan budipekerti. Harus ada terlebih dahulu suatu perangai, cara-gaya berkelakuan, atau *keadaan hidup* serta *kejadian diri*: suatu *tabiat* yang sesuai dengan apa yang dijelmakan olehnya sebagai keadaan hidupnya yang zahir, sehingga keadaan hidup yang tampak zahir itu mencerminkan sesuatu yang sudah *teradat*, sudah *jadi* pada diri, sudah *menjadi adat-resam* diri insani, sudah membayangkan *tabiatnya*. Maka dari kenyataan hakikat inilah dapat kita fahami perkaitan yang benar-benar munasabah yang menimbulkan dari kandungan faham *dīn* itu makna-dasar yang keempat tersebut di atas: *bawaan kecenderungan yang sedia ada pada diri insan*, yang sudah menjadi *kebiasaan* baginya, yang sudah menjadi *adat-resamnya* sehingga dapat digelar sebagai *perangainya yang sebenarnya*, sebagai *tabiatnya*. Pada takat ini juga maka menjadi semakin terang bahwa faham *dīn* itu, pada dasarnya sesungguhnya membayangkan serta menyaksikan dengan kenyataan yang hak akan adanya kecenderungan semulajadi pada diri insan yang mendorongnya untuk berdayausaha membentuk masyarakat dan menyusun cara hidup bermasyarakat, mentaati hukum dan undang-undang dan mencapai pemerintahan yang adil. Gambaran peri sebuah *kotaagung*, sebuah *kerajaan*, sebuah *negararaya*, yang tampak menjelma pada nazar akali sebagaimana ditayangkan oleh faham *dīn*, yang memang mengandung maksud demikian itu, amatlah penting bagi membantu mencapai kefahaman yang lebih mendalam perihal maknanya sebagai Agama, dan dari itu perlu diulang-ulangkan di sini, sebagaimana nanti akan disebut lagi apabila kita menghuraikan tentang kehidupan ruhani insan yang mengalami keadaan hidup beragama.

Setakat ini saya baharu hanya melukiskan dengan secara ringkas garis-garis kasar faham *dīn* itu jua, sambil merumuskan pelbagai makna dan maksud yang terkandung dalamnya kepada empat pengertian, serta juga menunjukkan pelbagai

nisbah yang berlaku antaranya masing-masing, baikpun nisbah yang benar-benar berlaku dalam kenyataan alam zahiri, mahupun nisbah yang berlaku dalam kenyataan alam maknawi. Dan ini semua hanya merupakan penghuraian yang merujuk semata-mata kepada keadaan hidup duniawi jua, yakni yang semata-mata berkisar dalam maudhuk di sekitar pengalaman hidup yang *sekular* berdasar kepada penggunaan bahasa Arab terhadap keadaan hidup demikian. Di sekitar pengalaman hidup beragama, pengalaman hidup *ruhani* yang merencanakan nisbah antara insan dan Tuhan dan apa yang diperkenan olehNya mengenai nisbah antara insan sesama insan, maka pelbagai makna-dasar yang terkandung dalam faham *dīn* itu—meskipun tetap menayangkan makna-makna asasi yang sama seperti yang telah dihuraikan di atas—semuanya mengalami *penyatuan faham dan maksud*, penyatuan yang mendalam pengertiannya, yang membawa kepada kefahaman yang sekaligus benar memperikan pengalaman ruhani yang dialami oleh diri insan, serta juga memperikan Agama Islām itu sebagai keimanan, kepercayaan dan amalan serta ajaran yang dialami serta dihidupi oleh *tiap anggota* Kaum Muslimin yang merupakan Ummat Islām, dan juga sebagai keimanan, kepercayaan, amalan dan ajaran yang dialami serta dihidupi oleh *seluruh* Ummat Islām.

Bagaimanakah dapat faham yang menayangkan *keadaan berhutang* itu diterangkan dalam rangka kehidupan beragama yang sudah sememangnya bersabit dengan pengalaman hidup ruhani?—mungkin ada yang bertanya; apakah sifat hutang itu? dan kepada siapakah insan berhutang? Kita menjawab bahwa insan berhutang diri, budi dan daya kepada Allāh, *Subḥānahū wa Taʿālā*, Khaliqnya dan Raziqnya, yang menjadikannya daripada tiada kepada ada, dan sesudah dia ada, terus memeliharanya dalam keadaan dia itu berada. Pada suatu ketika insan itu hampa dan tiada, dan kini dia ada:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَانَ مِن سُلَٰلَةٍ مِّن طِينٍ ثُمَّ جَعَلْنَٰهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَّكِينٍ ثُمَّ خَلَقْنَا ٱلنُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا ٱلْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا ٱلْمُضْغَةَ عِظَٰمًا فَكَسَوْنَا ٱلْعِظَٰمَ لَحْمًا ثُمَّ أَنشَأْنَٰهُ خَلْقًا آخَرَ فَتَبَارَكَ ٱللَّهُ أَحْسَنُ ٱلْخَٰلِقِينَ

> Bahwa sesungguhnya insan itu telah Kami jadikan daripada intisari tanah. Kemudian Kami tempatkan dia sebagai mani di suatu tempat kediaman kukuh menetap. Kemudian Kami jadikan mani itu seketul darah mengental, dan darah itu Kami jadikan (janin) segumpal, kemudian dari gumpalan itu Kami jadikan tulang, dan tulang itu Kami salut dengan daging; kemudian Kami tumbuhkan daripadanya itu satu makhluk lain. Mahabahagialah Allāh, Khaliq yang Terbaik![5]

Insan yang memikir dan merenungkan baik-baik tentang asal-usul dirinya tentu akan insaf tahu bahwa beberapa puluh tahun yang lalu dia itu tiada; dan seluruh bangsa manusia yang kini berada pun jua tiada, dan tiada mengetahui akan kemungkinannya berada seperti dia kini berada. Hakikat ini berlaku bukan sahaja pada dirinya dan pada segenap manusia kini, akan tetapi juga pada semua bangsa manusia daripada abad datang kepada zaman dari pertama-mula zahirnya dalam perhitungan masa. Maka insan yang dengan ikhlas dan sungguh-sungguh memikir-renungkan hakikat ini memanglah sudah sedia insaf tahu secara langsung menerusi ilmu yang ada pada hak dirinya sendiri bahwa rasa berhutang diri, budi, dan daya akibat diadakan daripada ketiadaan itu bukanlah dapat ditujukan kepada ayah-bundanya, kerana dia juga insaf tahu

---

5 *Al-Mu'minūn* (23); 12-14.

bahwa ayah-bundanya keduanya itupun mengalami keadaan kejadian yang sama, dijadikan oleh Yang Menjadikan dan Yang Memelihara itu Satu jua. Dan juga seterusnya, bukanlah insan itu sendiri yang menyebabkan dirinya bergerak tumbuh membesar daripada keadaan seketul darah mengental hingga menjadi manusia dewasa-lengkap yang kini berdiri tegak sempurna ini. Dia tahu bahwa sedangkan dalam keadaannya dewasa-lengkap dan sempurna ini, tiada juga dapat dia menjadikan bagi dirinya indera penglihatannya dan pendengarannya dan lain-lain lagi—apatah pula dapat, dan jangankan lagi berdaya dia, dengan sengaja sedar menggerakkan dirinya tumbuh membesar dalam keadaan dhaif tiada larat sebagai janin segumpal itu! Dan lagi pula:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِن بَنِيٓ ءَادَمَ مِن ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ
عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا۟ بَلَىٰ شَهِدْنَآ

> Apabila Tuhanmu mengeluarkan daripada Anak Adam—daripada tubuhnya—zuriatnya dan menyuruhnya mengangkat saksi terhadap dirinya dengan Berkata: 'Bukankah Aku Tuhan kamu?' Maka mereka (menjawab) berkata: 'Ya! kami saksikan!'[6]

Insan yang mendapat hidayah atau petunjuk Ilahi insaf tahu bahwa *kunhi dirinya* itu sendiri, yakni *nyawanya* atau *ruh* atau *nafsinya*, sudahpun mengakui menerima Allāh *Subḥānahū wa Ta'ālā* sebagai Tuhannya Yang Hak 'sebelum' lagi dia dizahirkan ke dalam dunia sebagai insan, sehingga insan demikian itu sedar mengenali Yang Menjadikan dan Mengasuh dan Memeliharanya. Sifat hutang akibat dijadikan daripada tiada kepada ada itu demikian besar terlalu sangat

---

6 *Al-A'rāf* (7): 172.

menghampakan dalam segala-galanya, sehingga insan, pada 'saat' dia dijadikan dan diadakan, *sudah mesra terlibat* dalam keadaan *kerugian* habis-habisan; kerana dia bagi pihak dirinya sesungguhnya tiada mempunyai, tiada memiliki sesuatu apapun jua memandangkan bahwa segala-galanya—segala yang di sekelilingnya, segala yang mengenainya, segala yang di dalam dirinya, di luar dirinya, daripada dan kepada dalam dan luar dirinya semuanya ini—dimiliki oleh Khaliqnya Yang Memiliki Semua. Dan insan hampa dan papa dalam kerugian yang mutlak kerana hutang dirinya tiada dapat ditebusnya. Maka inilah maksud Kata-kata Suci dalam al-Qur'ān'ul-Karīm:

إِنَّ ٱلْإِنسَـٰنَ لَفِى خُسْرٍ

> Sesungguhnya insan itu benar-benar dalam kerugian (*khusrin*).[7]

Memandang bahwa dia hampa dan papa tiada mempunyai sesuatu apapun jua bagi menebus kerugiannya serta 'membayar balik' hutangnya, *melainkan kesedaran dirinya jua yang insaf akan hakikat bahwa dia itulah sendiri yang menjadi pokok hutangnya*, maka dia harus 'membayar balik' dengan dirinya, dia harus 'memulangkan', harus 'mengembalikan' dirinya kepada Yang Empunya Yang Memilikinya dengan mutlak. Dialah sendiri hutang yang harus 'dibayarkan kembali' kepada Yang Empunya, dan 'mengembalikan hutang' bererti *menyerahkan dirinya* dalam *khidmah* kepada Tuan Pemiliknya, *merendahkan diri* di hadapanNya—dan dari itulah maka insan yang mendapat hidayah bersungguh-sungguh dan dengan kesedaran sejati *memperhambakan dirinya* hanya sanya kerana Allāh *Subḥānahū wa Ta'ālā* demi menunaikan TitahNya dan LaranganNya dan HukumNya, dan dengan demikian

---

[7] *Al-'Aṣr* (103): 2.

menghidupi dalam dirinya segala Kehendak-PerintahNya. Pengertian yang merujuk kepada faham 'pulang', atau 'pulih', atau 'kembali' mengenai 'pengembalian diri' yang dimaksudkan di atas itu sesungguhnya juga jelas tampak dalam rencana bentuk pengertian faham *dīn*, kerana memang benar bahwa pengertian 'pulang' atau 'pulih' atau 'kembali' itu bererti dan bermaksud: *pulang*, atau *pulih*, atau *kembali kepada tabiat asali atau semulajadi*, yakni: *kepada sifat hakiki diri insani, kepada sifat asalinya*, sebagaimana yang nanti akan diterangkan pada tempatnya yang wajar. Faham 'sifat asali' yang saya maksudkan di sini merujuk kepada sifat ruhani, dan bukan hanya kepada sifat jasmani, sebagai hakikat insan.[8] Perlu juga

---

[8] *Pulang, pulih*, atau *kembali* juga bermakna: *'uwwida*, dengan maksud kembali kepada yang lampau, yakni: kembali kepada apa yang sudah *diadatkan*. Maka itulah berkait dia dengan maksud faham *dīn* merujuk kepada makna-dasar bilangan ke-4 yang tertera pada m.s. 5 di atas, iaitu yang merujuk kepada 'bawaan kecenderungan' dan 'kebiasaan yang menjadi adat-resam'. Dengan erti 'kembali kepada adat' maka maksud makna-dasar *dīn* sebagai sama dengan *'uwwida* itu merujuk kepada *pengembalian kepada apa yang sudah disunnahkan* oleh Nabi Ibrāhīm *'alayhi'l-salām*. Sila lihat di atas, m.s. 8-10; dan di bawah m.s. 20-32. Berkenaan dengan hal ini perlu dijelaskan bahwa dengan kata 'adat' di sini bukanlah dimaksudkan adat yang berasal dan berkembang-berubah dalam sejarah dan kebudayaan insan, dan yang berakar-punca serta bersumber pada akal nazari. Yang dimaksudkan di sini adalah perkara yang telah dinyatakan, diperintahkan dan diajarkan oleh Allāh, *Subḥānahu wa Ta'āla*, kepada para Anbiyā' dan Mursalīn dengan sedemikian lakunya sehingga meskipun para Anbiyā' dan Mursalīn itu zahir berselangan bergiliran masing-masing zamannya berputusan satu sama lain, namun apa yang dibawa serta disunnahkan olehnya itu sama jua seolah-olah berkaitan satu sama lain, seolah-olah kesemuanya merupakan suatu *tradisi* yang diturun-temurunkan tiada berkeputusan. Padahal apa yang dibawa serta disunnahkan oleh para Anbiya' itu bukan yang diadatkan sebagai tradisi, akan tetapi kenyataan hakikat yang sama yang diberikan oleh Tuhan Yang Hak itu Satu jua.

diterangkan di sini bahwa menurut Kata-kata Suci dalam al-Qur'ān'ul-Karīm:

وَٱلسَّمَآءِ ذَاتِ ٱلرَّجْعِ

Demi langit yang mengandung hujan-[9]

perkataan yang ditafsirkan di sini sebagai hujan adalah *raj'* yang menurut ertikata bermakna: *pemulangan, pemulihan, pengembalian*[10] yakni: *sesuatu yang dikembalikan terus berkali-kali*; jadi Ayat Suci itu dapat diterjemah-ringkaskan menurut ertikata sebagai: 'Demi langit yang mengandung *pengembalian*', atau 'Demi langit yang mengandung *sesuatu yang dikembalikan terus berkali-kali*'. Perkataan 'pengembalian' ditafsirkan sebagai 'hujan' kerana Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, 'mengembalikan' air hujan terus berkali-kali dari langit ke bumi. Pengembalian air hujan yang dimaksudkan itu adalah 'pengembalian yang baik' dengan erti *manfaat, faedah* dan *keuntungan*, kerana air hujan yang kembali ke bumi itulah yang menumbuh-hidupkan tanam-tanaman bagi faedah, manfaat dan keuntungan hidup insan dan lain-lain lagi. Maka dari itu berikutlah maksudnya di dalam Kitab Suci al-Qur'ān'ul-Karīm bahwa istilah serta faham *raj'* itu juga digunakan dengan mengandung erti yang sama dengan istilah serta faham *rabaḥ* yakni: *keuntungan*,[11] yang menjadi lawan bagi istilah serta faham *khusr*, yakni: *kerugian*, yang telahpun dirujuk di atas tadi. Kini patutlah pula di sini disebutkan, bahwa salah satu makna-dasar istilah *dīn* yang belum lagi dihuraikan di atas adalah: *hujan yang turun berkali-*

---

9 *Al-Ṭāriq* (86): IV, Sila lihat juga *LA*, peng. 8: 120, ruang: 2.

10 Sesungguhnya harus tampak bahwa antara faham yang dihuraikan di sini dan pelbagai penggunaan kata-kerja *raja'a* dengan segaia bentuknya dalam al-Qur'ān'ul-Karīm itu memang terdapat perkaitan yang mesra yang semuanya merujuk kepada pengembalian insan kepada Tuhannya Yang Hak.

11 *LA* peng. 2: 442, ruang 2-445, ruang 1.

kali—hujan yang datang kembali berkali-kali; dan dari itu maka kita lihat bahwa *dīn,* menurut pengertian ini, seperti hujan yang kembali berkali-kali, merujuk kepada faham *faedah, manfaat,* dan *keuntungan* (*rabaḥ*). Apabila kita katakan tadi bahwa untuk 'membayar balik' hutangnya insan harus 'mengembalikan' dirinya kepada Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā,* Yang Memilikinya, dia mengembalikan dirinya itu, seperti juga hujan yang kembali berkali-kali, merupakan suatu keuntungan baginya. Dan inilah maksud pepatah Arab:

من دان نفسه ربح

Barangsiapa memperhambakan dirinya beruntung.[12]

Kata-kata 'memperhambakan dirinya' (*dāna nafsahū*) bererti: 'menyerahkan dirinya' (dalam khidmah),[13] dan juga: 'mengembalikan dirinya' (kepada Pemiliknya) seperti yang telah diterangkan. Oleh kerana kata-kerja *dāna* itu mengandung makna yang merujuk kepada keadaan berhutang maka tampaklah maksud sebenar pepatah di atas itu sebagai mengisyaratkan erti;

> Barangsiapa (yakni setelah insaf akan hakikat bahwa dirinya itulah pokok hutangnya kepada Tuhannya Yang Hak) *menyerahkan dirinya* (yakni mengakibatkan penyerahan terhadap dirinya agar dapat dikembalikan kepada Yang Memilikinya, dan setelah mengakibatkan penyerahan itu maka dia mengembalikan dirinya itu) *beruntunglah dia* (yakni sebab dia telah menunaikan pembayaran balik hutangnya dan dengan demikian telah menebus

---

[12] *LA* peng. 13: 167, ruang 1.

[13] Mengenai *khidmah* yang dimaksudkan di sini sila lihat di bawah m.s. 20-23

dirinya—bahkan sehingga mendapat faedah keuntungan ganjaran daripada Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*).

Dan maksud pengertian yang sama terdapat dalam kandungan sabda Rasūlu'Llāh, *ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam*:

الكيس من دان نفسه وعمل لما بعد الموت

Yang cerdik-pandai itulah dia yang menyerahkan dirinya (memperhambakan dirinya, menaklukkan dirinya) dan beramal bagi (mencapai) apa yang akan didapati sesudah mati kelak.[14]

'Apa yang akan didapati sesudah mati kelak' bererti: 'apa yang akan dikira baik' (kerana amal salihnya), yakni 'ganjarannya', 'pengembalian baiknya', seperti pengembalian air hujan tadi yang membawa manfaat serta keuntungan kepada bumi dengan menumbuh serta menghidupkan tanam-tanaman yang berguna bagi kehidupan. Sebagaimana air hujan memberi hidup kepada bumi yang tanpanya itu menjadi mati, begitulah *dīn* memberi hidup kepada insan yang tanpanya memang 'mati' jua. Tepat benarlah kiasan ini dengan Kata-kata Suci Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*:

وَمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مِن مَّآءٍ فَأَحْيَا بِهِ ٱلْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا

—Dan hujan yang Allāh turunkan dari langit dan dengannya diberi hidup olehNya bumi yang sudah mati—[15]

---

14 *LA*, peng. 13: 169, ruang 2.
15 *Al-Baqarah* (2): 164.

Maka dengan 'mengembalikan' dirinya kepada Tuan Pemiliknya; dengan cara taat setia dan sungguh benar menurut segala TitahNya dan LaranganNya dan HukumNya serta PerintahNya, maka insan yang beramal secara ini akan dikurniai ganjaran agung daripada Tuhannya Yang Hak yang akan diterimanya sebagai 'pengembalian baiknya'. Dan 'pengembalian baiknya' ini akan dianugerahkan kepadanya dengan kelebihan yang berganda nilainya daripada apa yang dikembalikan olehnya itu, seperti Firman Suci Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, dalam al-Qur'ān'ul-Karīm:

مَّن ذَا ٱلَّذِي يُقۡرِضُ ٱللَّهَ قَرۡضًا حَسَنٗا فَيُضَٰعِفَهُۥ لَهُۥٓ أَضۡعَافٗا كَثِيرَةٗ

> Siapakah dia yang akan memberi pinjam kepada Allāh suatu pinjaman baik yang akan Allāh gandakan faedahnya berkali-ganda?[16]

Perhatikanlah bagaimana ternyata di sini bahwa kata-kerja yang digunakan untuk memberi makna 'pinjam' (*yuqriḍu*)—yakni daripada akar-kata QRD yang merujuk kepada pinjaman: *qarḍ*—tiada sama maksud ertinya dengan pinjaman yang disebut sebagai 'hutang' (*dayn*), kerana penggunaan istilah 'hutang' itu hanya merujuk kepada insan belaka. 'Pinjaman' yang dimaksudkan di sini adalah: 'pengembalian sesuatu yang tadinya dipunyai atau dimiliki oleh Pemilik Yang kini memintanya balik semula, dan yang harus dikembalikan kepadaNya'. Insan adalah hak-milik Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, dan kezahirannya ada daripada tiada itu hanyalah 'dipinjamkan' kepadanya untuk sementara waktu jua. Sebaliknya pula, kata-kata 'pinjaman baik' (*qarḍan ḥasanan*), apabila digunakan untuk merujuk kepada insan seperti dalam Firman Suci ini, mengandung makna kiasan, dengan maksud

---

16 *Al-Baqarah* (2): 245.

bahwa yang dirujuk itu adalah 'khidmahnya kepada Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, 'amal baik-nya', kerana ini semua memanglah dapat dikatakan sebagai *miliknya*; dan penyerahan miliknya kepada Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, inilah yang akan dibalas dengan kurnia ganjaran yang berlebih-ganda nilainya itu. Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*—Dia Itulah Pembalas, Penimbang, Penilai, Pemberi Hukuman: *Al-Dayyān*. Dialah Raja Agung Pemilik Semesta Semua: *Mālik* di Hari Pembalasan: *yawm al-dīn* yang juga digelar Hari Perhitungan: *yawm al-ḥisāb*. Tampak jelas di sini bahwa *dīn* juga bererti: 'perhitungan yang tepat-benar', 'perhitungan yang betul belaka': *ḥisāb al-ṣaḥīḥ*. *Dīn* adalah 'pemberian sukatan yang pada-tepat kepada suatu bilangan atau sesuatu' sehingga keadaan sesuatu yang telah dikenakan *dīn* itu menjadi tepat pada tempatnya; dan bilangan yang telah dikenakan *dīn* itu merupakan 'bilangan yang saksama seimbang': *'adad al-mustawā*. Makna *dīn* yang jelas mirip kepada perkara perhitungan dan sifat hisab ini mengemukakan kenyataan faham tentang adanya berlaku suatu Rencana Kelengkapan Undang-Undang yang mengawal serta memerintah keadaan semesta semua sehingga segala-galanya terkawal tenteram dalam keseimbangan yang mahasempurna.[17] Justeru sebab Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, itu disifatkan sebagai Raja Agung Pemilik Semesta Semua, dan segala yang lain daripadaNya itu diperikan sebagai Kerajaan AgungNya yang diKawal serta diPerintah olehNya dengan Kekuasaan dan Kewibawaan yang Mahamutlak: *malakūt*, menegaskan lagi bahwa insan itu adalah milikNya, yakni *mamlūk*Nya, kepunyaanNya, hambaNya. Maka dari itu *dīn* sebagai faham dalam rangka kehidupan beragama juga merujuk kepada keadaan menjadi hamba yang dimiliki oleh Tuannya—yakni menjadi *mamlūk*. Bahkan sesungguhnya, faham *perhitungan, ganjaran, pembalasan, seksaan*—semua ini hanya mendapat pengesahan makna serta maksudnya: apabila

---

[17] Sila lihat *LA*, peng 13: 169, ruang 1.

tiap faham ini mempunyai sasaran atau rujukannya masing-masing. Dan sasaran atau rujukan faham ini masing-masing hanyalah berlaku sah apabila dikenakan kepada *mamlūk*, yakni kepada *hamba yang dimiliki oleh tuannya*; dan tuannya itulah yang mempunyai hak-kuasa melakukan perhitungan dan pembalasan dan seksaan dan yang memberi ganjaran kepadanya. Maka itulah maksud Ayat Suci al-Qur'ān'ul-Karīm:

أَءِذَا مِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا وَعِظَامًا أَءِنَّا لَمَدِينُونَ

> Apabila kita mati kelak dan menjadi debu dan tulang, sungguh benarkah akan kita terus menerima ganjaran dan seksaan?[18]

Istilah *madīnūn* yang berakar pada *dīn* jua, biasanya difahamkan sebagai merujuk kepada orang yang menerima ganjaran atau seksaan, tergantung kepada perbuatan kerjanya. Akan tetapi bagaimanapun, istilah *madīnūn* atau *madīnīn*[19] sebenarnya merujuk kepada *mamlūkūn* atau *mamlūkīn* jua; jadi maksud Ayat Suci di atas ini samalah dengan erti:

> Apabila kita mati kelak dan menjadi debu dan tulang, sungguh benarkah akan kita tetap *dimiliki sebagai hamba* (oleh Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*)?[20]

Saya telah katakan tadi bahwa penyerahan diri insan itu bermakna: 'penyerahan diri dalam khidmah' kepada Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*. Kini saya jelaskan lebih lanjut bahwa yang dimaksudkan dengan 'khidmah' itu sebenarnya bukanlah *sebarang* khidmah, atau khidmah yang diberikan kepada sesama insan, atau yang diberikan kepada badan-badan,

---

18 *Al-Ṣāffāt* (37): 53.
19 Sila lihat *al-Wāqi'ah* (56): 86.
20 Sila lihat *LA* peng. 13: 170, ruang 1.

lembaga dan yayasan yang dibina oleh insan. Faham *khidmah* itu memang membayangkan makna bahwa orang yang memberi khidmah itu ialah orang yang 'bebas', yakni bukan hamba belian, akan tetapi yang 'menjadi tuan' bagi pihak dirinya, yakni yang berhak atas dirinya. Sebaliknya pula faham *mamlūk* membayangkan makna bahwa insan yang menjadi *mamlūk* itu dimiliki oleh yang menerima khidmahnya: seorang *mamlūk* dipunyai oleh *mālik*. Maka dari itu tiada kita gelar insan yang berkhidmah kepada Tuhannya Yang Hak itu sebagai *khādim* atau *khaddām*,—yakni dengan menggunakan gelaran yang terbentuk dari kata *khidmah*—yang merujuk kepada orang yang kerja di rumah makan gaji melayani tuan rumah; akan tetapi kita gelar dia *'ābid*, yakni: hamba yang dimiliki, dan lebih tepat lagi kita gelar dia *'abd*, yakni: hamba Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, kerana istilah *'abd* itu memanglah sedia membayangkan makna bahwa dia dimiliki oleh Yang Menerima khidmahnya, seperti maksud makna istilah *mamlūk* itu jua. Demikianlah maka dalam rangka faham Agama Islām, istilah *'abd* itulah yang benar betul bagi digunakan untuk merujuk kepada insan yang dengan keinsafan bahwa dia itu berhutang diri, budi dan daya secara yang mutlak kepada Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, kemudian mengabdikan dirinya dalam amal-khidmah kepadaNya jua. Dan kerana inilah maka kerja khidmahnya itu digelar dengan gelaran yang benar betul dan tepat baginya, yakni: *'ibādah*, yang terbentuk dari akar-kata 'ABD; dan amalan, atau pekerjaan, atau perkhidmatannya itu digelar *'ibādāt*. *'Ibādāt* merujuk kepada segala perbuatan, amalan, atau perkhidmatan yang disedari dan dilakukan dengan sukarela dan yang ditujukan semata-mata kerana dan kepada Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, dan tiada kerana dan kepada yang lain, dan yang diperkenan olehNya, termasuk segala amalan seperti salat yang difardhukan dan yang lain pula. Dengan pengabdian diri yang dilakukan sedemikian cara amalannya maka insan itu menunaikan tujuan maksud kezahirannya serta kejadiannya sebagai makhluk, seperti Firman Suci Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلإِنسَ إِلاَّ لِيَعْبُدُونِ

Tiada Kujadikan Jin dan Insan melainkan baginya mengabdikan diri kepadaKu jua.[21]

'Mengabdikan diri' bermaksud: 'membuat kerja ibadat'. Apabila kita katakan tadi bahwa insan yang beribadat itu menunaikan tujuan maksud kezahirannya dan kejadiannya sebagai makhluk, harus sudah tampak jelas bahwa kesedaran tentang tugas yang timbul dalam diri insan untuk menunaikan kewajiban tanggungjawab berabdi kepada Tuhannya Yang Hak itu datang sebagai suatu anjuran rasa-diri yang sesuai pada sifat asalinya yang memang sedia berkecenderungan untuk beribadat. Kecenderungan ini, yang menjadi bawaan semulajadi atau tabiat insaniah, telah kita sentuh mula-mula tadi mengenai pengertian faham *dīn* sebagai adat yang telah menjadi mesra sebati dengan diri insan. Namun demikian, dalam rangka faham Agama Islām yang merujuk kepada kehidupan ruhani maka pengertian ini, yang merujuk kepada tabiat dan sifat asali insan, digelar dengan istilah *fiṭrah*. Justeru sesungguhnya *dīn* juga bermakna fiṭrah.[22] *Fiṭrah* adalah Rencana yang membayangkan sifat tabii segala makhluk; dia adalah Cara Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, menjadikan sesuatu, yakni: *sunnat Allāh* dan segala sesuatu itu dijadikan dengan sifat sempurna yang menepati rencana yang telah dijadikan baginya, dan masing-masing diletakkan tepat pada tempatnya yang wajar. *Fiṭrah* itu adalah Undang-Undang Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*: tunduk takluk menyerah kepadanya membawa akibat ketenteraman diri, kerana yang demikian itu bererti mengisbatkan hakikat yang sedia terkandung dalam sifat asali diri; ingkar angkuh melawannya membawa akibat kekacauan diri, kerana yang demikian itu bererti mengisbatkan yang batil

---

21 *Al-Dhāriyāt* (51): 56.

22 *LA*, peng 5: 58, ruang 1 dan 2. Sila lihat juga *al-Rūm* (30): 30.

yang janggal pada sifat asali diri. Maka *fiṭrah* itu *ketertiban* berlawan dengan *kekacauan*; *keadilan* berlawan dengan *kezaliman*. Apabila Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, Berfirman: "Bukankah Aku Tuhan kamu?" dan diri asali insan mengangkat saksi bagi pihaknya sendiri menjawab: "Ya!", menerima dan mengakui hakikat Ketuhanan Tuhannya Yang Hak, maka insan telah mengikat dirinya kepada suatu Perjanjian Asali dengan Tuhannya itu. Dengan itu maka apabila insan dizahirkan sebagai insan yang mengalami kehidupan duniawi ini, dia akan—jikalau diberi hidayah kepadanya—'mengingati' Perjanjian Asalinya dan akan mengerjakan amalan ibadatnya sebagaimana yang telah diringkaskan di atas sehingga seluruh salatnya, segala amal salihnya, hidupnya dan matinya itu semua dihidupi lengkap dalam dirinya semata-mata kerana Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*. Sesungguhnya, salah satu faham *fiṭrah* sebagai bermaksud kepada *dīn* memang benar merujuk kepada pengisbatan diri asali insan akan Perjanjian Asali itu.[23] Faham *penyerahan* yang dimaksudkan dalam kenyataan di atas bererti penyerahan yang *disedari* serta *diredhai*; dan penyerahan demikian tiada *mengakibatkan hapusnya 'kebebasan'* bagi insan yang menyerah itu, justeru kerana 'kebebasan' sesungguhnya bererti: *bekerja, berbuat, dan bertindak menurut kehendak sifat asali atau tabiat hakiki insan*; kerana pekerjaan, perbuatan dan tindakan yang dianjurkan oleh sifat asali insan itu membawa insan kembali semula ke darajat diri hakikinya, dan yang demikian itu adalah perbuatan yang membebaskan dia daripada belenggu hayawaniah dan penjara kefanaan, dan membawa dia pulih kepada pengenalan dirinya yang hak yang senantiasa mengikrarkan Hak Ta'ālā. Kita harus insaf bahwa faham kebebasan itu bermaksud kepada *kebebasan daripada diri hayawani*, dan dia merujuk kepada kebebasan diri ruhani jua. Maka insan yang benar-benar bebas ialah dia yang

---

23 *LA*, peng. 5: 56, ruang 2; 57, ruang 1.

membebaskan diri ruhaninya daripada diri hayawaninya[24]—yakni dia menjadi bebas daripada penuntutan abadi dan daripada hutang agungnya. Insan yang menyerahkan dirinya kepada Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, sedemikian caranya itu dialah yang menghidupkan dalam dirinya *kenyataan dīn* yang sempurna.

Penyerahan diri—kita katakan lagi—bermaksud kepada penyerahan yang disedari serta diredhai dengan sepenuh hati sebab andaikata penyerahan itu tiada disedari dan diredhainya maka betapakah dapat penyerahan demikian itu benar-benar digelar dan diberi maksud sebagai *penyerahan sejati*? Faham penyerahan diri itu memang suatu faham yang terdapat pada akidah semua agama, namun demikian kita tetap teguh mendakwa bahwa tiada semua agama memberi faham dan melakukan penyerahan sejati. Penyerahan diri itu bukanlah yang dimaksudkan penyerahan yang berlaku hanya dalam sementara waktu, atau yang berlaku sekali-sekali sahaja, sebab penyerahan sejati adalah suatu perbuatan diri yang berlaku terhadap diri itu sendiri secara terus-menerus meliputi jangkamasa kehidupan akhlakiahnya; dan bukan pula penyerahan diri itu suatu tindakan batin yang berlaku hanya dalam hati dan akal fikiran belaka, tanpa dijelaskan pula secara zahir pada diri jasmani sebagai amal-ibadat yang mematuhi dengan taat-setia Perintah Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*. Penyerahan diri kepada Kehendak Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, itu samalah maksudnya dengan taat kepada PerintahNya. Istilah yang mengandung makna penyerahan diri seperti yang dimaksudkan—yakni *penyerahan sejati*—adalah: *aslama* sebagaimana dijelaskan maksudnya oleh Firman Suci Hak Ta'ālā dalam al-Qur'ān 'ul-Karīm:

---

[24] Bahwa insan itu mempunyai dua diri, sila lihat penjelasannya di bawah, m.s. 36-41.

وَمَنْ أَحْسَنُ دِينًا مِّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ

Dan siapalah yang terlebih baik agamanya daripada dia yang menyerahkan wajahnya kepada Allāh?[25]

'Menyerahkan wajahnya' (*aslama wajhahu*) bererti menyerahkan *seluruh dirinya*, yakni *kunhi dirinya*; sebab wajah insan itulah yang mencirikan diri seseorang; yang memperikannya, yang memperkenalkannya kepada yang lain; yang merupakan punca penumpuan kehormatannya dan tempat letak kemuliaannya—dan wajah insan itu letaknya luhur di kemuncak badan jasmani seolah-olah bagai istana yang memahligaikan akalnya. Maka itu pengertian 'menyerahkan wajah' itu memaksudkan 'menyerahkan segala-galanya yang dianggap sangat berharga bagi diri seseorang'; dan *diri* itu sendirilah yang dianggap sangat berharga baginya, dan penyerahannya itu tentulah bererti penafiannya yang habis-habisan. *Dīn* yang dimaksudkan dalam Ayat Suci ini tiadalah lain daripada *Islām* yang namanya itupun memang terbentuk dari dasar kata *aslama* itu jua. Sungguhpun benar dan tiada syak lagi bahwa ada agama atau bentuk agama atau cara-kaedah agama yang lain daripada Islām. Akan tetapi *dīn* atau agama yang benar-benar melakukan penyerahan sejati: *istislām* kepada Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, itulah sahaja yang terbaik, dan itulah sahaja yang diterima sah dan diredhai olehNya, seperti Firman SuciNya dalam al-Qur'ān'ul-Karīm:

---

25 *Al-Nisā'* (4): 125.

وَمَن يَبْتَغِ غَيْرَ ٱلْإِسْلَامِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ

> Barangsiapa yang ingin mengikut agama selain daripada Islām, justeru tiada akan diterima sah daripadanya—;[26]

dan lagi:

إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلْإِسْلَامُ

> Sanya sesungguhnya Agama di sisi Allāh (yakni: yang diterima sah olehNya) adalah al-Islām.[27]

Menurut Kitab Suci al-Qur'ān'ul-Karīm insan tiada dapat mengelakkan diri daripada keadaan hidup beragama, yakni hidup menganuti *dīn*, sebab segala semesta tunduk takluk menyerah diri (*aslama*) kepada Kehendak Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*. Dari itu maka istilah *dīn* itu dikenakan juga penggunaannya bagi merujuk kepada agama-agama yang lain daripada Agama Islām. Walau bagaimanapun, harus tampak pula bahwa perbezaan yang membezakan Islām dari Iain-lain agama itu *nyata* pada *cara-kaedah penyerahan diri* yang diamalkan oleh masing-masing agama. Menurut Islām penyerahan diri bererti penyerahan yang *ikhlas* yang *disedari* serta *diredhai* dan yang dilakukan *secara habis-habisan* kepada Kehendak Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*; yang dilakukan secara sukarela taat serta patuh menuturi dengan mutlaknya segala Perintah dan Hukum yang dinuzulkan olehNya. Kenyataan bahwa perbezaan yang membezakan Islām dari lain-lain agama itu terletak pada *cara-kaedah* penyerahan diri yang dilakukan oleh agama masing-masing, tiada patut difahamkan; kerana tiada sekali-kali dimaksudkan, bahwa perbezaan itu hanya

---

26 *Āli 'Imrān* (3): 85.

27 *Āli 'Imrān* (3): 19.

terletak pada *cara-kaedah* belaka. Justeru sesungguhnya perhatian penting harus diambil dalam kesimpulan bahwa perbezaan *cara-kaedah penyerahan diri* kepada Tuhan itu membayangkan pula perbezaan *faham* Ketuhanan—yakni adanya perbezaan cara-kaedah penyerahan diri itu membuktikan adanya perbezaan *faham* yang kita fahami sebagai *Tawḥīd*. Dengan ini jelaslah bahwa yang dimaksudkan dengan kenyataan tentang perbezaan yang ada berlaku antara Islām dan lain-lain agama itu bukanlah hanya setakat cara-kaedah belaka perihal penyerahan diri kepada Tuhan Yang Hak, akan tetapi kita sebutkan begini di sini kerana lebih mudah tampak pada nazar zahiri, dan dari itu maka lebih jelas pula tampak sebagai bukti yang menunjukkan *adanya perbezaan faham tawhid* antara Islām dan lain-lain agama. Merujuk semula kepada perkara perbezaan cara-kaedah penyerahan diri, kenyataan ini terbukti dalam maksud Ayat Suci al-Qur'ān'ul-Karīm:

أَفَغَيْرَ دِينِ ٱللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُۥٓ أَسْلَمَ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ
طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ

> Apakah mereka itu ingin mencari yang lain daripada Agama Allāh?—sedangkan kepadaNyalah segala sesuatu yang di Langit dan Bumi itu telah menyerahkan diri (yakni: menerima Islām)—baikpun secara taat mahupun secara enggan—dan kepadaNyalah semua akan dikembalikan jua.[28]

Cara-kaedah, atau bentuk, atau rencana, atau gaya penyerahan diri itu dinyatakan serta dilakukan adalah cara-kaedah, bentuk, rencana dan gaya *dīn* jua; dan sebagaimana yang telah disebut tadi di sinilah letaknya perbezaan yang nyata antara suatu *dīn* dan yang lain. Cara-kaedah, bentuk, rencana dan gaya *dīn* ini,

---

[28] *Āli 'Imrān* (3): 83.

yang tiada lain daripada cara-kaedah merencanakan bentuk dan gaya keimanan dan kepercayaan; cara-kaedah menyatakan hakikat hukum dan undang-undangnya; cara-kaedah membentukkan pada diri insan sikapnya terhadap agama dan kelakuan akhlakiah—pendek kata cara-kaedah yang merencanakan bentuk serta gaya penyerahan diri kepada Tuhan itu dilakukan dalam kehidupan kita—*cara-kaedah* dan *bentuk* dan *rencana* dan *gaya* inilah semuanya yang diertikan dengan faham *millah*. Islām menuturi *millah* Nabi Ibrāhīm, *'alayhi'l-salām*, yang juga dituturi oleh para Anbiyā' sesudah zamannya, *'alayhim al-salām*, sehingga merupakan *millah*nya semua. *Millah* ini, yang dituturi para Anbiyā' kesemuanya, dinyatakan di dalam Kitab Suci al-Qur'ān'ul-Karīm sebagai cara-kaedah dan bentuk dan rencana dan gaya *agama yang betul benar: dīn al-qayyim* sebab *millah* mereka ini semualah sahaja, jikalau dibandingkan dengan *milal* lain-lain agama, yang *sedia cenderung menuju tepat ke arah yang sempurna*: *ḥanīfan* yakni: ke arah Agama yang Sebenarnya—ke arah *al-Islām*. Jadi dengan demikian, cara-kaedah dan bentuk dan rencana dan gaya beragama para Anbiyā' kesemuanya, menuturi apa yang telah disunnahkan oleh Nabi Ibrāhīm, *'alayhi al-salām*, telah membayangkan Islām dalam keimanan dan kepercayaan dan hukum dan undang-undang dan amalan; dan sebab inilah maka mereka *'alayhim al-salām* kesemuanya itu termasuk dalam gelanggang insan yang digelar *Muslimīn* jua; insan yang melakukan *aslama* dengan taat-ikhlas; yang penyerahan dirinya mensifatkan penyerahan sejati sebab disedari dan diredhai dan diikhlasi; dan yang cara-kaedah serta bentuk dan rencana dan gaya penyerahannya diterima dan diberi pengesahan dan *diredhai oleh Allāh Subḥānahū wa Ta'ālā*. Meskipun demikian pada hakikatnya maka Agama Islām ini zahir sebagai yang telah mencapai kesempurnaan serta kelengkapan segala syarat bagi menjadi Agama yang Sebenarnya dengan kezahiran cara-kaedah, bentuk, rencana dan gaya penyerahan diri yang disunnahkan oleh Rasūlu'Llāh, *ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam*, yang merupakan kenyataan segala kesempurnaan dan

kelengkapan *millah* yang disunnahkan oleh Nabi Ibrāhīm, *'alayhi'l-salām*. Agama-agama lain masing-masing telah menggubah cara-kaedah dan bentuk dan rencana dan gaya sendiri dengan dibantu oleh tambahan bahan dari sejarah dan adat kebiasaan yang diturun-temurunkan sebagai warisan yang timbul terkumpul sebagai hasil kebudayaan, dan dari itu maka agama-agama lain tiada berpandu kepada *millah* Nabi Ibrāhīm, *'alayhi'l-salām*. Dan ada pula agama yang lain daripada yang lain ini, seperti *dīn Ahlu'l-Kitāb*, yakni agama Yahudi dan Nasara, yang walaupun mereka akui bahwa dasar agama mereka itu berlandaskan Tanzīl, namun demikian telah mereka campur-adukkan dan reka-semula kenyataan Tanzīl dan tokok-tambahkan padanya gubahan-gubahan serta tafsiran-tafsiran mereka sendiri yang dirumuskannya daripada sejarah dan warisan adat kebiasaan yang perolahan serta adunannya semua merupakan hasil kebudayaan jua. Rekaan serta gubahan sendiri agama-agama ini semua sesungguhnya tiada mendapat pengesahan Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, dan tiada diredhai atau diperkenan olehNya. Maka dari itu haruslah nyata pada nazar keinsafan bahwa sungguhpun mungkin terdapat di kalangan agama-agama yang lain daripada Islām itu ada yang mengikrarkan kepercayaan terhadap Tuhan yang Tunggal, seperti agama *Ahlu'l-Kitāb* mengikrarkan Keesaan Tuhan, akan tetapi kita tetap mendakwa bahwa kepercayaannya itu tiada sah sebagai iman. Pengesahan serta penilaian iman itu bukanlah semata-mata berpunca kepada pengikraran terhadap wujudnya Tuhan Yang Mahaesa dan Tunggal, seperti nanti akan saya jelaskan di bawah ini. Justeru kerana agama-agama ini semuanya telah enggan menerima PerintahNya perihal cara-kaedah dan bentuk dan rencana dan gaya penyerahan diri yang diterima dan disahkan olehNya—bahkan mereka semua telah membuktikan keengganan serta keingkarannya secara angkuh-benci tiada mahu menerima dan menurut *millah* yang disunnahkan oleh para Anbiya', dan berani takabbur membuat *millah* sendiri dengan tiada pengesahan Ilahi—maka dari

itulah penyerahan diri serta *millah* yang mereka anuti itu dianggap sebagai yang dilakukan akibat rasa *enggan-benci* menolak *millah* yang benar: *karhan*; meskipun mereka tunduk-takluk menyerah diri, namun begitu tiada ditaati serta diikhlasi jua penyerahannya itu, sebab penyerahan yang diakui oleh Allāh sebagai yang taat-ikhlas hanyalah yang dicarakan dalam *millah* yang sebenarnya jua. Firman Allāh *Subḥānahū wa Ta'ālā*, dalam Kitab Suci al-Qur'ān'ul-Karīm:

لَآ إِكْرَاهَ فِي ٱلدِّينِ

yang biasanya ditafsirkan sebagai bermaksud:

Tiada paksaan dalam agama.—[29]

mengandung juga pengertian yang menyungguh-benarkan tafsiran yang telah saya kemukakan mengenai penyerahan yang dienggani itu. Maksud 'Tiada paksaan dalam agama' yakni bahwa penerimaan Agama yang Sebenarnya itu tiada boleh dipaksakan kepada sesiapapun jua. Penerimaan Agama itu bererti penyerahan takluk kepadanya. Maka tiada boleh penyerahan menerima Agama itu dilakukan dengan paksaan, bukan sahaja dengan maksud bahwa seseorang itu tiada boleh memaksakan agamanya kepada orang lain, bahkan juga bahwa bagi dirinya sendiri sekalipun, tiada boleh dia *memaksakan dīn* kepadanya: dirinyalah sendiri yang harus sedar sukarela takluk taat menyerah menghidupi *dīn*, dan harus pula dia menyukai dengan sungguhati penyerahan diri yang dilakukan itu. Penyerahan diri yang dienggani serta dibenci itu sebenarnya memperlihatkan keangkuhan, penentangan dan pemberontakan terhadap Tuhan Yang Hak, dan dapat disifatkan sebagai *memungkiri* Kebenaran yang dipercayai itu—

---

[29] *Al-Baqarah* (2): 256.

yakni sebagai *menyalah-percayai* Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*—suatu kelakuan yang merupakan salah satu kenyataan kufur: *kufr*. Sangatlah salah bagi kita menganggap—seperti banyak di kalangan kita yang kini keliru menganggap—bahwa dalam tanggapan Agama Islām kepercayaan terhadap Tuhan Yang Esa, atau pengikraran terhadap WujudNya dan KeesaanNya itu sudah cukup memadai syarat keimanan; dan bahwa kepercayaan serta pengikraran yang demikian itu dapat menjamin keamanan serta keselamatan diri di Akhirat kelak. Kita harus mengambil ibarat dari kisah Iblis, betapa dia—walaupun percaya akan Tuhan Yang Esa dan mengikrarkan Hak Ta'ālā, dan mengenali serta mengakuiNya sebagai Khaliqnya Yang Mengasuh serta Memeliharanya, sebagai Tuannya Yang Mutlak: *rabb*—tetap juga tergelincir jatuh menjadi makhluk yang pertama-mula mencontohkan sikap kafir: *kāfir*, dilaknati Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*. Walaupun Iblis menyerahkan dirinya kepada Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, namun begitu penyerahannya itu dienggani jua; dibenci secara yang biadab; dan kufurnya itu disebabkan oleh kesombongan takabbur berani menentang berontak tiada mahu mentaati Perintah Allāh Yang Mahaluhur serta Mahasuci daripada terkena babitan sebarang takabbur dan tentangan dan pemberontakan! Kelakuan Iblis itulah sesungguhnya yang mencontohkan kelakuan yang terlalu sangat buruk mengkagumkan perihal penyerahan yang dienggani. Justeru itulah maka kesimpulannya semakin nyata bahwa penyerahan yang dienggani itu bukan dia menandakan iman sejati, bahkan dia menyatakan bahwa seorang kafir itu mungkin juga merupakan seorang yang, walaupun percaya akan Tuhan Yang Esa dan mengikrarkan WujudNya dan Kebenarannya, tetap tiada mahu takluk tunduk mentaati PerintahNya menyerahkan dirinya dengan rela-ikhlas; sebaliknya pula dia lebih suka berdegil menekadkan diri melakukan penyerahan yang cara-kaedah dan bentuk dan rencana dan gayanya semua tiada diperkenan atau diberi pengesahan atau dinyatakan serta diperintahkan oleh Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*. Penyerahan

sejati adalah yang telah dilengkap-sempurnakan oleh Rasūlu'Llāh, *ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam,* sebagai tauladan bagi bangsa insani jua, kerana kaedah dan bentuk dan rencana dan gaya yang dicarakan olehnya itulah kemuncak penghabisan cara penyerahan diri yang telah diamalkan oleh para Anbiyā' dan Mursalīn sebelumnya, dan yang dinyata serta diajarkan, diperkenan diberi pengesahan diperintahkan oleh Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā.* Kesimpulannya jelas bahwa yang menjadi pokok-punca serta intisari Agama Yang Sebenarnya itu bukanlah *keimanannya,* akan tetapi lebih utama lagi adalah *keislamannya,* yakni: *penyerahan sejatinya*; justeru sebab penyerahan sejatinya itulah yang benar-benar mengikrar serta mengisbatkan, yang betul menyungguh-benarkan, keimanannya.

Faham *dīn* yang memaksudkan ketaat-setiaan sejati patuh kepada Perintah serta Kehendak Tuhan Yang Hak, dan penyerahan diri yang benar-benar mencarakan penyerahan sejati seperti yang telah diringkaskan tadi, sesungguhnya hanya nyata dan benar berlaku sebagai hakikat hidup dalam Agama Islām sahaja. Dalam Islāmlah tercermin segala kemungkinan makna *dīn* itu dengan jernihnya; dan dalam Islāmlah jua berlaku segala pengalaman ruhani yang terkandung dalam faham *dīn* itu dengan lengkap sempurnanya. Islām itu menuturi Cara-Gaya Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā,* merencanakan pemerintahan KerajaanNya; Islām itu meniru gaya-tabiat pengawalan serta peraturan Alam Semesta dalam caranya menyatakan kaedah susunan masyarakat dan politik Ummatnya di dunia. Susunan masyarakat Islām itu—di sini-kini jua—meliputi segala sifat kehidupan insan, yakni yang bersifat jasmani dan ruhani dan yang bersifat benda; dan Islām jugalah yang memberi nilaian kepada masing-masing sifat hidup insaniah itu serta menempatkan keutamaannya pada tempatnya yang wajar dengan sedemikian lakunya sehingga membawa keadilan pada diri perseorangan dan masyarakat: kepada diri perseorangan sebagai insan jasmani yang memerlukan kebajikan hidupnya

dan juga kepada insan ruhani niscaya diri seorang Muslim itu sekaligus menghidupi dirinya sendiri dan Kaumnya; dan Kaumnya pun dia jua, justeru sebab tiap diri seorang Muslim dalam lingkungan Kaum Muslimin seluruhnya itu masing-masing berusaha bagi mencapai maksud-tujuan hidup dan matlamat akhir yang sama. Susunan masyarakat Islām itu—yakni cara-rencana membentuk serta menyusun kehidupan bermasyarakat dalam Islām—*itulah* sebenarnya Kerajaan Tuhan Yang Mahaadil dalam dunia ini, justeru kerana dalam susunan itu Tuhan Sendiri jua, dan bukan insan, yang *tetap* Berdaulat sebagai Raja Agung Yang KehendakNya dan Hukum serta Undang-UndangNya dan PeraturanNya dan Perintah-LaranganNya—semuanya ini berlaku bermahakuatkuasa atas tiap diri seorang Muslim dan segenap Kaum Muslimin. Insan itu, sebagaimana tampak pada nazar duniawi yang difahamkan oleh Islām, hanyalah *khalīfahNya* jua: *khalīfah* dan tanggungjawabnya sebagai khalīfah itu ialah menyelenggarakan dengan adil kuasa memegang *amanah*: *amānah* yang telah diberikan kepadanya bagi memerintah dan mengawal menurut Kehendak dan KeredhaanNya. Apabila kita sebut kata "memerintah" dan "mengawal" maka bukanlah hanya pemerintahan dan kawalan yang merujuk kepada politik negara dan masyarakat dan alam sekeliling sahajalah yang dimaksudkan; akan tetapi, lebih dari itu—bahkan lebih asasi dan afdhal lagi—kita memaksudkan juga pemerintahan dan kawalan diri insan oleh pihaknya sendiri, kerana amanah yang dimaksudkan itu merujuk kepada kebebasan diri insan untuk melakukan keadilan terhadap dirinya sendiri jua. Mengenai perkara ini nanti akan saya rujuk semula di tempat yang wajar, sebab di sekitar maudhuk inilah terletak asas-asas *faham* akhlak dalam Islām. Islām itu—kita sebut lagi—adalah suatu susunan cara hidup bermasyarakat yang diredhai Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*. Namun begitu, dalam susunan masyarakat ini tiap diri perseorangan itu tiada pula dikehendaki supaya hapus terlebur dalam khidmah bagi kepentingan masyarakat melulu. Tiap diri perseorangan, masing-masing mengikut kadar yang telah

ditetapkan untuknya, dan mengikut daya-kuasa yang diberikan oleh Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, untuk menunaikan tanggungjawab serta kebebasannya sehingga terkabul maksud-tujuan hidupnya, giat berusaha demi mencapai serta menjadikan hasrat hidupnya itu jadi terkabul sebagaimana yang direncanakan olehnya menuturi Cara atau Jalan[30] yang telah dijelaskan dalam Kenyataan Hukum dan Undang-Undang yang dinuzulkan[31] dan yang dipatuhi serta ditaati oleh semua anggota Kaum Muslimin. Maka dari itu berikutlah pula kenyataan bahwa sebagaimana tiap diri seorang Muslim itu *khalīfah* Allāh di atas bumi ini, maka demikian jugalah tiap diri seorang Muslim itu hambaNya, *'abd* Allāh; dan dalam melaksanakan dwi-peranan ini dia giat berusaha menyempurnakan ibadahnya mengikut cara yang diperkenan oleh Rajanya Yang Hak dan Tuannya Yang Mutlak. Dan dari kerana tiap diri seorang Muslim dalam rangka susunan masyarakat Islām itu bertanggungjawab semata-mata kepada Rajanya Yang Hak itu jua, maka demikian pula tiap diri seorang Muslim dalam rangka masyarakatnya itu masing-masing mengarahkan tumpuan taat-setianya yang sebenarnya hanyalah kepada Tuannya Yang Mutlak, tiada kepada lain, kerana Dialah Raja dan Tuannya Yang Sebenarnya.

Telah kita katakan tadi bahwa faham *dīn* itu membayangkan suatu gambaran pada nazar akali peri sebuah kotaagung, sebuah kerajaan—sebuah negararaya. Perusahaan dan perdagangan yang giat berlaku dalamnya itu ibarat darah hayati yang mengalir dalam nadi kerajaan itu, yang menghidupkannya dengan kehidupan yang sihat-segar serta subur menumbuh. Dan sesungguhnya segala gambaran perusahaan dan perdagangan dan kegiatan kerja-usaha yang bersangkut-paut dengannya dalam suasana hidup duniawi ini

---

30 Cara dan Jalan merujuk kepada akhlak serta budi pekerti yang sempurna lengkap, yakni *iḥsān*.

31 Kenyataan hukum dan undang-undang yang dinuzulkan, yakni hukum syarak atau *Syarī'ah*.

memanglah sudah sedia terkandung dalam faham *dīn* seperti yang telah dihuraikan di sini takat ini. Maka tiadalah patut menghairankan bagi kita apabila kita lihat bahwa dalam Kitab Suci al-Qur'ān'ul-Karīm itu sendiri jelas tergambar kehidupan duniawi ini berkali-kali dilukiskan dengan kias-ibarat yang sungguh tepat menayangkan suasana kegiatan usaha-niaga. Dalam negararaya atau kerajaan yang tercermin oleh faham *dīn* sebagaimana tampak pada tayangan peribaratan al-Qur'ān'ul-Karīm, maka terlukis jelas kegiatan dan kesibukan noda perniagaan, laksana denyutan darah hayati yang dialirkan oleh gerak jantung yang merupakan punca hidup badan negara. Insan tiada dapat tiada mesra terlibat dalam Perdagangan ini: *al-tijārah,* Perdagangan yang dalamnya dia itu sendirilah bahan jual-belian dirinya. Dialah pokok dan modalnya, dan untung ruginya pun dia jua; dan keuntungan atau kerugiannya itu berpokok-punca pada rasa-insafnya akan tanggungjawab dirinya bagi melaksanakan kebebasannya. Dia menjalankan amanah jual-beli: *bay'ah,* dan penukaran barang jual-belian: *ishtarā,* dan justeru dirinyalah yang dijual atau dibeli atau ditukarkan; dan tergantung serta berdasar kepada kecenderungannya bagi melaksanakan samaada gerakdaya sungguhati yang mulia dan amalannya yang bersesuaian, atau yang sebaliknya pula, maka Perdagangannya itu samaada akan beruntung: *rabiḥa'l-tijārah,* atau merugi: *mā rabiḥa'l-tijārah.*[32] Dalam gambaran keadaan yang timbul menjelma pada nazar akali maka harus tampak jelas bahwa insan yang sedang giat berusaha-diri sedemikian laku itu tentulah menginsafi akan sungguh-beratya berani-niaga yang telah disanggupi olehnya itu.[33] Insan demikian bukan dia itu binatang belaka, yang hanya makan-minum-tidur dan bergopoh mengejar kesedapan indera jasmani[34] yang

---

[32] Yakni sama maksudnya dengan faham *khusr*. Sila lihat di atas m.s. 13-16.

[33] Sila rujuk: *Al-Aḥzāb* (33): 72.

[34] Sila rujuk: *al-A'rāf* (7): 179.

melayani hawa-nafsu yang rakus-gelojoh—bukan dia manusia liar-ganas, bukan biadab dia yang dengan sedemikian laku mengatasi dirinya dalam keinsafan akan beratnya tanggungjawab yang rela dipikulnya, dan dalam kesedaran akan kebebasannya bagi menunaikan penebusan dirinya dari beban Ke-ada-an. Kepada insan demikianlah—insan yang menukarkan dirinya bagi mendapatkan diri hakikinya—dirujukkan maksud tujuan Kata-kata Suci dalam al-Qur'ān 'ul-Karīm:

إِنَّ ٱللَّهَ ٱشْتَرَىٰ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ

> Sanya sesungguhnya Allāh telah membeli dari Mu'minin dirinya masing-masing.[35]

Merujuk kepada insan yang Islām,[36] maka faham *dīn* itu membayangkan adanya kelengkapan dalam diri insan yang menganjurkan kemungkinan timbulnya kebolehan dirinya itu menjadi suatu jenis insan yang lebih luhur tarafnya daripada yang lain; suatu jenis insan yang berdaya mendaki gunung tinggi hasrat mulia bagi memperbaiki darajat diri—pembaikan nilai-diri yang tiada kurang dari pelaksanaan daya menjelmakan kelengkapan yang sedia ada pada dirinya itu niscaya menjadi *insān kāmil.* Insan yang Islām sebagai penduduk sebuah Kotaagung, sebuah *madīnah*[37] sebuah Kerajaan, sebuah Negararaya—insan yang menjadi warga Negara Islām, yang menghidupi kehidupan adabi patuh menuturi dasar-dasar tetap yang jelas mencarakan susunan masyarakat; menuturi tatacara kelakuan-akhlakiah,—ialah dia yang menganggap segala perbuatan taat menepati Hukum dan Undang-Undang Ilahi, segala dayausaha mendiri-tegakkan keadilan sejati, segala ketekunan menilai serta menuntut ilmu

---

35 *Al-Tawbah* (9): 111.
36 Yakni: orang yang Islām: Muslim.
37 Sila lihat catatan 3 di atas.

yang betul benar hakiki itu semuanya sebagai punca-punca nilai budipekerti yang menuju ke arah keihsanan. Padanya tujuan akhir segala amal kelakuannya itu tiadalah lain daripada mencapai kebahagiaan abadi, meningkat naik masuk ke dalam suatu makam amandiri yang terlalu amat murni, yang sekalipun di alam-fana ini entah-entah dapat juga dijamahnya sejurus, namun yang memang sudah dijanjikan kepadanya apabila dia tiba diterima masuk melalui Gerbang Madinah Yang Lain kelak, menjadi penduduk tetap, menjadi warganegara Negara dan Kerajaan Yang Lain kelak di mana kemuncak kebahagiannya adalah penatapan Wajah Bermahaseri Raja Agungnya.

Dalam hal Islām itu merupakan suatu *ringkasan* Peraturan Tertib Ilahi yang meliputi Alam Semesta, merupakan *bayangan ringkas* Rencana Agung yang mengatur Semua dalam Kawalan Yang Menjadikannya, begitulah insan yang Islām yang sedar akan nasib gemilangnya insaf tahu bahwa dia itu sendiripun, sebagai diri jasmani dan sifat basyariah, juga suatu *ringkasan* Alam Semesta yang teratur tertib itu; suatu *bayangan* atau *salinan ringkas*, suatu Alam Kecil: *'ālam ṣaghīr* yang mencerminkan pada dirinya Sifat Alam Agung: *al-'ālam al-kabīr*. Maka seperti juga Islām merupakan suatu kerajaan, suatu pemerintahan, suatu susunan masyarakat dan politik negara—begitulah insan yang Islām itu tahu bahwa diapun pada hak dirinya suatu kerajaan kecil lengkap dengan pemerintahan dan susunan peranggotaan dan pentadbiran diri jasmaninya, kerana pada dirinyalah terencana—sebagaimana terencana pada diri insaniah amnya—Sifat-sifat Khaliq dengan tiada sebaliknya berlaku yang demikian itu. Dan demikian jualah maksud Ḥadīth Qudsiyy:

ان الله تعالى خلق آدم على صورته

Sesungguhnya Allāh Ta'ālā menjadikan Adam itu atas RupaNya.

Insan itu kedua-duanya nyawa dan badan; dia sekaligus ruhani dan jasmani, dan ruhnya harus memerintah dan mengawal dan mengatur badannya seperti Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, memerintah, mengawal dan mengatur Alam Semesta. Insan mempunyai dua diri yang bersabit dengan dua sifat yang ada padanya itu, yakni: diri yang luhur yang bersifat akali: *al-nafs al-nāṭiqah* dan diri yang rendah yang bersifat hayawani: *al-nafs al-ḥayawāniyyah*. Pada awal mula tadi, telah saya nyatakan bagaimana dalam kandungan pelbagai makna-dasar faham *dīn* itu terdapat berlaku seolah-olah pertentangan pengertian, misalnya seperti makna-dasar yang merujuk kepada *penyerahan diri* berlawan dengan yang merujuk kepada *kekuasaan* dan sebagainya ini; dan telah saya nyatakan juga bahwa keadaan seolah-olah berlakunya pertentangan makna itu bukanlah menunjukkan adanya kesamaran dalam faham *dīn* , akan tetapi bahwa yang demikian itu sebenarnya membayangkan hakikat pertentangan sifat yang ada pada diri insan itu sendiri jua.[38] Maka kini telah tiba saatnya untuk menjelaskan lebih lanjut bahwa dwi-sifat insan yang terbahagi kepada diri yang luhur yang bersifat akali dan diri yang rendah yang bersifat hayawani itulah yang menjadi punca hakikat pertentangan yang ada pada diri insan itu dan yang dibayangkan pula oleh pelbagai makna-dasar faham *dīn*. Di sekitar maudhuk diri insan inilah maka harus tampak bahwa *dīn* dan *aslama*, yang jikalau dirangkapkan keduanya itu membawa maksud pengertian *Islām*, bererti *penyerahan diri* yang rendah yang bersifat hayawani kepada *kuasa* dan *hukuman* diri yang luhur yang bersifat akali—dan tiada sebaliknya. Dengan lebih tepat lagi memadailah kita mengingatkan semula sabda Rasūlu'Llāh, *ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam*:

---

[38] Sila lihat di atas, m.s. 3, 4, 5, catatan 2.

الكيس من دان نفسه وعمل لما بعد الموت

"Yang cerdik-pandai itulah dia yang menyerahkan dirinya dan beramal bagi apa yang akan didapati sesudah mati kelak"—

Dāna nafsahu, yakni: *menyerahkan, memperhambakan, mengabdikan dirinya*; dan dirinya yang dimaksudkan di sini ialah diri yang rendah yang bersifat hayawani jua, dan penaklukan diri itu dilakukan oleh kuasa diri yang luhur yang bersifat akali, sebagaimana sudah memang sepatutnya. Dengan faham *akali,* yang merujuk kepada akal: *al-'aql,* patut pula saya jelaskan bahwa di sisi Islām akal itu bukanlah semata-mata sesuatu yang bersabit dengan diri jasmani insaniah melulu, akan tetapi akal itu adalah sesuatu yang bersifat ruhani jua. Akal itu bersabit dengan kalbu: *al-qalb,* dan umpama cahaya dalamnya yang dapat membezakan yang hak dan yang batil; akal itu juga sesuatu yang merupakan hakikat diri: *al-nafs,* baikpun diri ruhani mahupun diri jasmani; akal itu juga suatu kuat-kuasa: *al-quwwah* yang ada pada diri jasmani sebagai alatnya bagi menghasilkan daya fikir—dan banyak lagi takrifnya yang tiada perlu dijelaskan kini. Memadailah menjelaskan bahwa diri akali itu sepatutnya memperabdikan diri hayawani jua; dan penghasilan penyerahan diri seperti inilah yang dimaksudkan dengan *aslama* dan *islām*; dan insan yang Islām yang melakukan tindakan demikian itu sesungguhnya melakukan *dīn* terhadap dirinya. Apabila Rasūlu'Llāh, *ṣalla 'Llāhu 'alayhi wa sallam,* bersabda:

موتوا قبل أن تموتوا

"Matikanlah dirimu sebelum kamu mati."—

maka samalah maksudnya dengan mengatakan: "*Kembalikanlah* dirimu sebelum kamu benar-benar *kembali*"—yakni: "sebelum kamu benar-benar mati." Di sini kita rujukkan lagi faham ini kepada faham *pengembalian diri* yang dihuraikan mula-mula tadi, dan ini bererti *penyerahan* diri hayawani kepada *kuasa pengabdian* diri akali, diri insan yang sebenarnya. Dan merujuk kepada pengenalan diri akali inilah dia, *ṣalla 'Llāhu 'alayhi wa sallam*, bersabda:

من عرف نفسه فقد عرف ربه

"Barangsiapa mengenal dirinya maka sanya dia mengenal Tuhannya."—

kerana mengenal diri akali itu sebagai nisbah ibarat kepada mengenal Tuhannya Yang Hak jua, sebab diri akali inilah yang sedia mengenali Tuhannya. Bukankah diri akali ini jua yang telah menjawab "*Ya!*" kepada Firman: "*Bukankah Aku Tuhan kamu* ?"dan jawabannya "*Ya!*" itu menunjukkan pengenalannya terhadap Tuhannya Yang Sebenarnya; maka barangsiapa mengenalnya maka sanya dia mengenal Tuhannya menerusi pengenalannya yang sedia itu jua. Lagi pula, apabila Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, Berfirman kepada zuriat Adam, *'alayhi'l-salām*: "*Bukankah Aku Tuhan Kamu?*" maka diri akali *tiap insan* telah mendengarnya dan menjawab "*Ya*!" dan mengangkat saksi dan mengikat janji bagi pihaknya sendiri masing-masing. Maka dari itu tiap insan yang Islām yang mendapat petunjuk Ilahi menepati Janjinya dan Penyaksiannya dan bertindak menurut Titah Kehendak Tuhannya sebagai hambaNya yang taat sejati, scbagai abdiNya. Telah saya rujuk tadi perihal tujuan insan itu dijadikan dan diadakan zahir mawjud di dunia ini, dan saya katakan bahwa tujuan itu adalah untuk menyelenggarakan khidmah pengabdian diri atau tugas ubudiah kepada Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*. Telah dijelaskan juga bahwa khidmah pengabdian diri yang dimaksudkan itu digelar ibadah, yang merujuk kepada segala kerja amal-ibadat

yang disedari serta direlai semata-mata hanya kerana Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā,* Sendiri dan yang diredhai olehNya dan diperkenanNya termasuk amal-ibadat sembahyang fardhu dan lain-lain lagi. Kini saya tegaskan pula lagi bahwa kepada insan yang Islām seluruh hidup akhlakiahnya itu merupakan suatu ibadat yang terus-menerus tiada putusnya, justeru kerana Islām itu sendiri memperikan suatu *cara-hidup* yang lengkap-sempurna. Apabila insan itu telah berjaya menaklukkan diri hayawaninya dengan amal-ibadatnya niscaya taat patuh kepada kuasa dan kehendak diri akalinya, maka insan demikian itu diperikan sebagai yang telah mencapai kebebasan, dengan erti bahwa dia telah menunaikan tujuan dia itu dijadikan zahir mawjud di dunia ini; dia telah mencapai keamanan murni[39] bagi dirinya yang telah ditenteramkan itu; dia telah berjaya membebaskan diri dari belenggu nasib zahiri dan dari dengung-risau beban bertegang dalam neraka kejahatan insan hayawani. Diri akali yang berada dalam makam ini digelar dalam Kitab Suci al-Qur'ān'ul-Karīm sebagai diri yang aman-tenteram: *al-nafs al-muṭma'innah*; dan kepadanyalah *pemulihan kembali* yang sering disebut dalam risalah ini disabitkan jua; dan kepadanyalah akan ditujukan Kata-Kata Suci Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā:*

يَٰٓأَيَّتُهَا ٱلنَّفْسُ ٱلْمُطْمَئِنَّةُ ٱرْجِعِيٓ إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً

فَٱدْخُلِي فِي عِبَٰدِي وَٱدْخُلِي جَنَّتِي

"Wahai diri yang aman-tenteram! Kembalilah kau kepada Tuhanmu—redha (bagimu sendiri) dan meredhai sangat bagiNya! Masuklah kau di

---

39 Apabila kita sering katakan bahwa *Islām* bererti *Keamanan,* kita maksudkan sesungguhnya bahwa erti demikian itu membayangkan akibat penyerahan sejati yang terkandung dalam makna kata-kerja *aslama.*

> kalangan hamba-hambaKu! Ya, masuklah kau ke jannatKu!"[40]

Inilah dia diri hamba yang telah menunaikan Perjanjian Asalinya dengan Tuhannya Yang Hak; telah menunaikannya dengan mengikrar serta mengisbatkan Perjanjian itu dalam kehidupannya yang merupakan ibadat pada keseluruhannya. Dari kerana tiada yang dapat *mengenal* Tuhannya melainkan hambaNya yang taat-setia jua, yang dengan khidmah ibadah hidupnya itu lambat-laun dia mencapai *keakraban* dengan Tuannya, maka keakraban inilah yang mengakibatkan ibadah itu menjadi terletak pada peringkat makam yang amat luhur ini. Dan dari kenyataan ini kita lihat bahwa ibadah itu, pada peringkat akhirnya, merupakan makrifat jua: *ma'rifah* yakni: *ilmu pengenalan*. Sebab itulah maka tafsiran Ayat Suci yang telah kita sebut pada awal-mula tadi—

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلإِنسَ إِلاَّ لِيَعْبُدُونِ

> "Tiada Kujadikan Jin dan Insan melainkan bagi mengabdikan diri kepadaKu jua"[41]—

mengandung selain daripada tafsiran *ya'budūni* itu sebagai: '*mengabdikan diri* atau *mengerjakan ibadat* kepadaKu jua,' tafsirannya yang membawa erti: *ya'rifūni* '*mengenal Daku*' :

> Tiadalah Kujadikan Jin dan Insan melainkan bagi mengenal Daku.

Kedua tafsiran ini benar belaka dan tiada berselisihan, justeru kerana tafsiran yang pertama itu menggambarkan *makam awwali* bagi faham *ibadah* jua, sedangkan tafsiran yang kedua

---

40 *Al-Fajr* (89): 27-30.

41 *Al-Dhāriyāt* (51): 56. Sila lihat di atas m.s. 21-24.

itu menggambarkan *hasil terakhir ibadah*: pencapaian makam yang mulia, yang hanya akan dianugerahkan kepada insan yang Islām oleh Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, dengan syarat diredhai olehNya ibadatnya dan bergantung kepada KehendakNya.

Telah saya gariskan di sini suatu rencana-dasar mengenai intisari Agama Islām sambil menunjukkan pula dengan secara umum, yang memang boleh diperincikan kepada bahagian-bahagiannya yang saling bersangkut-paut sehingga menggambarkan suatu pandangan lengkap yang luas mendalam, betapa meliputi Islām itu sedemikian mesranya menyerapi seluruh bidang kehidupan diri perseorangan serta juga diri-diri yang bergabung sebagai masyarakat. Telah saya katakan bahwa Islām itu sama Islām *itu* jua, baikpun sebagai Agama yang dihidupi oleh diri perseorangan, mahupun sebagai Agama yang dihidupi oleh diri-diri yang bergabung sebagai Kaum Muslimin dan Ummat Islām. Tiada berbeza Agama Islām itu sebagai yang tercermin dalam diri perseorangan dan juga dalam masyarakat Islām. Pada hakikatnya tiada terdapat sesuatu yang difahamkan sebagai *pandangan sendiri* mengenai Islām dan Islām sebagai yang *tiada dipengaruhi oleh rasahati diri sendiri*, seolah-olah ada pula Islām yang lain daripada apa yang diketahui serta diamalkan oleh Kaum Muslimin seluruhnya dan juga oleh seorang Muslim sebagai diri perseorangan. Fahaman yang mengelirukan tentang adanya pandangan sendiri dan pandangan yang tiada dipengaruhi oleh rasahati diri sendiri terhadap sesuatu agama itu tiada dapat dikenakan kepada Islām sebab Islām bukan sesuatu yang direka oleh fahaman insan dan akal nazarinya, dan Islām sudah jelas dan lengkap-sempurna, serta terencana dalam Tanzīl yang dirakamkan dalam bahasa yang hidup serta terpelihara dari sebarang kekeliruan. Maka tiada perbezaan antara Islām yang dihidupi oleh diri perseorangan dan yang dihidupi oleh masyarakat Islām; tiada perbezaan yang membezakan dengan erti bahwa yang dianuti diri perseorangan itu kurang benar atau kurang tepat

mencerminkan hakikat Islām, atau yang dianuti masyarakat itu yang lebih lengkap dan merupakan tafsiran yang sebenar sedangkan yang dianuti diri perseorangan itu hanyalah tafsirannya sendiri menurut kefahaman dirinya—seolah-olah Islām yang sebenarnya itu tiada dapat dicapai dan hanya merupakan suatu idam-idaman atau harapan belaka yang senantiasa liar dari pencarian insan. Islām yang kita anuti ini Islām yang sudah ditafsirkan dan dijelaskan, dan dicarakan dan diperkenalkan dan diberitahukan dan diamalkan—yakni yang sempurna disunnahkan oleh Rasūlu'Llāh, *ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam*, yang menzahirkannya, dan oleh para Sahabatnya, *radiya'Llāhu 'anhum*, dan oleh para Pengikut Sahabatnya dan oleh para Pengikut kepada Pengikut Sahabatnya, *raḍiya'Llāhu 'anhum ajma'īn*, dan oleh Mu'minin dan Muslimin seterusnya hingga ke Hari Pembalasan Kelak. Maka apa yang dialami oleh diri perseorangan yang Muslim sebagai Islām itu samalah dengan Islām yang dialami oleh masyarakat Kaum Muslimin. Jikalau ada terdapat sekalipun sesuatu yang dianggap orang sebagai "perbezaan" antara Islām yang difahami serta dianuti oleh seseorang Muslim dan yang difahami serta dianuti oleh yang lainnya dan oleh masyarakatnya, maka yang demikian itu bukan merujuk kepada *hakikat Islām*, akan tetapi kepada *amalan insan* dan *hakikat* insaniah jua, yang masing-masing *tiada sama* taraf pengenalan dan kearifan dan kefahaman dan keimanan dan keislamannya. Meskipun demikian, perbezaan *taraf* kefahaman dan *darajat* tilikan batin dan *amalan* yang terdapat berlaku antara seorang Muslim dan yang lainnya satu sama lain itu semuanya merujuk kepada pengalaman hidup Islāmiah yang bersabit dengan keihsanan. Bagaimanapun jua halnya, semua Muslim itu sudah berada dalam keadaan Islām, dan Islāmnya masing-masing itu Islām itu *satu* jua, tiada lain. Maka itu haruslah kini jelas bahwa dalam kenyataan tafsiran kita Islām itu suatu *kesatuan* yang menegaskan kemutlakan kesatuannya menerusi dua kenyataan, yakni: Islām itu *kedua-duanya* keadaan beriman: *īmān, dan juga* penyerahan sejati diri dalam khidmah

ibadat: *islām*; Islām itu pengakuan kebenaran: *taṣdīq* yang diisbatkan oleh kalbu dan akal dan diikrarkan oleh lisan, *dan juga* 'amal ibadat yang memperikan segala yang diisbat serta diikrarkan itu; Islām itu kesatuan yang saksama yang menetapkan nisbah yang seimbang kewajarannya antara *kedua-duanya* ruh *(rūḥ)* dan badan *(badan)* dan yang ruhani *dan* jasmani; Islām itu taat *(ṭā'ah)* menuturi dengan patuh Perintah Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā, dan juga* RasūlNya Muḥammad, *ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam*; Islām itu menerima dengan sungguhati rela serta dengan kefahaman maksud *Kalimah Shahādah* bahwa tiada Tuhan melainkan Allāh *dan juga* bahwa Muḥammad itu Rasūl Allāh—Islām itu kesatuan segala ini, termasuk segala perkara yang bersabitan dengannya, baikpun perkara īmān mahupun perkara amal, yang dihidupi dalam diri perseorangan yang Muslim *dan juga* dalam Kaum Muslimin pada keseluruhannya. Tiada mungkin terdapat dalam kesaksamaan serta keseimbangan sifat kesatuan yang menetap-mesra ini, yang menjadikan Islām itu Agama yang teguh berdiri tegak sempurna, perbezaan, atau pembelah-bahagian, atau penduaan, justeru sehingga bagi Islām tiada mungkin dapat seseorang itu dianggap benar-benar beriman sebagai seorang *Mu'min* dengan tiada pula dia sungguh-sungguh menyerahkan dirinya dalam khidmah amal ibadat sebagai seorang *Muslim*; tiada mungkin dapat pengakuan kebenaran atau tasdik yang diisbatkan oleh kalbu dan akal dan yang diikrarkan oleh lisan itu dianggap sebagai benar-benar tasdik dan pengisbatan dan pengikraran yang sah dengan tiada disaingi pula dengan usaha amal ibadat; tiada mungkin dapat seseorang itu dianggap sejati taat-setianya kepada Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, dengan tiada pula dia mentaati secara setia-ikhlas RasūlNya Muḥammad, *ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam*; dan tiada mungkin dapat penerimaan seseorang akan *Kalimah Shahādah* itu dianggap benar-benar menyaksikan bagi pihak dirinya kebenaran bahwa tiada Tuhan melainkan Allāh dengan tiada pula dia turut menerima secara sungguhati bahwa Muḥammad itu Rasūl Allāh, kerana sesungguhnya memang

dialah, *ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam,* yang pertama-mula menzahir-nyatakan Kalimah Tauhid.

Telah saya tunjukkan juga dalam risalah ini betapa asasinya kenyataan Tanzīl al-Qur'ān'ul-Karīm peri sifat Perjanjian Asali diri atau ruh insan dengan Tuhannya Yang Hak mengakui KetuhananNya dan menyaksikan bagi pihak diri masing-masing KetunggalanNya yang Mutlak; dan bagaimana hakikat Perjanjian Asali ini bersabit rapat dengan faham *dīn* sebagai *fiṭrah* yang mencerminkan Rencana Agung peraturan tertib Pemerintahan Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā,* mengawal Alam Makhluk Semesta; dan juga telah saya sabitkan faham *dīn* itu dalam perbandingannya dengan faham Alam Agung dengan kiasan nisbi kepada insan sebagai Alam Kecil yang mencerminkan sifat-sifat Alam Agung itu dengan tiada sebaliknya, betapa diri akali insan dalam Alam Kecil itu harus memerintah dan mengawal dan menguasai Alam Kerajaannya itu. Perjanjian Asali diri insan dengan Tuhannya Yang Hak; dan hakikat kenyataan kedudukan hamba berhadapan dengan Tuannya, dan sifat nisbah yang berlaku di kalangan antara hamba dengan Tuannya semua yang dinyatakan dalam Perjanjian itu, sesungguhnya memang merupakan pokok-punca bagi faham *dīn* jua sehingga menjadi *dasar asasi* Agama Islām, seperti yang kini akan saya huraikan lebih lanjut. Perjanjian itu telah dilangsungkan dengan semua diri zuriat Adam, *'alayhi'l-salām,* dan Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā,* mengarahkan Firman yang mengikat diri insan kepada Perjanjian itu, yakni: "*Bukankah Aku Tuhan kamu?*" (*alas-tu bi-Rabbi-kum*) *sekaligus* kepada pihak diri masing-masing bersendirian *dan* kepada diri-diri sekalian yang semuanya berhimpun menghadap HadhratNya, niscaya tiap diri dan keseluruhannya semua mengakui dan menerima dan menyaksikan Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā,* sebagai Tuhannya Yang Hak. Mengakui dan menerima Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā,* sebagai Tuhan *(rabb)* bererti mengakui dan menerimaNya sebagai Raja Agung Yang Mutlak *(mālik)* Yang Memiliki Semua dan Empunya Segala *(ṣāḥib)*; sebagai

Pemerintah, Pengatur, Pengawal, Penguasa; Tuan segala Hamba dan segala itu memanglah hambaNya; mengakui dan menerima bahwa Dialah Yang Menjadikan Segala Semesta, Yang Mengasuh serta Memelihara Semua, Yang Membina dan Memberi Rezeki. Kita katakan begini kerana tiap gelaran tersebut serta kesemuanya pengertian yang terkandung dalamnya masing-masing itu memanglah sudah terangkum dalam faham *Tuhan*—sebagaimana terbayang dalam bahasa Arab yang menjadi pengantar Agama Islām. Semua ruh atau diri asali insan itu mempunyai taraf yang serupa berhadapan dengan Tuhannya, yakni semuanya itu serupa sebagai hambaNya dan hak-milikNya; sebagai yang diperintah, diatur, dikawal, dikuasai olehNya; sebagai yang diperhambakan; dan serupa dijadikan diasuh, dipelihara, dibina, diberi rezeki olehNya. Dan dari kerana Perjanjian itu bermaksud kepada kedua-duanya diri ruh itu sendiri dan diri-diri arwah yang berhimpun semuanya itu, maka kita lihat kini di sini di dunia zahir ini, apabila masing-masing diri itu dizahirkan sebagai insan yang termasuk dalam kandungan Islām—di sinipun semua diri itu jugalah yang berhimpun bergabung berpadu dalam dayausaha menunaikan Perjanjiannya secara bersama sebagai masyarakat dan Ummat dan secara bersendirian, dengan sedemikian lakunya sehingga Islām itu sekaligus Agama yang dihidupi oleh diri perseorangan dan yang dihidupi oleh masyarakat dan Kaum dan Ummat seperti yang telah disebut tadi. Islām itu memperlihatkan sifat keseimbangan perpaduan diri perseorangan dan masyarakat. Yang menyatu-padukan tiap diri seorang Muslim satu sama lain dalam suatu perikatan persaudaraan yang sangat menakjubkan, yang tiada bagainya di kalangan makhluk jelata—yang mengatasi segala sekatan dan batasan bangsa dan kebangsaan, dan ruang dan masa, dan lebih kukuh eratnya daripada perikatan kekeluargaan duniawi—tiadalah lain daripada Perjanjian Asali itu jua; sebab diri-diri yang di sini mentaati Perjanjian itu masing-masing mengenali satu sama lain sebagai saudara sekeluarga ruhani. Nun di Sana di Tempat

Asali mereka masing-masing bernisbah nasab persaudaraan sejati, dan di Sini, mengenali hakikat itu, mereka bersaudaraan berkasih-sayang satu sama lain meniru gaya Sana demi meredhai Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*. Sini di tempat Persinggahan Jalan ini, walaupun yang satu zahir di Timur dan yang satu lagi di Barat, namun mereka saling bersenang hati berasa bahagia saling bertenangan mendengar cakap-cerita sesama sendiri; dan diri yang hidup zahir di zaman yang terakhir dapat juga menerima kata-kata nasihat menghibur hati daripada peninggalan saudaranya zaman lampau. Mereka itu saudara yang menempuh nasib hakiki yang serupa di alam ruhani lama sebelum mereka zahir sebagai saudara duniawi; dan sesungguhnya mereka sudahpun bernasab persaudaraan hakiki lama sebelum masing-masing dizahirkan menjelma berlainan keluarga, berpuak berkaum berupa bangsa. Maka di sinipun kita lihat bahwa Perjanjian Asali ini jualah sebenarnya yang menjadi asas faham *persaudaraan*: *ukhuwwah* dalam Islām. Perasaan persaudaraan yang benar-benar sejati yang mengikat insan yang Islām sesama sendiri dengan sedemikian eratnya, yang berasas pada dasar kukuh ruhaniah yang tiada dapat dileburkan oleh kuasa makhluk manapun inilah jua yang menyatu-padukan diri perseorangan dalam Islām dan masyarakatnya dengan cara yang tiada mengakibatkan kepada diri yang Islām kehilangan sifat perseorangannya dan kepribadiannya serta juga tiada mengakibatkan kepada masyarakat yang Islām kehilangan atau kekurangan kewibawaan serta kuatkuasanya dalam merencanakan kehidupan Kaum Muslimin dan Ummat Islām.

Perihal perencanaan serta penubuhan dan pentadbiran sistem politik dan masyarakat Islām—dalam bentuk apapun ternyata kezahirannya di dunia ini—maka Perjanjian Asali itu jualah yang menjadi asasnya. Insan yang Islām itu sesungguhnya tiada dia diikat, atau membiarkan dirinya diikat, oleh suatu "perjanjian dengan masyarakat" atau *kontrak sosial*; dan tiada pula dia menganut dasar-dasar kepercayaan mengenai Kontrak Sosial yang menjadi dasar falsafah politik

dan masyarakat Kebudayaan Barat. Justeru sesungguhnya meskipun dia hidup dan berkhidmat dalam lingkungan dasar-dasar politik dan kerajaan atau pemerintahan yang ditetapkan dan dikuatkuasakan oleh kewibawaan masyarakat *seolah-olah* suatu perjanjian dengan masyarakat—suatu *kontrak sosial*—telah diterimanya sebagai mengikat dirinya kepada kehendak masyarakat, akan tetapi sebenarnya, dan walaupun demikian tampak keadaannya, perjanjian hakiki yang mengikat dirinya itu adalah Perjanjian Asali dirinya dengan Tuhan Yang Hak jua, sehingga dia hanya dapat menerima "perjanjian perseorangan", yakni: *kontrak individu* dia dengan diri akalinya jua, untuk menunaikan apa yang dia sendiri sebagai diri akali itu telah berjanji dengan Tuhannya. Dan Perjanjian Asali diri ruhani dengan Tuhannya Yang Hak itu bukan sahaja mengikat diri itu bagi pihak sendiri serta sekaligus mengikat diri-diri arwah yang bergabung sebagai "masyarakat", akan tetapi, dan dengan lebih muktamad lagi, Perjanjian itu mengikat *tiap diri akali insan* kepada Janjinya peri pengabdiannya kepada Tuhan yang Hak. Tujuan akhir dan matlamat segala usaha akhlak dalam Islām itu sesungguhnya pada akhirnya berkena-mengena dengan hal diri perseorangan jua, dan bukan dengan masyarakat. Apa yang diamalkan oleh seorang diri insan yang Islām itu dalam dunia ini dengan amalan yang dipercayainya sungguh sebagai yang benar dan betul, adalah demikian adanya bukan kerana kehendak masyarakat, akan tetapi kerana Kehendak Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, dan RasūlNya yang menyuruh dia berbuat amalan itu; dan dia hanya berharap semoga apa yang dikerjakannya dalam hidupnya akan mendapat 'pengembalian yang baik' daripada Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, serta diredhai olehNya. Tiada suatu negara ataupun suatu masyarakat yang dapat dianggapnya benar-benar sebagai tumpuan taat-setianya yang hak, kerana dalam anggapannya negara dan masyarakat keduanya itu tiada berhak menjadi tumpuan taat-setianya dan pengabdiannya. Dan andai-kata dia dalam sebuah negara dan masyarakat Islām hidup dan berdayausaha berkhidmat demi kepentingan serta kebajikan

dan kebahagiaan negara dan masyarakatnya, maka ini hanya dapat berlaku justeru kerana masyarakat yang terdiri dari gabungan diri-diri insan yang Islām, dan negara yang dibina dan dibentuk oleh masyarakat itu, mempunyai tujuan maksud hidup yang sama dan berdayausaha melaksanakan matlamat yang sama yang telah ditetapkan oleh Islām. Jikalau tiada demikian maka wajiblah dia menentang negara dan bergiat berusaha membetulkan kesalahan atau penyelewengan masyarakat, sambil senantiasa mengingat-insafkan masyarakat yang sesat itu akan tujuan hidupnya yang sebenarnya. Kita pun sedia maklum bahwa pada peninjauan akhirnya segala usaha pencarian insan bagi mencapai apa yang dikatakan oleh para failusuf dalam bidang falsafah akhlak sebagai "kesejahteraan" dan "kebahagiaan" sesungguhnya senantiasa mengenai kesejahteraan dan kebahagiaan diri perseorangan jua. Bukannya kesejahteraan dan kebahagiaan diri-diri yang bergabung sebagai masyarakat yang lebih utama daripada kesejahteraan dan kebahagiaan diri perseorangan; dan dari itulah maka tiap seseorang diri perseorangan sahajalah yang dikenakan tanggungjawab bagi mencapai keselamatannya kelak, sebab tiada seorangpun diri perseorangan akan dapat diberikan beban memikul tanggungjawab diri yang lain, yang harus dipikul oleh diri yang lain itu sendiri jua.[42] "Kesejahteraan" dan "kebahagiaan" itu bukan dianya merujuk kepada sifat badani dan jasmani insan; bukan kepada diri hayawani sifat basyari; dan bukan pula dia suatu keadaan akal-fikri insan yang hanya dapat dinikmati dalam alam fikiran dan nazar-akali belaka. Kesejahteraan dan kebahagiaan itu merujuk kepada *keyakinan diri* akan Hakikat Terakhir yang Mutlak yang dicari-cari itu—yakni: keadaan diri yang yakin akan Hak Ta'ālā—dan *penunaian amalan* yang dikerjakan oleh diri itu berdasar kepada keyakinan itu dan menuturi titah batinnya; dan keyakinan adalah suatu keadaan diri yang *kekal berada*

[42] Sila rujuk *al-An'ām* (6): 164.

dalam diri insan dan yang merujuk pula kepada sesuatu yang *kekal* tentang diri insan itu—dan sesuatu yang kekal tentang diri insan itu dikenalinya dengan nazar serta rasa batinnya sebagai suatu alat hidup ruhani yang digelar *kalbu (al-qalb)*. Maka kesejahteraan dan kebahagiaan itu adalah *keyakinan* yang kekal mesra menetap *dalam kalbu* insan; dia itu *keamanan* dan *kedamaian* dan *ketenteraman* kalbu; dia itu *ilmu*, dan ilmu itu *keimanan* dan *keadaan beriman*; dia itu juga ilmu yang memberi tahu tentang *tempat yang wajar* dan *keadaan yang tepat*, *keadaan yang benar* dan *betul* bagi diri insan dalam Rencana pelbagai martabat Alam Makhluk Jelata; dan tempat yang wajar serta keadaan yang tepat dan benar dan betul bagi diri itu adalah tempat dan keadaan yang bernisbah kepada Khaliqnya: dia itu suatu keadaan yang dikenali sebagai *'adl*—yakni: *keadilan*.

Justeru kerana sesungguhnya bagi Islām faham *Agama* atau *al-Dīn* itu meliputi dan menyeluruhi kehidupan diri insan, maka segala amal baik budipekerti yang sempurna itu semuanya ditumpukan kepada amalan yang diredhai belaka di sisi Agama; dan ini semua mengenai amalan bagi membebaskan diri akali insan jua. Pembebasan diri akali insan itu bererti pelaksanaan kuatkuasa atau kuasa kebolehan (*quwwah*) yang ada sebagai kelengkapan diri insan bagi melakukan keadilan terhadap dirinya sendiri; dan kenyataan ini merujuk pula kepada pelaksanaan kuasa, serta pemerintahan, serta pengawalan, serta arahan hidayah, serta pemeliharaan yang dilakukan oleh diri akali insan terhadap diri hayawaninya dan badan jasmaninya. Kuasa kebolehan bagi melakukan keadilan terhadap diri akali ini sesungguhnya merujuk kepada pengisbatan yang terus-menerus serta penunaian diri itu akan Perjanjian Asali yang telah mengikatnya kepada Tuhan Yang Hak. Keadilan dalam faham Islām bukannya bermaksud kepada faham yang merujuk kepada suatu keadaan yang berlaku antara pihak dua-orangan; seperti antara seorang dengan orang lain, atau seorang dengan masyarakatnya, dengan pemerintahnya, dengan negaranya; atau suatu keadaan yang berlaku dalam rangka dua pihak yang

berasingan, seperti pihak masyarakat dan negara; pihak rakyat dan raja—dan sebagainya ini semua. Kepada soalan: "Bolehkah seseorang itu melakukan kezaliman terhadap dirinya?"—agama-agama dan falsafah-falsafah lain tiada memberikan jawaban yang jelas muktamad baginya. Justeru memang sudah lazimnya bagi keadaan tamadun Barat—sebagai suatu contoh—bahwa meskipun benar diakui akan orang yang membunuh dirinya bahwa dia itu dianggap sebagai melakukan suatu kezaliman jua; namun begitu, kezaliman yang dianggap telah dilakukannya itu dianggap pula sebagai kezaliman justeru kerana dengan kelakuannya itu dia telah meniadakan dirinya bagi kepentingan khidmatnya kepada negara, dan bagi kepentingan penjelmaannya sebagai seorang warganegara yang berguna kepada negara dan masyarakat. Jadi kezalimannya itu sesungguhnya bukanlah terhadap dirinya sendiri, akan tetapi terhadap negara dan masyarakatnya. Telah acapkali saya di sini menyentuh perihal faham keadilan dengan menyatakan bahwa keadilan itu suatu hal atau keadaan di mana terdapat atau terlaksana suatu suasana keseimbangan yang mencirikan bahwa tiap sesuatu yang berada dalam keadaan demikian itu telah mencapai tempat yang tepat sempurna baginya masing-masing. Keadaan yang demikian ini kita lihat jelas ada berlaku dalam Rencana Tata-tertib Alam Semesta. Ataupun juga, dengan lain kata, keadilan itu keadaan keseimbangan yang saksama berlaku antara tiap sesuatu yang mengalami keadaan itu, baikpun tiap sesuatu itu merupakan yang bersifat benda, mahupun yang bersifat hayati. Bersabit dengan insan pula maka kita katakan bahwa keadilan bererti, pada dasarnya, keadaan atau kedudukan yang mengakibatkan insan itu berada dalam tempat yang benar dan betul baginya. Istilah *tempat* di sini bukan hanya bererti dan bermaksud: *keadaan kedimanaan* sesuatu, yakni: tempat yang bersabit dengan ruang dan masa; akan tetapi selanjutnya bererti dan bermaksud keadaan nisbi yang merujuk kepada nisbah antara diri insan sebagai diri hayawani dan badan jasmani bersabitan dengan dirinya sebagai

diri akali bersifat ruhani. Maka kini nyatalah bahwa dalam Islām faham *keadilan* itu bukannya merujuk kepada keadaan yang berlaku dalam rangka dua pihak yang berasingan, seperti antara seorang dengan orang lain, atau antara masyarakat dan negara, atau antara pemerintah dan yang diperintah, atau antara raja dan rakyat; akan tetapi, lebih asasi dan mendalam lagi, keadilan itu merujuk kepada *diri* yang merupakan suatu *kesatuan dua-diri*, dan kepada *keseimbangan peranan* dua-diri dalam satu diri itu jua. Dan inilah yang dimaksudkan dengan keadilan; dan dia merujuk kepada diri sendiri jua, tiada kepada lain. Keutamaan faham keadilan dalam Islām itu disabitkan pertamanya kepada diri insan jua dahulu, dan dengan secara tiada langsung dan kemudiannya sahaja baharu dapat dia disabitkan kepada keadaan keseimbangan yang berlaku antara insan sesama insan satu sama lain, dan antara insan dan pemerintah dan raja dan negara dan masyarakat. Maka bagi soalan: "Bolehkah seseorang itu melakukan kezaliman terhadap dirinya?"—kita dengan tegas menjawab: "Ya", dan menambah lagi pula dengan menyatakan bahwa sesungguhnya keadilan dan kezaliman keduanya itu memanglah *berpokok-punca* dan *bermula* dan *berakhir* pada diri sendiri jua. Inilah sebabnya *Allāh Subḥānahū wa Ta'ālā* berkali-kali menegaskan dalam Kitab Suci al-Qur'ānu'l-Karim bahwa insan itu, jikalau dia berbuat salah, hanyalah sebenarnya *menzalimi (ẓālim) dirinya sendiri jua*; dan bahwa kezaliman *(ẓulm)* itu suatu keadaan yang menimpa diri insan akibat *kelakuannya sendiri*. Bagi kita memahami faham yang sangat mustahak ini dengan lebih jelas lagi, perlulah kita merujuk semula kepada Perjanjian Asali diri insan dengan Tuhan Yang Hak—suatu Kenyataan yang hanya terdapat dalam Tanzīl al-ʿAzīz al-Qur'ān'ul-Karīm itu sahaja—dan kepada dasar faham keruhanian Islām yang menyatakan bahwa insan itu terbentuk dari dua-diri yang bersabit, yang satu kepada sifat ruhani, dan yang satu lagi kepada sifat jasmani. Insan yang hakiki, dirinya yang sebenarnya, tiada lain melainkan insan ruhani diri akalinya jua. Andaikata misalnya dalam keadaan insan itu zahir

mawjud mengalami kehidupan duniawi ini dia membiarkan sahaja diri hayawaninya mengawal keadaan hidupnya nescaya menuturi kehendak hawa-nafsu yang rendah sehingga merebak merajalelai seluruh dirinya itu, dan dalam keadaan begini, akibat pengawalan diri hayawani itu, dia melakukan kerja maksiat dan lain-lain lagi yang dilarang oleh Tuhannya Yang Hak serta tiada diredhaiNya dan mendatangkan murkaNya ke atas dirinya, ataupun insan yang sudah menjadi jahil begini langsung tiada mengakui Ketuhanan Tuhan Yang Hak atau menafikan WujudNya—maka dengan perbuatan sedemikian laku itu dia sebenarnya telah menolak menafikan dan tiada mengakui pengisbatan dirinya sendiri akan Ketuhanan Tuhan Yang Hak, yang sesungguhnya telahpun diakuinya sebagai diri akali yang telah mengikat janji dan menyaksikan bagi pihaknya sendiri menerima Kebenaran Perjanjian Asali dengan Tuhannya itu. Yang berbuat demikian itu dialah yang telah memungkiri Janjinya; yang ingkar terhadap Perjanjian Asali dirinya sendiri dengan Tuhan; dan yang telah memecahkan amanah Janjinya itu. Dan sebagaimana halnya dengan seorang yang mengkhianati amanah janjinya, seorang yang memungkiri "kontraknya", yang dengan demikian laku itu tentu mendatangkan malapetaka pada dirinya sendiri, begitu jugalah dengan hal insan yang berbuat salah dan jahat di sisi Islām; insan yang tiada mahu taat menurut Perintah Tuhan Yang Hak—malah dia menafikanNya; justeru dia itu telah memungkiri Perjanjian Asali dirinya sendiri; telah mengkhianati Amanah yang telah diterimanya; dia telah ingkar menafikan "Kontrak" diri akalinya dengan Tuhan Sarwa Semesta, dan dengan demikian telah *menzalimi* diri akalinya itu. Dia telah menzalimi diri akalinya sebab diri akalinya itu jugalah yang akan turut terkena timpa balasan buruk perbuatan jahatnya kelak. Dengan ini pula harus tampak jelas pada pandangan nazar-akali kita bahwa insan yang berbuat demikian itu telah *membohongi* dirinya, yakni: diri hayawaninya telah menafikan Kebenaran yang telah diterima dan diisbatkan oleh diri akalinya, sehingga

menimbulkan suatu keadaan diri insan yang telah terkena pembohongan dirinya sendiri. Keadaan pembohongan terhadap diri sendiri ini juga tiada lain daripada kezaliman jua; dan sebab inilah Kitab Suci al-Qur'ān'ul-Karīm acapkali menggunakan istilah yang merujuk kepada hal pembohongan, yakni khususnya *kadhaba*—yang mengandung erti: *membohong, berdusta, menipu, menyesatkan*—yang ditujukan maksudnya kepada *insan yang membohongi dirinya akan Kebenaran; yang membohong-bohongkan apa yang sebenarnya Benar*. Terlalu sangatlah pentingnya bagi kita menangkap keterangan yang dinyatakan di sini peri faham bahwa dalam Islām yang menjadi asas dan dasar dan punca dan tujuan segala kesejahteraan dan kebahagiaan dan akhlak dan budipekerti yang sempurna keihsanan dan keadilan—semuanya ini—bukanlah diri-diri yang bergabung sebagai masyarakat; bukanlah negara pula, akan tetapi diri sendiri jua. Perlu diingatkan bahwa faham *diri sendiri* yang dimaksudkan dalam risalah ini bukanlah merujuk kepada diri sendiri yang dianggap sebagai diri hayawani, yakni diri sendiri yang biasanya dikenakan maksud nilaian buruk seperti yang disebut dalam tuduhan: "mementingkan diri sendiri." Diri sendiri yang dikenakan tuduhan "mementingkan hal sendiri" itu adalah diri hayawani yang bersifat jasmani jua, dan yang menumpukan segala kepentingannya hanya bagi melayani kelobaan hawa-nafsunya. Bukan hak "diri sendiri" yang begini untuk "mementingkan halnya sendiri", maka dari itulah kita biasanya mengenakan nilaian yang buruk terhadap insan yang "mementingkan diri sendiri" secara ini. Kita telah katakan tadi bahwa insan yang hakiki, insan yang sebenarnya, adalah insan ruhani dan diri akali jua, dan insan jasmani dan diri hayawani itu hanyalah kenyataan kezahirannya dalam alam yang fani ini. Maka yang sebenarnya berhak atas maksud "kepentingan" itu tentulah *yang hakiki* jua, dan bukan *kenyataan zahiri* hakikat itu; dan kenyataan zahiri sesuatu hakikat itu boleh dianggap penting justeru hanya sebab dia *menyatakan* hakikat itu: justeru yang *sebenarnya penting* adalah hakikat itu jua, dan hakikat itulah yang *benar-benar berhak* atas

kepentingannya. Jadi mementingkan diri akali dan insan ruhani yang menjadi hakikat insan itu memanglah wajar, kerana memang haknya untuk dipentingkan; dan dari itu maka faham *diri sendiri* yang kita maksudkan dalam risalah ini tiadalah dapat dikenakan sebarang tanggapan buruk, atau tuduhan, ataupun pengakuan rendah-diri yang palsu melulu dan yang sebenarnya patut dikenakan kepada diri yang rendah yang bersifat hayawani dan hawa-nafsunya jua. Maka mementingkan diri sendiri yang kita maksudkan itu memanglah wajar, dan merupakan keadilan kepadanya, sebab dengan demikian kita telah meletakkan diri sendiri itu pada kedudukannya yang tepat baginya, dan kita telah mengenakan faham kepentingan secara betul kena pada tempatnya yang benar. Saya telah katakan tadi bahwa Islām sesungguhnya mengutamakan diri sendiri sebagai asas dan dasar dan punca dan tujuan segala kesejahteraan dan kebahagiaan dan akhlak dan keihsanan dan keadilan. Kita harus lihat pula selanjutnya sebagai satu lagi kenyataan bukti yang jelas peri keutamaan diri insan itu, bahwa pada peringkat akhirnya sekalipun tanggungjawab Amanah dan Perjanjian Asali kita semua ini kelak akan terletak masing-masing pada *tiap diri sendiri* jua; kerana dalam Islām tiada lain yang dapat menanggungjawab perbuatan diri seseorang melainkan diri orang itu sendiri. Harus diperhatikan bahwa di Akhirat kelak, menurut kenyataan hakiki Islām, yang akan menjadi saksi menuduh dan membela seseorang diri insan itu tiadalah lain daripada dirinya sendiri jua; kerana peralatan sifat jasmaninya yang telah digunakan untuk berbuat sesuatu, dan yang merupakan peralatan perbuatan akhlakiah, seperti matanya, dan telinganya, dan lidah-mulutnya, dan kaki-tangannya, masing-masing akan menjadi saksi-diri perihal perbuatan baik atau buruknya, adil atau zalimnya, terhadap diri sendiri di dunia kini. Dan inilah jua yang menjadi dasar hakikat Pembangkitan Semula insan di Hari Akhir kelak, Hari Perhitungan dan Pembalasan dan Pengadilan. Yang dibangkitkan semula itu bukan ruh insani, bukan diri akali yang tiada mengalami

kematian seperti yang dialami oleh badan hayawani dan sifat jasmani; sebab faham *pembangkitan semula: al-ba'ath* merujuk kepada sesuatu yang *sudah* mati dan yang dengan demikian dapat "dibangkitkan semula". Firman Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*:

كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ

"Tiap diri akan merasai maut"[43]

menyatakan bahwa *diri* itu tiada mati, dan yang mati itulah badan hayawani sifat jasmani jua, dan kematiannya itu *dirasai* oleh *diri hakiki* insan. Jadi yang dibangkitkan semuia itu adalah badan insan yang tiap unsur dan zarrah yang merupakannya itu akan dihimpunkan semula disusun dan dijelmakan lagi oleh Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, sebagaimana dijanjikan olehNya. Dan diri hakiki atau ruh insan akan disabit-hubungkan semula dengan badannya, dan badan itu akan bangkit semula dengan Kehendak Allāh yang Menjadikan dan Menghidupkan dan Mematikan dan Menjadikannya Hidup Semula—Mahabahagialah Allāh, Khaliq Yang Terbaik! Perkara yang ingin saya minta diambil perhatian itu iaitu bahwa badan yang dibangkitkan semula itu *badan asali*, dan bukan pula badan *lain*, atau yang *serupa*, atau yang *baru* dijadikan, kerana yang baru atau yang serupa dan yang lain daripada yang asal tiada dapat mungkin menjadi saksi-diri yang berdaya mendakwa mengakui mengerjakan perbuatan yang padahal sudah barang tentu tiada pemah dibuatnya! Betapa dapat yang baru dan lain dan serupa mengakui berbuat perbuatan yang lama dan asali?—hanyalah yang sama dan asali sahaja yang dapat mengakui perbuatannya sendiri dan menjadi saksi yang mutlak bagi dirinya. Dalam faham hukum dan undang-undang yang terbentuk sebagai hasil daya-cipta akal-fikri insani di

---

43 *Āli 'Imrān* (3): 185.

dunia ini—dalam itu sekalipun kita lihat, seakan-akan bayangan yang samar-samar tiada sempurna, yang tercermin dalam kaca yang berbanyak karat dihinggapi debu bertebalan, bagaimana mahkamah pengadilan insan pun ada menetapkan caraperaturan keadilan yang menghendaki 'badan' orang yang dituduh itu dibawa hadir di hadapan hakim untuk dinyatakan butir-butir tuduhan terhadapnya. Saya merujuk kepada caraperaturan yang digelar dalam bahasa Latin sebagai: *habeas corpus*, yakni: *harus ada badannya*; yang bermaksud supaya *badan* atau *diri zahiri* orang yang dituduh itu dikehendaki diadakan di mahkamah hadir di hadapan hakim supaya dinyatakan butir-butir tuduhan terhadapnya. Sedangkan demikian caraperaturan pengadilan insani di dunia—apatah lagi, dan jauh lebih tepat dan mutlak dan muktamad dan sempurna dan dahsyat tiada dapat diperikan, Caraperaturan Pengadilan di Hadapan Pengadil Agung di Hari Pembangkitan kelak! Maka dengan dibangkitkanNya semula badan asali insan hayawani itu, serta dihubungkanNya semula diri akali atau ruhnya dengan badannya itulah sahaja dapat badan itu menjadi saksi perbuatan diri insan di dunia; dan hanyalah dengan tuduhan badan itu sebagai tuduhan *badan asali* sahaja maka tiada dapat diri akali kelak memungkiri atau menafikan tuduhan diri-hayawaninya. Kenyataan kemungkinan diri akali insan akan cuba memungkiri tuduhan terhadapnya kelak ada terbayang dalam Ayat Suci al-Qur'ān'ul-Karīm mengenai Perjanjian Asali itu jua;[44] dan dalam kenyataan Ayat-Ayat Suci inilah jua terlihat bukti yang nyata perihal adanya suatu kebolehan: *wus'*, dalam diri akali itu untuk melaksanakan suatu kuasa: *quwwah*, *kecenderungan* ke arah kebaikan atau keburukan yang mengakibatkan dia *memperoleh* atau *mendapat*: *kasaba*, *iktasaba*, kebaikan atau keburukan atau kejahatan.[45] Jelaslah kini walaupun faham kezaliman dalam pengertian Islām itu *seolah-*

---

44 Sila rujuk *al-A'rāf* (7): 172-173.

45 Sila lihat juga *al-Baqarah* (2): 286.

olah merujuk juga kepada kelakuan insan *terhadap* insan dan insan *terhadap* Tuhan dan insan *terhadap* dirinya sendiri, akan tetapi bagaimanapun, pada hakikatnya kezaliman itu pada akhirnya merujuk dan dapat berlaku justeru kepada diri sendiri jua. Dan walaupun dalam pengertian kelakuan insan terhadap insan dan insan terhadap Tuhan, kezaliman yang dilakukan oleh insan itu, menurut pandangan hidup serta nazar-ruhani Islām, dan menurut maknanya dalam bahasa Arab, sebenarnya merujuk dan mengenakan maksudnya pada akhirnya kepada diri sendiri jua sehingga baikpun dia bersalah terhadap yang lain, atau tiada dia mahu menurut atau menerima Perintah Tuhan, ataupun tiada dia mahu percaya akan Tuhan, maka yang dizaliminya itu, yang disalahi, diingkari, ditolak dinafikan itu, tiadalah lain daripada dirinya sendiri jua. Kezaliman, yang merupakan lawan bagi keadilan, bermakna: meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya; mengelirukan sesuatu; menyalahgunakan sesuatu; melebihi atau melampaui batas dan maksud sesuatu; atau menguranginya; menderita kerugian; menyeleweng dari jalan dan perbuatan yang benar; membohongi dan tiada percaya kepada yang benar sedangkan sebenarnya tahu bahwa yang dibohongi dan tiada dipercayai itu sesungguhnya benar. Maka dari itu apabila seseorang itu berbuat perbuatan yang zalim, yang dimaksudkan dengan 'zalim' itu yakni bahwa dia telah berbuat salah kepada diri akalinya, yang sesungguhnya merupakan dirinya yang sebenarnya. Dia telah meletakkan dirinya yang sebenarnya itu bukan pada tempatnya; dia telah mengelirukan dirinya; dia telah menyalahgunakan dirinya; dia telah melebihi dan melampaui batas hak dirinya, ataupun dia telah mengurangi batas tugas dirinya; dia telah menyelewengkan dirinya dari perbuatan dan jalan yang benar; dia telah membohongi dirinya yang percayakan kebenaran—sebab dia tahu akan kebenaran itu—sehingga dia memaksa dirinya menafikan yang benar yang sepatutnya diisbatkannya; dan dengan ini semua dia telah membuat dirinya itu menderita kerugian yang terlalu amat besar tiada terhingga. Semua-

perbuatan seperti ini, dengan suatu cara atau yang lainnya, membawa syarat yang mengakibatkan kerosakan Perjanjian Asalinya dengan Tuhan Yang Hak. Maka jelaslah pula dari kenyataan mengenai kezaliman ini bahwa keadilan, untuk dapat keadaannya berlaku, membawa syarat yang wajib baginya niscaya dapat keadaannya berlaku, yakni keadilan mensyaratkan adanya *ilmu* yang dapat *memberitahu* serta menjelaskan *tempat yang tepat* dan *betul* dan *benar* bagi sesuatu; ilmu yang dapat menjelaskan *batasan* dan *had* dan *kegunaan* dan *tujuan-maksud* sesuatu; ilmu yang dapat menjelaskan *perbezaan* antara yang *benar* dan *hak* dengan yang *palsu* dan *batil*; ilmu yang dapat membimbing ke arah kebenaran. Oleh sebab inilah maka ilmu, yakni: ilmu yang sebenarnya: *al-'ilm*; ilmu pengenalan: *ma'rifah*; dan ilmu pengetahuan: *'Ilm*—semuanya ini masing-masing diberi keutamaan dalam Islām yang berdasar kepada kenyataan Kitab Suci al-Qur'ān'ul-Karīm di mana terdapat hampir 800 Ayat yang merujuk kepadanya. Oleh kerana ilmu itu mempunyai pembahagian-pembahagiannya yang tertentu, serta masing-masing bahagian dan cabangnya mempunyai tujuan maksud serta daya-penerokaan dan keutamaannya yang tertentu, maka kepada ilmu itu sendiripun harus insan *mengenakan keadilan*. Yakni insan harus meletakkan masing-masing bahagian dan cabang ilmu pada tempat penggunaannya yang wajar; harus mengenali dan mengetahui batasan dan had kegunaannya, dan tiada melampaui atau mengurangi maksud dan tujuannya; harus mengenali dan mengetahui giliran keutamaan serta kepentingan masing-masing bahagian dan cabangnya bagi menghasilkan kegunaannya dalam hayat insan—yakni kegunaannya yang bernisbah kepada manfaatnya bagi diri insan yang Islām; harus mengenali dan mengetahui bila dan pada takat mana penuntutan menerusi suatu cabang ilmu itu patut dihentikan, dan ini pula dapat ditentukan apabila insan sendiri menetapkan sejauhmana dapat ilmu yang dituntut itu mendatangkan hasil yang baik baginya, dan sejauhmana tiada mendatangkan hasil demikian; harus mengenali dan

mengetahui yang mana yang benar-benar ilmu dan yang mana ilmu samaran dan dugaan dan pandangan akal-nazari belaka, yang mungkin benar atau palsu—pendek kata, insan yang berilmu harus meletakkan tiap butir kenyataan ilmiah yang ada pada dirinya itu pada tempatnya yang tepat dan wajar bernisbah kepada dirinya dengan sedemikian laku sehingga apa yang dikenali serta diketahuinya itu mendatangkan baginya hasil keseimbangan serta ketenteraman diri. Mengetahui dan mengenali bagaimana cara meletakkan ilmu apa di tempat mana—itulah yang digelar *hikmah*. Jikalau ilmu itu tiada dirancangkan dengan keadilan, maka ilmu yang tiada teratur tertib dan yang penuntutannya dilangsungkan dengan cara sembarangan itu akan tentu membawa kepada kekeliruan dan seterusnya kezaliman terhadap diri sendiri sebagai akibatnya. Peraturan tertib serta cara penuntutan ilmu yang mematuhi suatu rencana yang kemas yang saya bayangkan di atas itu bukanlah sama maksudnya dengan "peraturan tertib" serta "rencana yang kemas" yang dirancangkan dalam bentuk penyusunan bersistem, dan yang dikenakan kepada *ilmu pengetahuan* seperti yang terdapat dalam sistem universiti dan sekolah moden. Yang saya maksudkan di sini, berdasarkan kepada maudhuk yang kini dibentangkan, adalah peraturan tertib yang dikenakan terhadap ilmu oleh *diri insan* yang menuntut ilmu itu *sendiri* dengan cara diri insan itu sendiri mematuhi rencana-kemas bagi mengawal serta mengatur tertib dirinya bersabit dengan peraturan tertib terhadap ilmu yang dituntutnya itu. Dengan lain kata, diri insan harus masing-masing insaf tahu tentang ilmu apa dan ilmu mana yang sesuai bagi kemuslihatan *dirinya*, yakni dengan 'dirinya' dimaksudkan kesatuan kedua-dua diri ruhani dan jasmani; kemudian dia harus mengatur tertib dengan cara yang bersabit dengan kemuslihatan dirinya itu giliran kegunaan ilmu yang sesuai bagi dirinya; kemudian selepas itu pula dia harus merancangkan suatu rencana yang kemas yang dapat mematuhkan dirinya itu kepada peraturan tertib ilmu yang telah dianggap sesuai bagi kemuslihatannya. Nanti di tempat

lain akan saya terangkan lagi maksud yang terkandung dalam kenyataan ini.[46] Memadailah takat ini untuk kita mengingati betapa pentingnya faham diri: *al-nafs*; *al-rūḥ* itu ditegaskan, dan peranan diri itu diutamakan dalam segala peringkat kehidupan Islām.

Ilmu, sebagaimana yang kita fahami, terbahagi kepada dua macam, meskipun keduanya itu merupakan suatu kesatuan yang saksama dan sempurna. Yang pertama iaitu Ilmu yang diberikan oleh Allāh *Subḥānahū wa Ta'ālā* sebagai KurniaNya kepada insan; dan yang kedua iaitu ilmu yang dicapai dan diperoleh oleh insan berdasarkan daya usaha akliahnya sendiri yang berpunca kepada pengalaman hidup indera jasmani dan nazar-akali serta pemerhatian dan penyelidikan dan pengkajian. Ilmu yang Pertama itu mempunyai dua kenyataan: yang satu sebagai Tanzīl dan yang satu lagi sebagai Pengenalan yang merujuk kepada diri dan alam hakiki dan Tuhan Yang Hak. Sebagai Tanzīl Ilmu yang Pertama merujuk kepada bangsa insani umumnya dan mensifatkan Kandungannya sebagai Hidayah yang membimbing ke arah Hak Ta'ālā; Petunjuk yang mengarahkan hidup insan ke Jalan yang Lurus dan Benar. Ilmu inilah yang digelar *Al-'Ilm*, yakni: Ilmu yang Sebenarnya. Sebagai Pengenalan yang merujuk kepada diri insani khususnya dan kepada alam hakiki dan Tuhan Yang Hak, maka Ilmu yang Pertama ini hanyalah dapat mungkin diterima oleh insan dengan daya usaha kerja amal-ibadah serta kesucian hidupnya—yakni dengan keihsanannya; dengan khidmah sejati ibadat kepada Tuhannya Yang Hak itu melulu demi KeredhaanNya belaka—dan yang kemungkinan dapat diterimanya itu bergantung kepada Kehendak dan Kurnia Allāh *Subḥānahū wa Ta'ālā* jua. Dialah Yang Mahatahu akan sukatan banyak atau sedikit atau tiada langsung kemungkinan untuk memberikan Ilmu itu, sebab Dialah Yang Menjadikan segala kelengkapan dalam diri insan; masing-masing tiada

---

[46] Sila lihat di bawah m.s. 70-75.

sama sukatannya. Dan penerimaan Ilmu ini, apabila dikurniakan kepadanya oleh Allāh *Subḥānahū wa Ta'ālā*, diterimanya melalui pandangan batinnya atau rasa ruhaninya, yakni: *dhawq* yang dialaminya secara *langsung* akibat *penyingkapan hijab* atau tudung penutup yang menyelubungi alam hakiki kandungan Ilmu itu, yakni: *kashf* yang dengan sekelip nazar ruhani terpandang oleh penglihatan ruhaninya. Ilmu ini, yang merupakan suatu kenyataan khusus Ilmu yang Sebenarnya jua, biasanya digelar *ma'rifah*, yakni: ilmu pengenalan yang merujuk kepada pengenalan diri akali insan. Pengenalan seperti ini—sebagaimana tadi telah kita sentuh secara ringkas sambil memperbandingkan kiasan yang bersabitan antara Alam Agung yang terbayang sifatnya pada Alam Kecil dengan tiada sebaliknya—ilmu pengenalan ini membuka penglihatan ruhani insan yang menilik kepada pengenalan terhadap Tuhan Yang Hak. Pengenalan terhadap Tuhan Yang Hak itu didapatinya dengan cara mengenal diri akalinya, sebab diri akali memang kenal akan Tuhannya Yang Hak, dan pengenalan diri akali itulah yang memberi insan kenal akan Tuhannya itu. Ilmu yang Sebenarnya, yang dinyatakan sebagai Tanzīl, itulah yang Utama, sebab Ilmu itu sudah jelas dan lengkap sempurna bagi insan dan merupakan Hidayah dan Petunjuk yang membimbingnya ke arah yang Lurus dan Benar. Dan Ilmu yang Sebenarnya yang dinyatakan sebagai pengenalan itu adalah suatu kenyataan khusus mengenai Kandungan Tanzīl jua; dan oleh kerana dia merujuk kepada diri dan alam hakiki dan Tuhan Yang Hak, dan tiada merupakan suatu Kenyataan Akhir seperti Tanzīl, maka penerimaan Ilmu ini merupakan penghasilan ilmu yang terluhur-murni bagi insan. Sebab pemberian Ilmu ini pada akhirnya bergantung kepada Kehendak serta Kurnia Allāh *Subḥānahū wa Ta'ālā*, yang memberikannya kepada barangsiapa yang diketahuiNya layak menerimanya, dan sebab kelayakan bagi menerimanya itu pula bergantung kepada dayakerja serta keikhlasan amal-ibadat, maka niat serta amal-ibadat itu menjadi *syarat utama* bagi kemungkinan terhasilnya

penerimaan Ilmu ini; dan berikutlah bahwa ilmu mengenai amal-ibadat serta cara-gaya melakukannya, yang merupakan *ilmu syarat utama* bagi kemungkinan menerima Ilmu yang Pertama itu, menjadi wajib bagi kita. Ilmu syarat utama ini merupakan pengetahuan dan pengenalan mengenai kedua-dua kenyataan Ilmu yang Sebenarnya: yang merujuk kepada Tanzīl dan kepada Pengenalan diri dan alam hakiki dan Tuhan itu, termasuk segala yang disunnahkan oleh Rasūlu'Llāh, *ṣalla'Llāhu 'alayhi wa ṣallam*, dan rukun-rukun *islām* dan *īmān* makna dan tafsiran dan maksud tujuannya dan kefahaman yang betul sempurna mengenainya semua, dan juga penyelenggaraannya dalam amalan hidup sehari-hari. Tiap seorang Muslim wajib mempunyai ilmu syarat utama ini; wajib dia memahami dengan betul sempurna rukun-rukun *islām* dan *īmān*, dan juga wajib dia mengenali Keesaan Tuhan Yang Hak, yakni *tawḥīd* dan wajib baginya mengerjakan amalan yang dijelaskan oleh ilmu ini, sebab ilmu ini semua kenyataan Ilmu yang Sebenarnya jua. Maka wajiblah dia mengetahui dan mengenali ini semua sambil menjalankan kerja amal-ibadat kepada Allāh *Subḥānahū wa Ta'ālā* dengan sedemikian lakunya sehingga sesungguhnya tiap insan yang Islām itu *sudah pun berada* dalam taraf peringkat awwali bagi kemungkinan terhasilnya penerimaan Ilmu yang Pertama itu; dia sudah sedia terletak pada Jalan yang Lurus: *Ṣirāt al-Mustaqīm*; yang menuju ke Hadhrat Tuhannya Yang Hak. Kemajuannya dalam perjalanan ubudiah ini tergantung kepada amalannya dan keikhlasan niat dan maksudnya, yang dikerjakan dengan sedemikian lakunya sehingga ada setengah daripada setengahnya yang mengabdikan diri kepada Tuhannya Yang Hak seolah-olah dilihatnya Tuhannya itu; dan kebanyakan pula yang mengabdikan diri kepada Tuhan itu seolah-olah Tuhan Yang Melihatnya. Dan kemajuan perjalanan ubudiah dari peringkat diri yang seolah-olah Tuhan Yang Melihatnya ke peringkat diri yang seolah-olah dilihatnya Tuhannya itulah yang dimaksudkan sebagai *keihsanan*: *iḥsān*

yakni: pencapaian peringkat makam budipekerti yang luhur sempurna dalam pengabdian diri kepada Tuhan Yang Hak.

Ilmu yang kedua yang digelar *'Ilm* yang mempunyai bentuk jamak: *'ulūm* adalah ilmu pengetahuan, dan diperoleh sebagai hasil pencapaian sendiri dayausaha akliah melalui pengalaman hidup indera jasmani dan nazar-akali dan pemerhatian dan penyelidikan dan pengkajian. Ilmu ini berdasar kepada pengumpulan kesimpulan-kesimpulan yang diperoleh dari kenyataan hidup duniawi; dan tiada batasnya penuntutan ilmu ini sebab dia merujuk kepada maklumat-maklumat yang tiada berbatas, yang mempunyai nilai kegunaan hidup duniawi, yang merupakan sebagai *alat* jua bagi insan menghasilkan penyesuaian dirinya dengan keadaan alam sekelilingnya.

Sebagai gambaran bagi menjelaskan perbezaan antara Ilmu yang Pertama dan ilmu yang kedua maka kita mengambil ibarat dengan mentamthilkan seorang dan jirannya yang baharu pindah datang berdiam di kawasan daerah kediamannya. Mula-mula dia hanya tahu akan jirannya yang baharu pindah itu dengan pengetahuan sepintas lalu belaka; dia mungkin dapat mencamkan rupa-bentuk paras muka dan gaya serta gerak badannya dan gelagat lakunya sehingga dapat tahu siapa orang itu apabila berjumpa dengannya di jalan raya. Dia mungkin dapat mengetahui nama jirannya dan butir-butir maklumat mengenainya, seperti: kedudukannya berumah tangga sebagai orang bujang atau sudah kahwin; bilangan anak-beranak dan sanak-saudaranya, dan banyak lagi butiran maklumat seperti ini yang boleh diperolehnya dengan cara pemerhatian. Kemudian mungkin dapat pula dia, melalui tanya-soal daripada orang lain yang diketahuinya dan dengan penyelidikan secara peribadi, mendapatkan keterangan mengenai pekerjaan jirannya itu dan tempat kerjanya dan tugas jawatannya; dan mungkin lagi dapat dia, dengan penyelidikan yang lebih sulit, mendapat tahu berapa gajinya. Mungkin terus dia membuat penyelidikan dan pemerhatian seperti ini dengan tiada sekalipun berhubung langsung dengan jirannya, dan terus mendapat butiran maklumat lain yang,

dapat dikumpulkannya, namun begitu pegetahuannya mengenai jirannya itu akan tetap berkisar di sekitar peringkat taraf *pengetahuan* jua, dan tiada *pengenalan*. Kerana bagaimanapun banyaknya dikumpulkan lagi butir-butir maklumat yang dapat ditambahkan kepada yang sudah diketahuinya dengan demikian cara, maka tentulah ada banyak lagi pula keterangan mengenai diri peribadi jirannya itu yang tiada mungkin diperolehnya dengan cara begini, seperti: suka-dukanya; rasa kasih-sayangnya; benci-takutnya; kepercayaan dan harapannya; fikiran dan renungannya perihal hayat dan maut; cita-rasa rahsia yang terpendam dalam hatinya; sifat baiknya—dan butir-butir kenyataan Iain seperti ini. Maka takat ini marilah kita andaikan bahwa dia mengambil keputusan dirinya sendiri ingin lebih rapat lagi mengetahui sehingga mengenali jirannya, dan terus dia secara langsung memperkenalkan dirinya kepada jirannya; diziarahinya jirannya itu acap-kali; makan, minum, main, berbual-bahas, berfikir bersama. Justeru tentu setelah lama bergaul mesra memupuk sifat ketaulanan yang ikhlas jujur-setia, bersama berbakti bagi mengeratkan lagi pergaulan sedemikian mesra, maka mungkin terjadi, entah-entah pada suatu kala dalam pergaulan itu, dapat dia menerima dengan tiada semena-mena dari temannya itu kenyataan perihal beberapa butir rahsia peribadinya, kenyataan mengenai kesunyian diri atau perasaan dan fikirannya yang kini ingin dibahagi-rasa-kan bersama dan yang kini—laksana kilap nan dalam sekelip-mata mencerahkan rahsia yang terselubung dalam kegelitaan—kini ternyata kepada nazar dirinya apa yang tiada mungkin dapat diperoleh dan dicapainya, walaupun dalam jangka masa seumur hidupnya, hanya dengan cara pemerhatian, penyelidikan dan pengkajian. Dan ilmu ini sekalipun—ilmu yang bukan hanya *memberi tahu* tetapi juga *memberi kenal*—ilmu yang diberikan oleh yang satu kepada yang satu lagi sebagai akibat keakraban, ilmu inipun tiada jua akan lengkap sempurna kerana kita tahu bahwa bagaimanapun mesranya keakraban yang berlaku antara sesama insan: antara orang itu dengan jirannya, atau dengan

anak-isterinya, dengan saudara-maranya, dengan ayah-bundanya, dengan kasih-sayangnya—justeru akan senantiasa ada sahaja baginya itu suatu tudung penutup rahsia yang sedia menyelubungi diri insan yang menjadi punca pengenalan itu, laksana ibarat bola gading yang berlarikkan ukiran Cina, bola yang bertatahkan ukiran halus yang merupakan bola dalam bola dalam bola, yang satu menyembunyikan yang lain dengan menakjubkan lakunya. Rahsia diri itu sedia terselubung, melainkan juga hanya apabila tudung penutup rahsia itu disingkapkan oleh diri itu sendiri, dinyatakan kepada diri yang lain. Dan orang yang menyatakan rahsia dirinya kepada yang seorang lagipun juga sedia merasa tahu, dengan memikir-renungkan sifat dirinya sendiri, betapa diri yang dirasainya sebagai dirinya sendiri itu demikian mendalam sifat kerahsiaannya tiada berhabisan sehingga diri itu senantiasa liar mengelakkan rangkuman penuntutan bagi mengenalnya dengan sepenuh lengkapnya. Maka bagi diri orang itu sendiripun, dia hanya dapat menyatakan sekadar apa yang dikenali olehnya jua. Tiap insan itu seumpama pulau sebatang-kara terpacak di tengah lautan yang mahadalam tiada berdatar diliputi kegelitaan; dan kesunyian diri yang dialami dengan rasa batinnya sedemikian mutlaknya, sedemikian dahsyatya mahameliput diri, sebab *dia sendiripun* tiada terdaya mengenal dirinya dengan sempurna-lengkap. Dari gambaran yang membayangkan sifat serta perbezaan kedua bahagian ilmu ini maka dapat kita merumuskan beberapa kesimpulan yang syarat-syaratnya boleh kita jadikan bandingan bagi mengibaratkan sifat serta hakikat Ilmu yang Pertama itu. Syarat yang pertama, iaitu: *adanya hasrat ingin dikenali* yang timbul dari dalam diri yang ingin dikenali oleh yang ingin mengenalnya. Syarat yang kedua, iaitu: *pemberian kenyataan* yang mengenalkan diri yang ingin dikenali kepada yang ingin mengenalnya itu bernisbah rujukan kepada *diri-diri sejenis*, dan ini disebabkan oleh kemungkinannya berlangsung perhubungan perasaan dan fikiran yang dapat disaling-fahami dan disaling-fahamkan. Syarat yang ketiga, iaitu: agar dapat

diizinkan mendekati diri yang ingin dikenali maka yang ingin mengenalnya harus *taat-patuh mengikut cara mendekati diri yang ditetapkan oleh yang ingin dikenali*—yakni cara sopan-santun dan pertuturan halus memperikan adab tertib serta adat kelakuan yang dianggap baik dan mulia. Syarat yang keempat, iaitu: pengenalan tentang rahsia diri yang ingin dikenali yang diberikan kepada yang ingin mengenalnya itu berdasar kepada *amanah*, kepada *kepercayaan layaknya* yang ingin mengenalnya itu *menerima* dan *menyimpan rahsia* yang diberikan oleh yang ingin dikenali; dan amanah ini diuji kelayakannya atas dasar lama dan ikhlasnya taat setia persahabatan itu berlangsung sehingga semakin kukuh mengerapkan rapat-mesra keakraban antara keduanya. Justeru sesungguhnya begitulah—bahkan jauh lebih lagi pula—ibarat keadaan demikian ini dengan hal ilmu pengenalan yang diberikan oleh Allāh *Subḥānahū wa Ta'ālā* kepada hambaNya yang tulen. Merujuk kepada syarat pertama maka Allāh *Subḥānahū wa Ta'ālā* menyatakan dalam Kitab Suci al-Qur'ān'ul-Karim bahwa insan telah dijadikanNya hanya untuk mengabdikan diri kepadaNya:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

> "Tiada Kujadikan Jin dan Insan melainkan baginya mengabdikan diri kepadaKu jua"

Kita telah mentafsirkan: 'mengabdikan diri KepadaKu'—*li ya'budūni* —sebagai bererti pada peringkat akhirnya; 'mengenal Daku'—*li-ya'rifūni*, kerana hamba yang benar-benar taat setia patuh kepada segala kehendak tuannya; taat tekun melayani segala keinginan tuannya, lambat-laun menjadi akrab dengan tuannya itu. Dan *keakraban* membawa akibat *pengenalan* diri tuannya jua. Dan dalam peribaratan ini dapat kita mengambil kesimpulan bahwa sesuhgguhnya Allāh *Subḥānahū wa Ta'ālā* menjadikan insan itu dengan tujuan maksud niscaya insan mengenal Dia dengan cara ibadat yang telah diperkenan

olehNya yang dicarakan oleh Rasūl yang dikasihiNya, *ṣalla 'Llāhu 'alayhi wa sallam*! Dan kenyataan ini terbukti pada suatu Ḥadīth Qudsiyy yang menyampaikan Hasrat Ilahi agar dikenali dengan Kata-kata:

كنت كنزا مخفيا فأحببت أن أعرف فخلقت الخلق كى أعرف

> "Akulah Perbendaharaan yang Terbunyi dan Kuingin agar dikenali; maka Aku jadikan Makhluk Semesta agar dapat Aku dikenali"

Demikianlah Allāh *Subḥānahū wa Ta'ālā* menyatakan DiriNya kepada diri akali insan jua—*al-nafs al-nāṭiqah*—yang telah dijadikan dengan kelengkapan alat-alat perhubungan. serta pengenalan ruhani, seperti *kalbu* yang mengenai Dia, dan *rūḥ* yang cinta akan Dia, dan *rahsia*, atau *kunhi* dan dasar diri yang memusyahadahkan Dia. Meksipun diri akali insan itu bukanlah suatu diri yang sejenis dengan Diri Yang Menjadikannya, namun begitu terbayang juga pada kunhinya itu pancaran asali sifat Ilahi yang membolehkan dia berdaya menerima menangkap Sinaran hubungan ruhani yang disorotkan dari Atas; yang membolehkan dia mengenali pemberian pengenalan yang diterima olehnya itu. Dan dari kenyataan ini kita kiaskan sambil mengambil ibarat bagi syarat yang kedua tersebut tadi. Mengenai syarat yang ketiga pula maka kita katakan bahwa insan mendekati Tuhan Yang Hak dengan cara penyerahan diri yang sempurna-ikhlas kepada KehendakNya; dengan menghasilkan secara insaf-tekun bagi dirinya penjelasan segala Titah-Larangan dan Perintah-PeraturanNya; dan dengan mengerjakan amal-ibadat pengabdian diri dan amalan *nawāfil*, yakni: ibadat tambahan yang tiada difardhukan akan tetapi disunnahkan dan dianggap baik apabila diamalkan, yang diperkenan dan diredhaiNya sehingga insan itu mencapai suatu peringkat makam yang mulia yang memungkinkan baginya dapat menerima anugerah *amānah*

kewalianNya dengan cara pengenalan yang dikurniakan sebagai ganjaran kepada dia yang baginya telah dijadikan kelengkapan daya penerimaan Ilmu itu selaras dengan sukatan pengenalan yang diberikan olehNya. Inilah maka maksud Kata-kata Suci dalam suatu Ḥadīth Qudsiyy:

لا يزال عبدي يتقرب الي بالنوافل حتى أحبه فاذا أحببته

كنت سمعه الذى يسمع به وبصره الذى يبصر به ولسانه

الذى ينطق به ويده التى يبطش بها

> "HambaKu tiada hentinya mendekati Daku dengan amalan nawafil sehingga Kukasih akan dia; dan apabila Aku kasih akan dia maka Akulah pendengarnya yang dengannya dia mendengar, dan Akulah penglihatnya yang dengannya dia melihat, dan Akulah lidahnya yang dengannya dia berkata-kata, dan Akulah tangannya yang dengannya dia berjabat"

Mengenai syarat yang keempat tersebut, iaitu amanah, maka ini sudah terkandung maksudnya dalam syarat ketiga sebagaimana yang telah dinyatakan, dan harus pula sudah dengan sendirinya jelas. Huraian ini seharusnya memadai memperlihatkan kepada nazar-akali kita bahwa Ilmu yang Pertama itu, berdasarkan sifat keruhaniannya, tentulah mengandung serta menyatakan hakikat dan keyakinan yang lebih luhur serta tepat dan teguh apabila dibandingkan dengan nisbah kepada nilai kandungan serta pencapaian ilmu yang kedua. Dan kerana inilah, serta pula kerana Ilmu yang Pertama itu bermaksud merujukkan tujuannya kepada ruh atau diri akali insan, dan kepada penjelasan serta penunaian diri itu akan Perjanjian Asalinya dengan Tuhan Yang Hak, maka ilmu syarat utama, yang juga merupakan hasil Ilmu yang Pertama—

yakni: yang sebenarnya berdasar kepada Ilmu yang diberikan oleh Allāh *Subḥānahū wa Ta'ālā*—tiadalah dapat dipisahkan dengan Islām, bahkan dia itu mesra sebati berpadu dengan Islām sebagai asas akhlak. Dengan ilmu syarat utama ini, yang juga digelar *ilmu sharī'at*, dan lebih lagi pula dengan mengamalkan segala kerja ibadat yang menjadi wajib sebagai memperikan ilmu itu, maka kita semua memerintah dan mengawal dan mengarahkan diri kita dalam kelakuan hidup sehari-hari, dan menetapkan nilai-nilai hidup kita niscaya diri dan kehidupan diri itu terpimpin ke arah Jalan yang Benar. Ilmu yang Pertama itu menyingkapkan bagi pandangan ruhani kita tudung penutup yang menyelubungi Hakikat Wujud dan Mawjud, dan dengan demikian menyatakan kepada diri kita nisbah hakiki yang berlaku antara diri insan dan Tuhannya Yang Hak. Dan oleh sebab Ilmu ini memaksudkan bagi insan *tujuan akhir dia itu berilmu*, maka berikutlah pula bahwa *ilmu syarat utama baginya* itu menjadi *ilmu asasi* yang menjadi dasar segala penuntutan ilmu yang kedua. Jikalau tiada demikian—yakni jikalau penuntutan serta pencapaian dan penggunaan ilmu yang kedua itu tiada berdasar-punca pada pengenalan serta pengamalan ilmu syarat utama tadi—maka dengan sendirinya, dengan hanya ilmu yang kedua itu melulu tanpa arahan-panduan ruhani ilmu syarat utama itu, justeru tiadakan dapat ilmu yang kedua itu memandu membimbing insan dalam kehidupannya. Dia hanya akan mengelirukan dan mengusut-kasaukan daya insan memperoleh makna bagi nasib terakhirnya; dia akan menjeratnya ke dalam lingkaran penuntutan abadi, berputar-belit beransur tiada berhaluan, tiada bertujuan yang bersabit dengan tujuan akhir. Kita sedia melihat bahwa bagi Ilmu yang Pertama yang tertinggi luhur pangkatnya itupun ada terdapat suatu *had* bagi membataskan pencapaiannya bagi insan, sedangkan ilmu yang kedua itu tiada mempunyai had bagi membataskan pencapaian demikian; dan inilah yang menyebabkan adanya kemungkinan baginya, yang sudah benar berlaku sebagai kenyataan, untuk senantiasa kekal mencari-rayau dengan tiada puas mendapat,

diperangsang oleh daya-tipu akal jasmani dan tanggap khayalan diri hayawani; untuk terus beragu-ragu dalam genggaman syak dan waswas dan dugaan dan kefudhulan. Diri perseorangan insan tiada mempunyai banyak masa untuk mudah dimubazirkan, dan kediamannya sebentar di dunia ini bukanlah untuk mainan yang dipermainkan. Maka dari itu diri insan yang mendapat hidayah insaf tahu bahwa penuntutan ilmu yang kedua itu haruslah *dihadkan* kepada keperluan kegunaannya bagi dirinya, dan haruslah *disesuaikan* pula dengan sifat tabiat dirinya dan dengan kelengkapan dirinya jua. Dengan demikian cara dia mengawal dan mengatur ilmu itu dan kegunaannya bagi keperluan dirinya, dan dengan insaf tahu akan had kebolehan dirinya dan kadar daya kelengkapannya, dengan terus pula dia menyesuaikan dirinya pada kawalan serta atur-tertib penuntutan ilmu itu, maka insan itu telah meletakkan kedua-duanya: dirinya dan ilmu yang dituntutnya, pada tempat yang wajar bagi masing-masing dengan nisbah kepada diri akalinya, kepada diri yang sebenarnya dirinya. Dan dengan demikian laku pula dia telah menaruh dan membina dirinya dalam keadaan keadilan. Oleh sebab itu dan bagi mencapai keadilan sebagai tujuan akhirnya maka Islām membuat perbezaan antara penuntutan kedua macam ilmu itu: menjadikan penuntutan ilmu syarat utama bagi Ilmu yang Pertama itu wajib diselenggarakan oleh segenap Kaum Muslimin, yakni dijadikannya penuntutan ilmu itu sebagai *farḍu 'ayn*; dan penuntutan ilmu yang kedua itu sebagai hanya wajib bagi *sebahagian sahaja* Kaum Muslimin dan tiada wajib bagi semuanya, yakni: sebagai *farḍu kifāyah*. Kewajiban menuntut ilmu fardhu kifayah ini memang boleh ditukarkan menurut makam pencapaian ilmu seseorang supaya diangkat pindah ke peringkat ilmu fardhu ain, dan keadaan ini bergantung kepada keperluan seseorang yang merasai wajib bagi dirinya menjadikan apa yang fardhu kifayah kepada orang lain dianggap fardhu ain baginya dengan tujuan memperbaiki lagi keadaan dirinya. Pembahagian ilmu kepada dua bahagian dan cara serta penuntutannya kepada dua

perkara, yang wajib bagi semua dan yang wajib bagi sebahagian, inipun menyatakan dengan jelas bagaimana Islām *mengenakan keadilan* terhadap ilmu dan terhadap insan yang menuntutnya. Justeru sebab demikian keadaannya kerana *semua* ilmu syarat utama yang dikenakan syarat fardhu ain, yang menyediakan kemungkinan bagi mendapatkan Ilmu yang Pertama itu, adalah *baik belaka* bagi insan; sedangkan *tiada semua* ilmu yang kedua yang dikenakan syarat fardhu kifayah itu *baik* bagi insan; kerana insan yang menuntut ilmu yang kedua itu, yang akan membawa pengaruh yang kuat dalam menetapkan peranannya dalam kehidupan sekular serta kedudukannya sebagai scorang warganegara, tiada seharusnya seorang *insan yang baik*. Dalam tamadun Barat pada umumnya, oleh kerana faham keadilannya berasas kepada dasar-dasar sekular, maka berikutlah pula bahwa faham ilmu yang diterimanya itupun tentulah berasas kepada dasar-dasar yang sekular, atau kepada dasar-dasar yang bersesuaian dengan faham hidup yang sekular yang mementingkan diri hayawani dan insan jasmani, yang meskipun dia berakal-fikiran namun begitu hawa nafsu sifat kebinatangannya itulah yang dilayaninya benar-benar jua. Dan keadaan yang sedemikian laku ini telah menjadikan tamadun Barat itu menerima sebagai sah hanya ilmu yang, pada faham kita, tiada lain daripada ilmu yang kedua sahaja; dan 'ilmu' inilah sahaja yang dianggapnya sah dan yang diterimanya sebagai satu-satunya ilmu yang terdapat. Sebagai akibatnya pula maka tujuan menuntut ilmu dari peringkat rendah ke peringkat-peringkat yang lebih tinggi itu bagi tamadun Barat adalah untuk memupuk dan—menjelmakan *warganegara yang sempurna*; kerana ilmu itu hanya merujuk kepada *kegunaan hidup duniawi* insan dalam lingkungan masyarakat dan negara. Bagi Islām pula tujuan kita menuntut ilmu itu tiadalah lain melainkan bagi memupuk serta menjelmakan *insan yang sempurna*. Kita dengan teguh dan benar mendakwa bahwa memupuk serta menjelmakan insan yang sempurna itu lebih utama dan afdhal—bahkan lebih asasi sifatnya—daripada memupuk serta menjelmakan warganegara

yang sempurna; kerana insan yang sempurna itu memang *sudah tentu* juga menjadi warganegara yang baik sempurna; sedangkan sebaliknya, warganegara yang sempurna itu *belum tentu* dia menjadi insan yang baik sempurna. Mungkin dapat dalam suatu pengertian kita menyatakan bahwa Islāmpun memang mengaku tentang tujuan menuntut ilmu itu sesungguhnya untuk memupuk sifat-sifat pada diri si penuntutnya yang akan menjelmakan dia sebagai warganegara yang sempurna. Akan tetapi maksud kita, apabila kita memberikan pengertian begini, hanyalah bahwa dengan faham *warganegara* itu kita fahamkan Warganegara Negeri dan Negara yang Lain, dan Kerajaan yang Lain, Kerajaan dan Negaranya yang Kekal Abadi jua; dan menjadi Warga Negara itu samalah maksudnya di dunia ini dengan menjadi insan yang baik, insan yang sempurna; dan dari itulah maka insan yang Islām itu bertindak, berfiil, bergelagat, *di sini kini*, seolah-olah mencarakan tabiat Warga Negara Sana, sebagai insan yang baik sempurna yang layak mengenakan kepada dirinya faham bahwa dia itu *khalīfah* Allāh di atas bumi. Faham insan yang baik dalam Islām mengandung erti yang memaksudkan bukan sahaja bahwa dia itu harus berlaku serta berperangai 'baik' di sisi pandangan dan kegunaan masyarakat seperti yang umum difahami, akan tetapi dan lebih utama lagi, bahwa dia harus berlaku serta berperangai baik *terhadap dirinya*, yang harus diutamakannya lebih dan kepentingan-kepentingan lain, dan tiada boleh dia zalim terhadap dirinya sepertimana yang telah diterangkan tadi, kerana jikalau dia zalim terhadap dirinya justeru betapakah dapat dan layak dia benar-benar adil terhadap yang lain pula? Maka kini sesungguhnya jelaslah tampak bagaimana dalam hal yang sedemikian pentingnya peri faham mengenai asas kehidupan duniawi insan inipun—yakni faham *ilmu*—Islām itu menampakkan perbezaan faham yang sangat mendalam yang menjadi punca segala perbezaan dengan tamadun Barat; bahwa sesungguhnya bagi Islām *ilmu* itu (a): termasuk *iman*; dan (b): tujuan menuntut ilmu itu sanya bagi mengasuh, memupuk, menjelmakan *kebaikan* yang

bermaksud *keadilan* dalam diri insan *sebagai insan itu sendiri*, dan bukan hanya mengasuh, memupuk dan menjelmakan insan sebagai warganegara, atau sebagai sebahagian kecil, atau 'serpihan', atau sebagai sebilangan belaka golongan insan bermasyarakat. Maka bagi Islām kepentingan dan nilai insan itu iaitu sebagai insan yang sebenarnya, sebagai diri akalinya; dan bukannya sebagai diri hayawani sifat jasmani yang diukur kepentingan serta peranannya berdasarkan nilai kegunaannya kepada negara dan masyarakat, dan kepada khidmat dan taraf pencapaian kedudukannya dalam kehidupan sekular[47] belaka—demikianlah yang ditegaskan oleh Islām.

---

[47] Sekular, dari bahasa Latin *saeculum*, bererti *masa-kini*, dan erti ini membayangkan pula maksud rujukannya kepada dunia yang senantiasa *ber-ubah-binasa* ini, dan tiada kepada lain; dan juga kepada *kehidupan duniawi*. Kehidupan duniawi terbayang sebagai senantiasa menempuh perubahan, dan insan pun—menurut faham yang sekular—harus menyelaraskan diri berubah mengikut perubahan yang ditempuhnya. Masyarakat dan negara merupakan punca segala hasrat insan dan faham sekularisma berdasar-punca kepada dunia dan masyarakat dan negara jua. Menuju ke arah kehidupan sekular bererti 'pembebasan' insan dari asuhan agama dan faham-faham yang menetap mengenai Hakikat Semesta; dia juga bererti 'penolehan' pandangan insan berkisar dari alam-alam lain niscaya menetap kepada alam yang nyata ini belaka, yakni kepada dunia belaka. Pengertian yang terkandung dalam istilah *sekular* dan segala bentuk penggunaannya termasuk faham yang digelar *sekularisma* itu mengutamakan dunia belaka sebagai segala rujukan peranan insan; dan kepada kebebasan insan untuk merubah segala dasar kepercayaannya niscaya disesuaikan *hanya untuk zamannya* bagi muslihat dirinya masing-masing mengikut zamannya. Maka faham sekular merujuk kepada faham masa dan peredarannya yang diiringi oleh perubahan nilai dan sikap dan cara-hidup. Faham *sekular* ini seakan-akan sama maksudnya dengan faham *al-ḥayāt al-dunyā* sebagaimana yang terbayang dalam pengertian bahasa Arab dan Agama Islām. Dunia (dari akar-kata DNW) bererti sesuatu (kehidupan) yang telah *didekatkan* yang menyatakan sifatnya dalam *ruang* dan *masa*. Maka insan yang singkat pandangannya hanya akan melihat kepada yang 'dekat' tanpa melihat atau menghiraukan yang

Dalam kenyataan yang telah berlangsung ini telah saya perikan sifat-sifat asasi yang merupakan intisari Agama Islām, dan dalam memperikannya demikian telah saya hurai serta terangkan secara yang mudah dan ringkas, padahal jua jelas dan padat, dasar utama yang menjadi asas faham *diri* dan faham *insan* dalam Islām. Telah saya sentuh perihal pandangan hidup Islāmiah, dan dalam pada itu juga menekankan keutamaan Kenyataan Tanzīl Yang Mahaagung perihal Perjanjian Asali insan dengan Tuhan Yang Hak sebagaimana terdapat dalam *Sūrah al-A'rāf*, dan menunjukkan betapa jelasnya Perjanjian Asali ini merupakan suatu *sifat-dasar* bagi Islām. Sifat-dasar inilah yang menjadi pokok-punca kita sekalian beragama dalam Islām, dan dialah jua asas faham-faham Islāmiah lainnya yang saling bersangkut-paut dengannya, seperti faham *kebebasan* dan *tugas* dan *tanggungjawab*; faham *keadilan*; faham *ilmu*; faham *keihsanan*; *budipekerti yang luhur-sempurna*; faham *ukhuwwah*; *persaudaraan diri yang Islām*; faham *peranan* dan *kelakuan* serta *perangai diri perseorangan* dan *masyarakat* dan *daya sifat yang saling membayangkan hakikat kesamaan* yang *mengenalkan diri perseorangan dan masyarakat* sehingga merupakan suatu kesatuan diri dalam rangka negara dan kehidupan bergabung bersama. Dalam memperikan ini semua telah saya utamakan peranan serta kepentingan *diri perseorangan*, dan mengenai diri perseorangan itu iaitu keutamaan *diri ruhani* atau diri akali dan perjalanan kembalinya ke Hadhrat Allāh *Subḥānahū wa Ta'ālā*. Maka kini patut pula saya perikan, secara menggambarkan garis-garis kasarnya sahaja, *pandangan* atau *shuhūd Islāmiah*

---

lain, yakni yang 'jauh', yang 'terakhir'—iaitu Akhirat. Faham sekular menentang faham agama dan akidah-akidahnya yang menetap, kerana dia mengisbatkan hanya dunia dan menganjurkan kebebasan insan menggubah akidah dan nasibnya sendiri, dan menentang sebarang penetapan dalam kepercayaan dan cara hidup beragama. Dari itu maka dia bertentang dengan Islām, bagaimanapun ditilik pengertiannya.

mengenai Hakikat Semesta; pandangan nazar-akali serta nazar-ruhani yang tiada lain dari *intisari falsafah* Islām yang sebenarnya—falsafah yang menentukan bentuk-corak-gaya pandangan alam hakiki yang ditayangkan oleh Islām: *falsafah* yang bukan seperti yang difahamkan oleh tamadun Barat, akan tetapi yang berdasarkan Ilmu yang Sebenarnya jua yang merupakan hasil penerokaan *al-'ilm al-ladunniyy* atau *al-ḥikmat al-ladunniyyah*, yakni: Ilmu yang Diberikan oleh Allāh *Subḥānahū wa Ta'ālā*, yang sifatnya telah saya huraikan tadi sebagai Ilmu yang Pertama itu jua. Islām menumpukan tilikan nazar-batinnya terhadap pandangan hakiki, di sisi faham *agama* dan *ilmu*, kepada Hakikat Wujud, dan membezakan antara Yang Wujud: *al-wujūd* dan Yang Mawjud: *al-mawjūd*; antara Keesaan yang Mutlak: *al-waḥdah* dan Keadaan Berbanyak Berlipat-ganda: *al-kathrah*; antara Kekekalan: *baqā'* dan Kefanaan: *fanā'*. Pandangan terhadap Hakikat Semesta ini berdasarkan Ilmu yang Diberikan dan dinyatakan dalam pengalaman ruhani di sisi agama, dan yang meliputi segala hakikat 'luaran'—yakni: hakikat alam yang nyata dan yang ghaib 'di luar' diri insan—dan segala hakikat 'dalaman'—yakni: hakikat 'di dalam' diri insan yang mengalami hakikat alam yang nyata dan yang ghaib 'di luar' dan 'di dalam' diri insan. Sebagai hakikat suatu kenyataan, kelakuan, dan pengalaman yang terjelma dalam sejarah dan dalam kehidupan setiap detik, baikpun zahir mahupun batin kesemuanya ini, maka Islām, dalam pengakuan benarnya pandangan Hakikat Semesta yang dinyatakan, dilakukan, dan. dialami itu, mengisbatkan *yang sudah jadi*, yakni: *kejadian* atau *wujud*; dan bukan *yang sedang menjadi*, yakni: *kemenjadian* atau *keadaan senantiasa mawjud*. Demikian sifat pandangan Hakikat Semesta yang ditayangkan oleh Islām itu justeru kerana yang menjadi tumpuan pandangannya, yang menjadi pokok-punca tilikannya sudahpun *Jadi*—sudah jelas, sudah berdiri-tegak-sempurna, sudah kekal dan tiada menempuh sebarang perubahan. Pengakuan dan pengikraran serta pengisbatan akan Hakikat yang menjadi punca pandangan Islām itu adalah

pengakuan dan pengikraran serta pengisbatan yang *mutlak*, sebab dia timbul dari *keyakinan* yang diakibatkan sebagai hasil Ilmu yang diberikan. Dan oleh sebab Hakikat yang dicerminkan oleh Islām itu sudah jadi, sudah jelas, sudah berdiri-tegak-sempurna dan kekal tiada menempuh sebarang perubahan, maka Islām itu sendiripun menjelmakan Hakikat itu, dan mencarakan rencana hidup insan dan cara amalan dan nilai-nilainya semua—membayangkan Sifat Keadaan Hakikat itu jua. Demikianlah Islām, umpama Hakikat yang dicerminkan olehnya dan yang dibayangkan dalamnya, mencarakan Keadaan Hakikat itu dengan mutlaknya sebagai yang kekal wujud, tiada mengalami perubahan kemenjadian melainkan dia sudah jadi jua, sudah berdiri-tegak-sempurna serta jelas dan lengkap. Dari itu Islām mengisbatkan hakikat sifatnya sebagai yang sudah jadi sempurna lengkap, sebagaimana juga diikrarkan dalam Tanzīl yang Mahaagung:

ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ
لَكُمُ ٱلْإِسْلَٰمَ دِينًا

"Hari ini telah Kulengkap-sempurnakan bagimu Agamamu dan telah Kutamatkan nikmatKu atasmu, dan telah Kuperkenan bagimu dengan redhaKu Islām sebagai Agama"[48]

—dan Islām menafikan kemungkinan dia memerlukan kelengkapan dan kesempurnaan atau perubahan secara evolusi yang menuju kearah kekamilan yang lebih daripada apa yang sudah ada dan jadi padanya. Dan faham-faham seperti *pembangunan* dan *kemajuan* dan *kesempurnaan*, apabila dikenakan terhadap kehidupan dan peranan dan nasib insan ditilik di sisi pandangan Islām, haruslah bersabit pada

---

[48] *Al-Mā'idah* (5): 3.

akhirnya kepada sifat ruhani diri insan yang menjadi dirinya yang hakiki jua. Jikalau tiada demikian—yakni jikalau maksud pembangunan dan kemajuan, dan evolusi ke arah kesempurnaan, dan kesempurnaan itu sendiri tiada merujuk kepada diri ruhani, dan kepada dayakuasa kelakuannya menuju ke arah pencapaian kemurnian asali—maka bagi Islām bukanlah pembangunan itu *benar* pembangunan; dan bukanlah kemajuan itu *benar* kemajuan; dan bukanlah perubahan ke arah kesempurnaan itu *benar* perubahan ke arah kesempurnaan; dan bukanlah kesempurnaan itu benar kesempurnaan; kerana faham-faham ini semua hanya merujuk kepada sifat jasmani diri hayawani insan belaka, dan tiada mengandung erti yang sebenarnya yang dapat memberi makna yang sah melainkan apabila faham-faham ini semua menyabitkan maksud tujuannya kepada diri ruhani jua. *Perubahan*, *pembangunan*, dan *kemajuan*, menurut pandangan Islām, merujuk kepada *pengembalian kepada keadaan Islām sejati,* yang diusul serta dicarakan oleh Junjungan kita Muḥammad, *ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam*, dan yang dituturi oleh para Sahabatnya yang Mulia dan para Tabi'in dan para Pengikut Tabi'in, *raḍiya'Llāhu 'anhum ajma'īn*, dan yang dianut serta diamalkan oleh para Mu'minin dan Muslimin selepas mereka hingga kini sehingga ke akhir zaman. Dan lagi pula perubahan, pembangunan, dan kemajuan itu merujuk serta mengarahkan maksudnya kepada sifat asali jua, dengan maksud *pengembalian diri hayawani kepada sifat asali diri* yang beragamakan *dīn* yang sebenarnya; kepada *perjalanan ubudiah* yang menuju kearah *keihsanan*. Faham-faham perubahan, pembangunan dan kemajuan, apabila disabitkan dengan Kaum Muslimin, atau digunakan dalam Islām, semuanya merujuk kepada suatu *keadaan yang sudah terjadi* yang *membayangkan suasana kabut-keliru* yang sedang mengharu Kaum Muslimin; dia membayangkan keadaan Kaum Muslimin *yang sedang diserapi kejahilan dan yang sedang sesat menyeleweng* daripada Jalan yang Lurus dan Benar, *yang sedang giat menzalimi diri sendiri* akibat pembohongan diri hayawani. Hanyalah dengan

nyata timbulnya berlaku keadaan yang demikian inilah sahaja baharu dapat dikenakan makna serta maksud yang sah bahwasanya *perubahannya*, *pembangunannya*, dan *kemajuannya* itu tiadalah lain daripada dayausahanya *mengubah, membangun, memajukan* dirinya niscaya *kembali semula kepada ajaran dan amalan Islām yang tulen*. Maka dalam keadaan yang dibayangkan itu dayausaha Kaum Muslimin untuk mengarahkan diri niscaya kembali semula kepada keadaan kemurnian Islām sejati—*dayausaha* ini, yang mensyaratkan suatu *perubahan*, adalah *pembangunan*, dan *gerakdaya pengembalian semula* ini, yang merupakan suatu *pembangunan*, adalah *kemajuan*. Dari itulah maka bagi Islām gerakdaya yang menuju ke arah kemurnian Islām sejati yang diusahakan oleh Kaum Muslimin yang insaf bahwa mereka sedang sesat-keliru dan jahil menyeleweng dari Jalan yang Lurus dan Benar—itulah *pembangunan*; dan pembangunan dengan pengertian inilah sahaja yang benar-benar dapat diistilahkan sebagai *kemajuan*. Kemajuan bukanlah *kemenjadian*; bukanlah *keadaan sedang menjadi tetapi tiada juga jadi*, keadaan yang *senantiasa tiada akan jadi* melainkan 'kejadiannya' itu 'kemenjadian' jua. Kemajuan bukanlah yang demikian justeru kerana dalam faham *kemajuan* itu sendiri memang sudah sedia ada terkandung makna asasi yang menjelaskan bahwa yang maju itu *maju* dengan maksud adanya *tujuan tertentu* dan *matlamat terakhir* bagi pencapaian kemajuan yang dituju oleh yang maju itu. Lagi pula faham *tujuan tertentu* dan *matlamat terakhir* itu hanyalah dapat mengandung erti apabila yang dituju dan dijadikan matlamat itu sudah *jelas*, sudah *berdiri-tegak* dan lengkap sempurna, sudah jadi. Maka sesuatu yang sudah jelas berdiri-tegak, *lengkap-sempurna*, yang sudah *jadi*, tiada lagi menempuh perubahan kemenjadian, tiada lagi menempuh *perubahan*, dan tiada pula merupakan sesuatu yang senantiasa samar dan liar dari pencapaian, yang senantiasa mungkir tiada mungkin dapat menjadi pegangan, dan yang senantiasa meluputkan diri dari penyampaian maksud. Sebagaimana yang baharu sahaja disebut tadi, faham yang terkandung dalam

istilah 'kemajuan' itu membayangkan adanya 'tujuan tertentu' yang menjadi serta menetapkan *arahan penyampaian* bagi yang sedang maju itu; dan dia juga membayangkan adanya matlamat terakhir yang jelas menjadi *panduan* yang memandu yang sedang maju itu niscaya dapat dia mencapainya dalam jangka masa hayatnya. Jikalau arah-tujuannya itu masih belum jelas, masih samar dan berkisar dan bertukar-ganti berpindah-randah, maka belumlah dapat dia itu digelar *tujuan*, sebab dia masih sedang menjadi, masih *sedang menjelmakan sifatnya* yang masih samar dan belum sempurna lengkap; dan jikalau matlamat yang menjadi tujuannya itu belum lagi mempunyai sifat matlamat *terakhir*, maka betapakah dapat mengarahkan diri kepada matlamat *sementara* itu dikatakan benar-benar kemajuan? Mereka yang meraba-raba dalam kegelitaan tentulah tiada dapat disifatkan sebagai yang 'sedang maju'; dan mereka yang mensifatkan orang-orang itu sedang maju hanyalah membohongi makna dan maksud sebenarnya faham kemajuan itu, dan mereka sesungguhnya membohongi diri sendiri jua! Mereka ini seperti yang diibaratkan dalam Tanzīl yang Mahaagung:

مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ ٱلَّذِي ٱسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّآ أَضَآءَتْ مَا حَوْلَهُۥ
ذَهَبَ ٱللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي ظُلُمَٰتٍ لَّا يُبْصِرُونَ صُمٌّۢ بُكْمٌ
عُمْيٌ فَهُمْ لَا يَرْجِعُونَ أَوْ كَصَيِّبٍ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ فِيهِ ظُلُمَٰتٌ
وَرَعْدٌ وَبَرْقٌ يَجْعَلُونَ أَصَٰبِعَهُمْ فِيٓ ءَاذَانِهِم مِّنَ ٱلصَّوَٰعِقِ حَذَرَ
ٱلْمَوْتِ وَٱللَّهُ مُحِيطٌۢ بِٱلْكَٰفِرِينَ يَكَادُ ٱلْبَرْقُ يَخْطَفُ أَبْصَٰرَهُمْ
كُلَّمَآ أَضَآءَ لَهُم مَّشَوْاْ فِيهِ وَإِذَآ أَظْلَمَ عَلَيْهِمْ قَامُواْ وَلَوْ شَآءَ
ٱللَّهُ لَذَهَبَ بِسَمْعِهِمْ وَأَبْصَٰرِهِمْ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

"Perumpamaan mereka itu seperti orang yang
memasang api;
Yang apabila cahayanya menerangi sekelilingnya,
Lantas dilenyapkan cahaya itu oleh Allāh
Dan dibiarkannya tinggal dalam kegelap gelitaan
Niscaya tiada dapat melihat.
Tuli, bisu, dan buta—
Tiada akan mereka kembali (ke Jalan yang Benar).
Ataupun (ibarat lain)
Seperti awan nan lawas dengan hujan
Dari langit; dalamnya bercampur mendung dan
gelap,
Guruh dan petir kilat-halintar bersabung-sambar:
Mereka memempatkan telinga dengan jari
Memekakkan pendengaran dari bunyi gemuruh
gegap-gempita
Sambil getar-gigil takutkan mati.
Bagaimanapun juga (helahnya), Allāh, sentiasa
meliputi yang
mungkir akan iman (dengan KehebatanNya).
Kilat merampas segala dayanya kecuali
penglihatnya;
Tiap kali cahaya kilat menerangi menampakkan
keadaan pada penglihatnya, mereka bergerak
berjalan,
Dan apabila kegelitaan menggelap menyerapi lagi
Mereka diam berhenti.
Sekiranya Allāh berkehendak justeru sesungguhnya
dapat Dilenyapkan kuatkuasanya mendengar dan
melihat"[49]

Pandangan mengenai Hakikat Semesta yang ditayangkan oleh Islām itu tiada harus pula difahamkan sebagai suatu

---

[49] *Al-Baqarah* (2):17-20.

dualisma, yakni: sebagai pengikraran terhadap adanya *dua hakikat* dan *kebenaran* yang mutlak, yang bertentang satu sama lain. Kita katakan demikian kerana walaupun terdapat dalam pandangan itu dua unsur yang merupakan dasar pandangan tersebut, justeru sesungguhnya harus kita ingati pula bahwa yang satu itu *kaim* atau berdiri dengan sendirinya, sedangkan yang satu lagi itu bergantung kepadanya; yang satu itu wujud kekal, yang satu lagi mawjud fana; yang satu itu tetap mutlak bagi pihaknya sendiri, yang satu lagi bersifat nisbi jua, bergantung kepada keadaan bernisbah kepada yang lain pula; yang satu itu hakiki, dan yang satu lagi hanyalah *kenyataan* hakikat itu. Maka sesungguhnya hanya ada Satu Hakikat dan Kebenaran jua—dan segala nilai-nilai Islām merujukkan maksud terakhirnya kepada Hakikat dan Kebenaran yang Esa itulah sahaja, tiada kepada lain. Demikianlah Islām mengisbatkan Keesaan Hakikat Semesta itu sehingga bagi insan yang Islām, baikpun sebagai diri perseorangan mahupun sebagai diri-diri yang bergabung sebagai masyarakat, tiap daya dan usaha dan sikap terhadap perubahan dan pembangunan dan kemajuan dan kekamilan yang mukammal itu tiada dapat tiada melainkan ditentu-tetapkan oleh pandangannya yang menayangkan Satu Hakikat dan yang mengikrarkan pengisbatan Satu Kebenaran itu jua. Dengan cara beginilah maka dalam pengalaman di sekitar amalannya Kaum Muslimin telah dapat berjaya menghidupi penghidupan dirinya masing-masing menurut kepercayaan dan keteguhan imannya dengan tiada membiar-bolehkan sebarang perubahan itu dilakukan yang dapat merosakkan perpaduan serta kesaksamaan Islām dan kesaksamaan, ketenteraman dan keseimbangan dirinya; dengan tiada tunduk takluk ataupun rebah runtuh terkena sentuhan masa nan membinasa; dengan tiada pula mengalah kepada cabaran zaman dan perubahan nasib duniawi yang senantiasa hadir mengiringi balatentera Perubahan. Islām itu terencana dalam Tanzīl yang Mahaagung, Kitab Suci al-Qur'ān'ul-Karīm; dan Tanzīl itupun juga, seperti Agama yang direncanakannya, tiada berubah dan tiada menempuh

perubahan dan tiada akan dapat berubah, sebab dia sudah jadi, sudah lengkap, sudah sempurna. Al-Qur'ān itu adalah Kata-kata Suci Allāh *Subḥānahū wa Ta'ālā* yang ditanzilkan dalam bentuk-rupa dan kenyataan yang sudah lengkap sempurna sehingga merupakan yang Terakhir bagi insan; yang disampaikan kepada RasūlNya yang Terpilih dan NabiNya yang Terakhir Junjungan kita. Muḥammad, *ṣalla'Llāhu'alayhi wa sallam.* Al-Qur'ān itu Hidayah yang Nyata, Penjelasan Terakhir yang dibawa oleh insan yang Islām itu ke mana-mana, justeru bukanlah hanya dalam bentuknya sebagai Kitab, akan tetapi juga, dan lebih lagi, dalam lidahnya, dalam akalnya, dalam kalbunya, sehingga al-Qur'ān itu sudah menyerapi diri dan raganya menggerakkan rupa-bentuknya dengan tenaga hayati. Saya telah katakan tadi, dalam menyentuh perihal insan yang memikir-renungkan sifat dirinya, yang memusyahadahkan dirinya, betapa diri yang dirasainya sebagai dirinya itu demikian mendalam sifat kerahasiaannya tiada berhabisan sehingga tiap diri itu umpama pulau sebatang-kara terpacak di tengah Lautan yang mahadalam tiada berdatar, yang diselubungi kegelitaan yang mahadahsyat; dan bagaimana pula kesunyian yang dialaminya itu sedemikian mutlaknya justeru kerana diri yang dirasai sebagai dirinya sendiri itupun tiada juga dapat dikenalnya dengan sepenuh-lengkapnya. Perlu pula saya di sini menambah penjelasan bahwa sesungguhnya perasaan kesunyian yang dialaminya itu, pada dasarnya, timbul dari tiada terdayanya, tiada mampunya dia menjawab soalan abadi bisikan batinnya yang senantiasa mengusul-tanya dari dalam dirinya: "Siapakah aku ini?" dan "Apakah nasibku terakhir kelak?" Kita katakan kini bahwa perasaan kesunyian yang terlalu amat mengerikan itu hanyalah dapat mengharu kalbu insan yang menafikan Tuhan Yang Hak, atau yang merasa syak terhadapNya, atau yang memecahkan amanah Perjanjian Asali diri ruhaninya dengan Tuhan; kerana sebagaimana yang telah dinyatakan berkali-kali di sini, justeru keinsafan mengenal-semula serta mengisbatkan Perjanjian Asali itulah jua yang

menetapkan bagi insan pengenalan diri hakikinya dan tempatnya dalam martabat susunan tertib rencana Wujūd dan Mawjūd. Insan yang Islām itu dialah yang senantiasa mengikrar serta mengisbatkan Perjanjian Asali itu dalam dirinya, dan oleh yang demikian maka tiadalah pernah dia mengalami azab kesunyian diri; kerana dalam memusyahadahkan dirinya itu sekalipun maka dia tetap insaf-kenal, akibat kerja amal-ibadah, yang termasuk amal membaca, mengaji, merenung dan memusyahadahkan Kata-kata Suci Allāh *Subḥānahū wa Ta'ālā* dalam al-Qur'ān'ul-Karīm, betapa akrabnya dirinya dengan Tuhannya Yang Hak, Yang Menjadikan dan Memeliharanya itu, Yang senantiasa direnungkannya dalam nazar dirinya bermusyahadah mengingat-ingatkan dirinya akanNya, menzikirkan Dia *(dhikr)* sehingga berlangsung denganNya percakapan rahsia yang mesra: *munājāt*. Insan yang demikian itu telah memperkenalkan dirinya kepada diri hakikinya, dan insaf tahu akan nasib terakhirnya; dia dalam keadaan bahagia amandiri, tenang dan bebas dia dari bunyi sunyi gema kesepian diri, bebas dari kegentaran, dari rasa khuatir takut mengerikan, yang menerkap senyap menangkap diri. Dengan pengisbatannya akan yang Wujud, maka al-Qur'ān'ul-Karīm itu, yang menjadi sumber Islām dan penayang gambaran hidup serta pandangan alam hakiki yang kesemuanya berdasar kepada nazar batin yang teguh menilik Satu Hakikat dan Kebenaran itu jua, dia itu juga merupakan *penyataan kesempurnaan yang penghabisan* yang dapat dicapai oleh 'kejadian', sebagaimana Islām itu *kenyataan kesempurnaan* yang berlaku dalam 'kejadian'; dan dia yang membawa al-Qur'ān'ul-Karīm itu kepada bangsa insani sendirinya juga merupakan, mensifatkan, *penjelmaan kesempurnaan yang penghabisan* bagi sifat 'kejadian' yang menjelma pada insan. Nabi yang Suci itu, yang baginya senantiasa kita haturkan salawat dan salam yang

tiada berhabisan; yang baginya senantiasa kita doakan semoga Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā,* cucurkan terus Kebahagiaan Murni dan Keamanan Sejati—adalah Mohor Para Anbiyā';[50] Pesuruh Terakhir bagi insan Semua;[51] yang dipimpin olehnya ke dalam Kecerahan dari Kegelapan Gelita;[52] yang dia sendirinya itupun Sebenar Pelita; yang menyinarkan meliputi alam Cahaya;[53] Rahmat Ilahi bagi Makhluk Jelata;[54] Karunia Allāh bagi yang kepadanya Percaya, dan bagi yang taat-tekun kepada yang dia Bawa;[55] Anugerah Allāh juga dia, kepada Ahlu'l-Kitab yang sedia menerima Ajaran Agungnya sebagai yang Benar Belaka.[56] Dialah yang dijadikan oleh Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā,* dengan kelengkapan segala sifat akhlakiah yang agung-sempurna untuk dijadikan Ukuran bagi insan semua;[57] dialah Insan yang Kamil dan Tauladan yang Terbaik bagi Anak Adam.[58] Dialah yang dimuliakan dan dibahagiakan oleh Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā,* sendiri dan Para MalaikatNya sebagai Insan yang Teragung, dan para Mu'minin sekalianpun diperintahNya supaya berbuat demikian,[59] menuturi TauladanNya dan Para MalaikatNya, menghaturkan salawat dan salam kepadanya tiada berhabisan hingga ke akhir zaman, dan di Akhirat sekalipun, selagi diizinkan olehNya. Dan di Akhirat kelak kepadanyalah akan dikurniakan Makam yang Mulia Terpuji.[60] Muḥammad Rasūlu'Llāh itu dia yang namanya sekalipun merupakan Mukjizat Nyata, kerana dalam kalangan insan semua dialah sahaja yang benar-benar *muḥammad*: 'senantiasa

---

50 *Al-Aḥzāb* (33): 40.
51 *Saba'* (34): 28.
52 *Al-Ṭalāq* (65): 11.
53 *Al-Aḥzāb* (33): 46; *al-Ṭalāq* (65): 11.
54 *Al-Anbiyā*"(21): 107.
55 *Āli 'Imrān* (3): 164; *al-Nisā'* (4): 170.
56 *Al-Mā'idah* (5): 21.
57 *Al-Qalam* (68): 4.
58 *Al-Aḥzāb* (33): 21.
59 *Al-Aḥzāb* (33): 56.
60 *Banī Isrā'īl* (17): 79.

dipuji'; senantiasa dia dipuji dan terpuji dalam segala zaman dan keturunan insan sesudahnya; dan walaupun bagi zaman sebelumnya, dialah sahaja insan yang menerima pujian sedemikian laku. Kita memujinya dengan rasahati yang ikhlas yang kasih-sungguh akannya, dengan hormat-takzim dan rasa berhutang budi yang tiada terhingga baginya kerana memimpin kita keluar daripada Kegelapan hingga sampai kepada Kecerahan. Dan dia dikasih-sayangi jauh lebih dari kasih-sayang kita kepada insan lain, termasuk diri kita sendiri. Kasih-sayang dan hormat-takzim kita itu tiada mengenai ketumpulan akibat kikisan peredaran masa dan kealpaan renungan fikiran, kerana dia senantiasa bersama kita dalam diri kita pada tiap zaman dan keturunan—bahkan dia lebih akrab kepada diri kita daripada kita sendiri sekalipun.[61] Maka kita anuti dengan taat-setia segala maksud katanya: *qawl*, dan segala perbuatan fiilnya: *fi'l* yang menjadi contoh bagi kita sehingga yang dibiarkan dengan diam-diam olehnya itupun; *taqrīr* kita anggap sebagai isyarat pengesahannya yang diberikan tanpa suara dan kata bagi dijadikan turutan kita semua. Dan dengan demikian maka selepas al-Qur'ān'ul-Karīm itu sendiri dialah yang menjadi pemandu dan tauladan hidup terbaik-sempurna bagi kita. Dialah contoh sempurna bagi tiap seorang Muslim lelaki dan perempuan; yang belia, yang setengah umur, yang tua, dengan sedemikian lakunya sehingga Kaum Muslimin tiada menderita kegentingan masalah makna-diri, yang biasa digelar sebagai *krisis identiti*. Demi kerana dialah maka corak-bentuk masyarakat Islām itu tiada berpisah-pisahan menjadi tiga golongan keturunan yang berasingan, yang satu terputus dari yang lain, yakni: golongan belia, golongan setengah umur, golongan tua, sebagaimana kita dapati berlaku dalam corak-bentuk masyarakat Barat. Kebudayaan dan tamadun Barat senantiasa berubah dan mengalami keadaan yang 'sedang menjadi tetapi tiada juga

---

61 *Al-Aḥzāb* (33): 6.

jadi', melainkan 'kejadiannya' itu, kini dan dahulu, merupakan 'kemenjadian' jua. Justeru demikian lakunya terus begitu kerana memang sudah jelas bahwa dahulu dan sekarang dan di masa hadapan sekalipun maka kebudayaan dan tamadun Barat itu tiada mengakui adanya Satu Hakikat dan Kebenaran yang dapat diterimanya yang boleh dijadikan Punca pandangan hidupnya; tiada mempunyai serta mengakui adanya Satu Kitab Suci yang Sah yang boleh diikrar dan diisbatkan sebagai Dasar hidupnya; tiada mempunyai Satu Insan yang Kamil yang boleh menjadi Panduan hidup, yang kata dan daya dan caranya seluruhnya boleh dijadikan Tauladan dan Contoh anutan hidupnya. Dan keadaan begini mengakibatkan terpaksanya diri perseorangan masing-masing mencari bagi pihaknya sendiri makna-diri dan hidup dan nasib terakhirnya. Kebudayaan dan tamadun Barat mengisbatkan kenyataan hakikat kefanaan, dan berdasar kepada yang fana, serta dari itu pula maka nilai-nilai hidupnya berpokok-punca pada sifat *sekular*, pada kehidupan hakikat zahir yang bersifat jasmani dan yang merujuk kepada keadaan kebendaan jua. Maka masyarakat Barat terbahagi secara mutlak kepada tiga golongan keturunan yang masing-masing berpisah-putus satu sama lain; yang belia; yang setengah umur; yang tua. Tiap golongan yang berasingan itu masing-masing bergerak di sekitar lingkungan daya-usahanya sendiri untuk mencari makna bagi dirinya dan hidupnya; masing-masing bertanya-soalkan dirinya mencari jawaban bagi soalan abadi: "Siapakah Aku ini?" dan "Apakah nasib terakhirku?" Yang belia, yang pada waktu itu sedang mengalami perubahan hidup, menganggap nilai-nilai hidup yang diturunkan oleh bapaknya yang setengah umur tiada lagi berguna dan sesuai bagi cara hidupnya. Akibatnya yang belia tiada mengambil tauladan daripada yang setengah umur sebagai contoh untuk memandu kehidupannya, dan dari itu mereka mendakwa menuntut kebebasan bagi memilih nasibnya sendiri. Yang setengah-umur, yang sedia insaf bahwa nilai-nilainya sendiripun, sewaktu mereka belia dahulu, tiada berjaya memandunya

dalam kehidupan, kini insaf tahu bahwa mereka sendiri tiada berjaya menyedia dan memberikan panduan serta bimbingan hidup yang harus ada bagi anak-anaknya. Maka diserahkannya kebebasan bagi memilih nasib sendiri kepada belia dengan harapan bahwa mungkin yang belia kelak entah-entah dapat berjaya menyelesaikan perkara yang telah digagali olehnya sendiri. Akan tetapi yang belia pula, dalam mendakwa menuntut kebebasan bagi memilih nasibnya sendiri itu, sedia tahu juga bahwa mereka perlukan panduan hidup, yang malangnya tiada dapat dihasilkannya; justeru kerana dari dalam kalangan mereka sendiripun tiada terdaya mereka menimbulkan keluar seorang pemimpin yang dapat menunaikan peranan sebagai contoh sempurna yang mencarakan tauladan yang boleh menjadi anutan bagi yang lain. Keadaan kedudukan yang sangat mengecewa serta membimbangkan ini menimbulkan pelbagai macam rasa-sangsi di kalangan belia, dan keraguan tentang masa hadapan; dan mereka memberanikan diri sanggup nekad mengharapkan kalau-kalau nanti, apabila menjelang waktu sampai ke peringkat setengah umur kelak, mungkin waktu itu dapat mereka menggubah-semula alam hidupnya membentuk dunia yang lebih sesuai dengan hasrat hatinya. Akan tetapi pula yang setengah umur yang memainkan peranan asasi dalam membentuk serta merencanakan negara, masyarakat dan dunianya sedia tahu, berdasarkan pengalamannya sewaktu belia dahulu, bahwa nilai-nilainya sewaktu itu kini tiada lagi memberi kesan bagi menghasilkan sesuatu tujuan, dan tiada lagi mengandung makna dalam kehidupan; dan dari kerana pencarian makna-dirinya dahulu telah gagal, maka kehidupannya kini tiada membayangkan kepuasan hati pencapaian maksud, dan tiada mengandung kebahagiaan dan kesejahteraan. Maka dari itu nilai-nilai yang kini disanjung tinggi olehnya, nilai-nilai yang menjadi ukuran kejayaannya dalam mencari makna kehidupan peribadi masing-masing, hanyalah nilai-nilai yang menganjurkan kejayaan kebendaan di sekitar alam sekular yang merujuk kepada negara dan

masyarakat—dan justeru itulah mereka bergiat berlumba, tanpa belas-kasihan terhadap sesama sendiri, bagi mencapai kedudukan tinggi di lapisan golongan pilihan dalam masyarakat, dan bagi membanyakkan harta dan memupuk kekuasaan dan mendapatkan pengakuan jasanya pada dunia. Dalam gelanggang pergelutan ini, mereka juga insaf khuatir bahwa dayakuasa akal dan fikiran dan peringatannya sudah semuanya menjadi lemah; kuasa dan tenaga jasmani sudah mulai merosot menyangkal helah pemulihan kepada keadaan yang asal; dan rasa bimbang-kesal dan pedih-sedih mulai memerangkap merangkum dirinya apabila timbul terbentang di hadapan renungan khayali gambaran bergilir menayangkan keadaan hidupnya waktu bersara kelak—waktu mengundurkan diri dari kegiatan dan keriuhan kehidupan umum dan masuk tergesa ke dalam kesunyian dan kesepian masa tua. Akibatnya mereka menolehkan renungan rindu pada nasib belia, dan menaruh harapan tinggi bahwa belialah yang akan menghasilkan timbulnya keluar dari kalangannya pemimpin sempurna yang ditunggu-tunggukan selama ini, yang akan dapat mencontohkan dirinya bagi anutan cara hidup dan tauladan masyarakat seluruhnya. Dan sikap ini terhadap belia itulah yang menjadi punca Pemujaan Kebeliaan yang merupakan sebagai suatu sifat keistimewaan penjelmaan kebudayaan dan tamadun Barat sejak zaman purbakala lagi. Kegentingan masalah makna-diri yang dialami oleh yang setengah umur itu seakan-akan sama dengan yang dialami oleh yang belia, kecuali bahwa bagi yang setengah umur tempoh untuk melaksanakan kehendak kebebasan memilih nasib sendiri sudah semakin tersekat, sebab Masa senantiasa bergerak terus tanpa belas-kasihan melainkan terus jua mara, laksana tragedi Yunani Purbakala, hingga kedetik-saat akhirnya. Yang tua pula dalam masyarakat begini, hanyalah makhluk yang dilupakan oleh masyarakat, kerana justeru adanya terpacak seolah-olah terpamer di hadapan mata masyarakat itu mengingatkan yang setengah umur dan yang belia akan keadaan nasibnya menjadi serupa itu jua kelak—

keadaan nasib yang ingin mereka lupakan. Yang tua mengingatkan mereka akan kehancuran diri dan maut; yang tua telah kehilangan dayakuasa jasmani dan tenaga hayati; telah kehilangan kejayaan; telah kehilangan peringatan dan peranan dan gunanya bagi masyarakat; telah kehilangan kawan dan keluarga—telah kehilangan masa hadapan. Apabila sesuatu masyarakat mendasarkan falsafah hidupnya pada landasan yang semata-mata sekular dan hidup mengejar kehendak nilai-nilai kebendaan melulu, maka mestilah berikut pula bahwa makna hidup serta penghargaan dan nilai diri perseorangan sebagai warganegara itu dinilaikan dan diukur mengikut kedudukannya sebagai warganegara jua, di mana jawatan-pekerjaannya dan guna serta dayakerja dan pendapatannya semua bernisbah hanya kepada negara belaka. Maka apabila sudah sampai pada peringkat tua, ini semua akan lenyap; dan demikianlah pula makna-dirinya—yang sebenarnya dibentuk oleh peranan sekular yang dimainkannya—akan hilang juga. Tiga golongan keturunan yang berasingan sedemikian cara, yang merupakan bentuk masyarakat Barat itu, selama-lamanya bergelisah berkisar mencari makna-diri dan tujuan hidup; selama-lamanya bergerak berputar-putar dalam putaran yang tiada putusnya, tiada mempunyai jalan keluar, tiada membawa kepada pencapaian maksud. Tiap satu golongan tiada puas hati akan nilai-nilai hidup yang digubalnya sendiri; tiap satu golongan menempatkan dirinya bukan pada tempat yang wajar baginya. Dan keadaan inilah yang kita maksudkan tadi dengan kezaliman: *ẓulm*. Keadaan demikian kini telah menjadi lebih genting dan kusut lagi bagi masyarakat Barat kerana telah ditambah pula masalah kegentingan makna-diri itu dengan timbulnya ruang perpisahan antara lelaki dan perempuan, yakni golongan perempuannya, sebagai *satu golongan tersendiri*, telah mendakwa menuntut kebebasannya dari golongan lelaki untuk mencari makna-dirinya berasingan dari yang lelaki, dan untuk memilih nasib terakhirnya sendiri. Masyarakat Islām—selagi tetap dia mencarakan keislamannya—tiada akan terkena

derita yang serupa dengan masyarakat Barat, yang sesungguhnya sedang menularkan penyakitnya ke merata dunia. Diri-diri perseorangan dalam masyarakat Islām yang mewakili tiap golongan keturunan, baikpun yang lelaki mahupun yang perempuan, sudahpun masing-masing mengenali makna-dirinya dan insaf tahu akan nasib terakhirnya. Pengenalan makna-diri masing-masing itu adalah akibat *keinsafan* akan hakikat Perjanjian Asali diri dengan Tuhan Yang Hak, dan *pengisbatannya* oleh diri; sedangkan keinsafan tahu akan nasib terakhir diri itu adalah akibat *pengikraran* serta *pengenalan* Janji yang dijanjikan dalam Perjanjian Asali itu dengan cara *penyerahan yang ikhlas* diri kepada Kehendak Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā,* dan *taat setianya* kepada Perintah Hukum dan Undang-UndangNya yang *dilakukan* dan *dihidupi* sebagai *Islām.* Insan yang membawa al-Qur'ān'ul-Karīm kepada kita dalam bentuk serta kandungan yang asali, seperti yang diwahyukan kepadanya oleh Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā,* yang dengan demikian cara membawa Ilmu yang Sebenarnya kepada kita, Ilmu yang mengenalkan kepada tiap diri makna-diri dan nasib terakhirnya; insan yang kehidupannya sendiri merupakan kehidupan yang terbaik, lengkap-sempurna sebagai *tafsiran hidup* al-Qur'ān itu sendiri, sehingga segala butir terperinci peri kehidupannya menjadi pokok-punca Anutan dan Tauladan dan Contoh dan Panduan hidup yang benar bagi kita semua—ialah Rasūlu'Llāh, *ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam.* Dengan tunjuk-ajar dan contoh-tauladan yang dicarakan olehnya, maka dia telah menunjukkan bagi kita cara yang betul dan benar bagi mengamalkan Islām dan bagi mencapai maksud nilai-nilai hidup yang Islām; dialah Contoh yang Sempurna bukan sahaja bagi yang belia, atau yang setengah umur, atau yang tua, atau yang lelaki, atau yang perempuan, akan tetapi bagi semuanya sekaligus; dialah Contoh yang Sempurna bukan hanya untuk semasa atau suatu jangka masa hidup belaka, akan tetapi untuk semua masa—untuk masa seumur hidup diri perseorangan, masa sepanjang zaman masyarakat terus selama-lamanya hingga ke akhir

zaman dan di Akhirat sekalipun. Bahkan kita menyatakan bahwa sesungguhnya makna yang terkandung dalam faham *contoh yang sempurna* itu hanyalah dapat benar-benar mengandung erti yang sah yang menjelaskan makna yang sebenarnya, apabila insan yang dirujukkan dan dimaksudkan dan dikenakan kepada faham kandungannya itu memang tepat mencerminkannya pada zahir dan batin dirinya— sebagaimana berlaku tercermin pada diri Junjungan kita Muḥammad seorang diri itu sahaja—dan menjelmakan dalam dan pada dirinya segala nilai insaniah yang kekal dan segala nilai ruhani yang wajib bagi memandu insan dalam kehidupan; dan sahnya nilai-nilai ini semua bukanlah hanya untuk sekadar dapat membimbing insan dalam jangka masa hidup seorang diri, atau suatu keturunan, atau suatu masyarakat, atau suatu zaman, akan tetapi untuk semua masa dan semua golongan keturunan insan seperti yang baharu disebut tadi. Maka kandungan makna yang sebenarnya bagi faham *contoh yang sempurna* seperti yang dijelaskan di atas itu hanya tercermin dan terjelma pada diri Junjungan kita seorang diri itu sahaja, dan oleh yang demikian maka tiap golongan keturunan Muslimin, yang masing-masing menuturi Tauladan Hidup yang dicarakan olehnya, terus menurunkan ajaran dan amalan dan segala cara hidupnya kepada keturunan yang berikut kemudian, dengan sedemikian cara sehingga tiada terdapat ruang pemisahan dan pemutusan dan pengasingan antara golongan keturunan yang satu dan yang lainnya, ataupun antara yang lelaki dan yang perempuan—melainkan sanya sesungguhnyalah golongan keturunan yang lebih awal itu memberi panduan kepada yang berikut kemudian dengan mengikrar dan mengisbatkan Tauladannya dalam kehidupan dirinya.

Kenyataan yang ringkas mahupun jelas memperikan peranan Rasūlu'Llāh, *ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam*, dalam kehidupan insaniah seperti yang dibentangkan di atas itu demikian pentingnya untuk menginsafkan kita akan wajibnya tiap diri seorang insan yang Islām itu mentaati segala segi cara

hidupnya yang Sempurna Kamil itu. Andaikata Muslimin tiada benar-benar mengasihinya dan menghormatinya dan menganut Tauladan cara hidupnya; dan mengabaikannya dengan erti memahamkan bahwa Agama Islām sebagai *al-Dīn* itu hanya memaksudkan *keimanan* dan *kepercayaan* terhadap Keesaan Tuhan sahaja tanpa merujuk kepadanya, maka sudah tentulah Kaum Muslimin pun akan mewarisi kelak derita sengsara hidup duniawi dan ruhani seperti yang dialami oleh penganut kebudayaan dan tamadun Barat. Rasūlu'Llāh, *ṣalla'Llāhu 'alayhi wa sallam,* itu bagai Pintu Gerbang *Madīnah al-Fāḍilah* yang memperikan Kota Bahagia Islām jua; dan tiada yang benar *Muslim* dan *Mu'min* melainkan yang masuk ke Kota Bahagia Agama yang Sebenarnya itu melalui Pintu Gerbang itu jua.

Masalah makna-diri insan dan nasib terakhirnya itu pada hemat saya merupakan suatu masalah yang sangat asasi sifatnya, sebab dia menjadi biang-bibit segala masalah lain yang kini sedang menyerang kita dengan hebatnya. Penyakit ini sedang menular menjalar ke dalam jiwa masyarakat dewasa ini. Dalam suasana kekeliruan insan yang mengabuti tiap zaman maka kita senantiasa menghadapi banyak cabaran; akan tetapi tiada cabaran yang lebih hebat dan berbahaya bagi insan semesta dari cabaran yang kini dihadapkan oleh kebudayaan dan tamadun Barat. Berani saya mendakwa bahwa cabaran yang tergenting, yang secara bersembunyi menyusup menyeludup tiada ketara, yang kini timbul di zaman kita ini, adalah cabaran *ilmu.* Sanya sesungguhnya yang dimaksudkan dengan 'cabaran ilmu' itu tiada sekali-kali merujuk kepada ilmu berlawan dengan *kejahilan*; akan tetapi ilmu yang merupakan cabaran itu ilmu yang dikandung, kemudian dilahirkan, kemudian dibesarkan dan dipelihara serta diajar dan disebarkan di merata dunia oleh kebudayaan dan tamadun Barat; ilmu yang sifatnya menjadi masalah rumit justeru kerana ilmu ini telah kehilangan maksud dan tujuannya yang tertentu akibat terkandungnya dalam kezaliman—yakni dalam tiada mengenai asal-usulnya, tiada mengenai tempat-tepatnya,

tiada mengenai cara-gunanya, tiada mengenai alim-maklumnya—dan dari itulah maka ilmu ini telah membawa kekacauan dan huruhara ke dalam diri dan kehidupan insan, dan bukan pula sebaliknya, sebagaimana yang patut, dia itu membawa ketenteraman dan keamanan dan keadilan. Ilmu ini ilmu yang menyaru sebagai yang benar sedangkan sebenarnya dia itu bercampur dengan yang palsu, dan dari itulah maka dia menyemaikan, sehingga menjadi subur, kekeliruan dan keraguan dan kesangsian yang berani berlagak menjunjung tinggi perangai syak kepada peringkat cara-gaya pendekatan ilmiah kononnya; ilmu yang untuk pertama kalinya dalam sejarah makhluk jelata telah mendatangkan kekacauan ke dalam Ketiga Alam Tabii, yakni: ke alam hayawani, ke alam nabati dan ke alam jamadi. Pada pertimbangan saya sangatlah sesuai di sini bagi memberatkan kepentingan kenyataan bahwa ilmu itu bukanlah sesuatu yang bersifat *neutral* semata-mata, yakni seakan-akan tawar tiada manis-pahitya, tiada benar-palsunya sehingga difikirkan bahwa ilmu itu *ilmu* jua—tiada memandang isi dan rencana dan faham dan diri yang diisi dan direncana dan diberi faham olehnya itu. Sanya sebenarnya ilmu itu memang boleh dicampur-adukkan dengan isi dan rencana dan faham yang sifatnya tiada semestinya benar sifat ilmiah, akan tetapi sifat yang menyamarkan diri sebagai ilmu, padahal yang sebenarnya sifat dugaan atau tanggapan atau pandangan akal-nazari atau yang sebagainya. Jadi ilmu yang telah diberi isi dan rencana dan faham oleh sesuatu kebudayaan dan tamadun yang kemudian didakyahkannya kepada yang lain sebagai ilmu, apabila dipandang *pada keseluruhannya*, bukanlah semestinya ilmu yang benar-benar ilmu, akan tetapi *tafsirannya* menerusi pandangan hidup dan pandangan alam yang tampak tertayang pada nazar sesuatu kebudayaan dan tamadun—yang keadaannya dapat dikiaskan sebagai cahaya yang ditangkap oleh kaca prisma yang memancarkannya keluar beraneka warna, yakni pancarannya itu mengibaratkan pandangan akal-nazari serta rasa-cita kebudayaan dan tamadun yang kini sedang memainkan

peranan pokok dalam merencana dan membentuk serta menyebarkan faham ilmu yang bercampur dengan yang samar atau palsu. Kita harus insaf bahwa apa yang difahamkan sebagai *kekeliruan* itu hanya dapat bermaksud yang sah apabila terjadi *campuran* yang *benar* dengan yang palsu. Jikalau sesuatu itu palsu belaka maka tiadalah dia itu dapat menimbulkan kekeliruan, sebab sifat kepalsuannya akan sendiri ternyata sebagaimana sifat kebenaran sesuatu itu juga dengan sendirinya ternyata. Akan tetapi apabila yang palsu menyaru menyamari yang benar, dan dicampur serta diadun keduanya sehingga menjadi mesra, maka hasilnya akan dianggap orang sebagai merupakan satu *kesatuan sifat* jua; padahal sifat yang dianggap sebagai satu itu sesungguhnya tiada benar satu. Dan mengenai ilmu pun demikianlah juga halnya—seperti 'warna air itu warna bejananya jua', dan 'warna' ilmu itupun; 'warna' tempat kandungannya jua—dan ilmu yang diberikan bersama sekaligus dengan 'warna' pengandungnya itu tiada semestinya ilmu. Dan mengenai ilmu yang dikandung serta direncana dan dibentuk fahamnya dan disebarkan sebagai 'ilmu' itu maka sifatnya adalah ilmu yang sudah diberikan 'warna', yang sudah dimesrakan dengan sifat serta tabiat dan peribadi kebudayaan dan tamadun itu, dan yang dihaturkan olehnya kepada kita—ilmu yang sudah diperolah-semula, dan kemudian dihaturkan dalam bentuk saruan yang sedemikian halus-cerdiknya sehingga kita menerimanya langsung bulat-bulat, dengan tiada sedar-sangka, sebagai yang pada keseluruhannya benar belaka. Memang benar bahwa ilmu itu tentulah mendapat pengaruh isi serta rencana dan bentuknya dari pandangan sendiri insan yang mensifati serta menggunakannya. Namun demikian, yang harus kita persoalkan itu iaitu adakah pandangan sendiri insan itu berdasarkan pencapaian maksud makna-diri dan nasib terakhirnya yang sah atau tiada? Dan *pandangan sendiri* inilah yang menjadi soal pokok dalam usaha menuntut ilmu, dan dalam menjelaskan sifat dan tabiat dan peribadi, dan semangat dan intisari mahupun sesuatu kebudayaan dan tamadun. Apakah sifat dan tabiat dan peribadi, semangat dan intisari

kebudayaan dan tamadun Barat, yang telah sanggup merubah dirinya dan dunia dengan maksud menggantikannya dengan yang lain pula, dan yang membawa barangsiapa yang menerima faham dan tafsiran ilmunya sehingga jadi terkeliru masuk ke dalam keadaan kekacauan diri yang menuju ke arah kerosakan? Dengan faham *kebudayaan dan tamadun Barat* saya maksudkan kebudayaan dan tamadun yang dalam pengalaman sejarahnya telah lambat-laun berolah memupuk peribadinya dengan adunan campuran sifat-sifat kebudayaan, falsafah, nilai dan hasrat hidup Yunani dan Rumawi Purbakala; kemudian adunan yang telah diperolah itu dicampurkan pula dengan tambahan unsur-unsur keagamaan Yahudi dan Kristian; dan perolahan serta perkembangan selanjutnya itu kemudian dibentuk ia oleh bangsa-bangsa Latin, Jerman, Seltik (Inggeris) dan Nordik yang mendiami bahagian Utara Eropah. Dari Yunani Purbakala terbentuk dan terumus unsur-unsur mengenai falsafah dan faham ilmu dan keilmuan, dasar-dasar pelajaran dan pendidikan serta akhlak dan faham keseniannya; dari Rumawi terbentuk dan terumus unsur-unsur hukum dan undang-undang serta ketatanegaraan dan pemerintahannya; dari agama Yahudi dan Kristian terolah unsur-unsur kepercayaan dan keagamaannya; dan dari bangsa-bangsa Latin, Jerman, Seltik dan Nordik terpupuk sifat serta semangat keinginan hidup bebas dan pengekalan nilai-nilai adat resam serta istiadat perkauman dan faham kebangsaannya. Dan perkembangan seterusnya dan kemajuan dalam lapangan ilmu sains tabii dan jasmani dan peralatan teknologinya, yang telah diusahakannya bergotong-royong sesama sendiri, diikut serta pula oleh bangsa-bangsa Slav sehingga sampai pada kemuncak tinggi penaklukan serta penguasaan alam tabii dan jasmani dewasa ini. Islām pun telah memberi sumbangan yang amat berkesan bagi kebudayaan dan tamadun Barat dalam bidang ilmu dan dalam menimbulkan semangat akliah dan ilmiah, namun demikian ilmu serta semangat akliah dan ilmiah yang disumbangkan oleh Islām itu telah dipupuk serta diperolah-semula olehnya niscaya teracu terbentuk menyesuaikan sifatnya

dengan pelbagai unsur yang mensifatkan kebudayaan Barat itu, sehingga menjadi mesra berpadu dengannya menjelma sebagai sifat dan tabiat dan peribadi kebudayaan dan tamadun Barat itu jua. Perpaduan serta penyerapan mesra segala unsur dari pelbagai kebudayaan, secara yang berkembang menjadi kebudayaan dan tamadun Barat ini, menjelmakan pula sifat kerasmiannya memandang hakikat hidup itu sebagai suatu *dualisma*, yakni suatu *penduaan hakikat serta kebenaran* yang menjadi dasar pandangan hidupnya. Penduaan ini suatu penduaan hakikat dan kebenaran yang tiada dapat disatukan dan diseimbangkan sehingga dapat menjadi perpaduan yang esa sempurna, kerana dia ditimbulkan serta dibentuk dari faham-faham, nilai-nilai, kebudayaan-kebudayaan, kepercayaan-kepercayaan, falsafah-falsafah, akidah-akidah, teologi-teologi yang semuanya membayangkan suatu nazar penduaan hakikat dan kebenaran yang saling bertegangan, yang meliputi keseluruhan alam hidupnya. Maka baginya penduaan yang mutlak itu merupakan hakikat yang meliputi seluruh faham serta falsafah hidupnya—mahupun di alam fikiran akal-nazari dan masyarakat dan politik dan kebudayaan—sebagaimana juga dia menyerapi dengan mesra dan mutlak agama Barat itu sekalipun.

Pandangan alam hakiki dan kebenaran yang ditayangkan oleh kebudayaan Barat itu berasas pada bentuk renungan yang bersendikan bukannya Wahyu dan Ilmu yang Dinyatakan oleh Allāh, *Subḥānahū wa Ta'ālā*, yang menjadi dasar Agama dan Keimanan, akan tetapi dia berasas pada adat kebiasaan yang terdapat dalam kebudayaan yang diperkukuh pula oleh pendapat-pendapat akal-fikri dalam falsafah, yang semuanya ditumpukan kepada renungan-renungan perihal kehidupan sekular yang berpokok-punca pada diri insan sebagai sifat jasmani dan akal hayawani belaka; dengan menaruh banyak kepercayaan serta harapan pada daya kebolehan akal hayawani insan itu sendiri untuk memecah dan menyelesaikan pelbagai masalah rahsia seluruh alam sekelilingnya; untuk memandunya dalam perlibatan mesranya dengan keadaan mawjud semesta;

dan untuk merumuskan dalam fikirannya segala nilai akhlakiahnya yang senantiasa menempuh perubahan dan perkembangan yang telah dihasilkannya sebagai buah renungan akal-fikri itu jua. Renungan-renungan akal hayawani dalam falsafah itu sebenarnya tiada akan dapat berjaya menghasilkan keyakinan seperti yang dihasilkan oleh Agama yang berdasar kepada Ilmu yang Dinyatakan sebagaimana dialami dalam Islām;[62] dan dari itulah maka ilmu serta nilai-nilai yang menayangkan pandangan alam dan yang memberi arahan pada pandangan hidup kebudayaan dan tamadun Barat itu senantiasa tertakluk kepada peninjauan-semula dan perubahan dan penukaran dan pembetulan yang terus-menerus.

Dorongan batin untuk senantiasa mencari yang mensifatkan semangat kebudayaan dan tamadun Barat berasal dari rasa kecewa terhadap agama sebagaimana yang dialami serta difahaminya. Agama, dengan erti yang dikemukakan dalam risalah ini, tiada pernah benar-benar tumbuh berakar

---

[62] Sila lihat di atas, m.s. 47-51; 77, rujukan kepada *yaqīn* (keyakinan). Al-Qur'ān'ul-Karīm menyatakan tiga darajat atau peringkat keyakinan ilmu: keyakinan yang diperoleh daripada penarikan kesimpulan-kesimpulan yang berdasar kepada pengalaman dan pemerhatian, penyelidikan dan pengkajian, yakni: *'ilm al-yaqīn—al-Takāthur* (102): 5; keyakinan yang diperoleh daripada penglihatan secara langsung, yakni: *'ayn al-yaqīn—al-Takāthur* (102):7; dan keyakinan yang diperoleh daripada perasaan batin secara langsung, yakni: *ḥaqq al-yaqīn—al-Ḥāqqah* (69):51. Peringkat-peringkat keyakinan ilmu, atau ilmu yang membawa keyakinan ini merujuk kepada kebenaran, baikpun yang zahir mahupun yang batin; baikpun yang boleh diperiksa, diperhatikan dan diselidiki oleh pengalaman diri jasmani dan penerokaan akal-fikri dan akal-nazari mahupun yang munazzah dari ini semua. Dan ilmu yang meyakinkan tentang sesuatu yang batin itu membawa kadar keyakinan yang sama dengan sesuatu yang zahir yang meyakinkan jua. Darajat keyakinan ini juga merujuk kepada apa yang dipandang oleh alat pengenalan penglihatan ruhani, yaitu kalbu: *al-qalb*, dan dia bersabit dengan ilmu yang ditakrifkan sebagai keimanan: *īmān*. Sila lihat di atas, m.s. 50.

dalam jiwa Barat justeru sebab keterlaluannya cinta kepada dunia dan kehidupan sekular; cinta yang salah-arahan dan sesat-panduan yang juga ditumpukannya kepada insan hayawani dan nasib terakhirnya dalam kehidupan sekular itu jua. Semangat kefudhulan untuk senantiasa mencari itu dilahirkan dan berpokok-punca dari dalam suatu keadaan jiwa yang syak dan ketegangan batin; dan ketegangan batin ini merupakan sebagai akibat pertentangan unsur-unsur dan nilai-nilai yang saling berlawanan dalam penduaan mutlak yang terus dituntut-bela itu; sedangkan syak yang bermadangan mengharu jiwa itu terus membina keadaan ketegangan batin. Keadaan ketegangan batin ini pula, menurut gilirannya, menimbulkan ghairah yang tiada mencapai kepuasan, yang menggesa diri untuk terus mencari, terus memulakan perjalanan abadi bagi rnendapatkan butir-butir maklumat baru, dan untuk menjumpai kenyataan serta pengetahuan yang baru. Justeru pencarian ini dikatakan tiada mencapai kepuasan, dan perjalanan ini dikatakan abadi terus menerus, kerana syak senantiasa memang mendesak, sehingga apa yang dicari sebenarnya tiada juga didapati, apa yang dijumpai sebenarnya tiada juga memuaskan tujuan maksud yang asal. Ibaratnya seperti pengembara yang dahaga kehausan, yang pada awal-mulanya dengan sungguhati mencari air (ilmu), akan tetapi kemudian pula, setelah mendapatkan air itu agak biasa sahaja rasanya, maka menambah pula sedikit garam (syak) padanya, sehingga kini dahaganya bertambah tanpa kepuasan; dan dengan demikian laku dia terus minum tiada hentinya air bercampur garam yang tiada membawa kepuasan itu, maka telah alpa dia akan tujuan yang sebenarnya dan maksud yang asal peri sebab air itu dicari olehnya. Kebenaran-kebenaran asasi agama dalam rangka sikap begini, hanyalah dianggap sebagai renungan akal-fikri dan akal-nazari belaka, ataupun sama sekali ditolak sebagai impian sia-sia melulu. Nilai-nilai yang mutlak dinafikan, dan yang nisbi diisbatkan; tiada sesuatu yang dapat diyakini melainkan keyakinan bahwa tiada sesuatupun dapat diyakini. Akibat yang secara

munasabah berikut dari sikap demikian terhadap ilmu, yang menetapkan dan ditetapkan oleh pandangan alamnya sendiri, ialah yang menafikan Tuhan dan Akhirat dan mengisbatkan manusia dan dunianya. Manusia dipertuhankan dan Tuhan dipermanusiakan, dan dunia menjadi tumpuan tunggal hasrat manusia sehingga penjaminan kehidupan abadinya sekalipun merupakan usaha meneruskan kezahiran bangsa dan kebudayaannya supaya hidup kekal dalam dunia. Apa yang digelar 'perubahan' dan 'pembangunan' dan 'kemajuan', dalam segala maksud pengertian yang terkandung dalamnya bagi kebudayaan dan tamadun Barat, tiadalah lain melainkan akibat dari pencarian yang terus-menerus tanpa persuaan, penuntutan tanpa kepuasan, dan perjalanan yang tanpa kesudahan itu jua, yang diperangsang dipacu terus oleh syak dan ketegangan batin yang senantiasa mengharu jiwa yang malang itu. Faham *perubahan*, *pembangunan* dan *kemajuan* itu senantiasa diberikan maksud pengertiannya dengan disabitkan hanya kepada hidup duniawi yang memuncakan dunia ini sebagai tumpuan segala usahanya; dan pandangan hidup demikian itu memanglah sesuai dengan pandangan alam yang dianggapnya sebagai yang hakiki, dan yang mencarakan dengan tepat-kena pada tabiat jiwanya, suatu kehidupan yang memuja keutamaan insan jasmani dan keadaan mawjudnya di sekitar alam benda. Semangat kebudayaan Barat yang memperikan diri sebagai sejiwa dengan dewa Prometheus itu senasib pula dengan dewa Sisyphus, yang demi menahan rasa kegentingan putus asa, bergantung kepada *harapan* bahwa akhirnya nasibnya tentulah baik belaka. Saya katakan bahwa *demi menahan rasa kegentingan putus asa* dia itu *bergantung kepada harapan* bahwa nasib terakhirnya baik, justeru kerana sesungguhnya saya sangka kenyataan yang sebenarnya menjelaskan bahwa dia tiada benar senang akan keadaannya demikian. Penuntutan ilmu serta hakikat yang dicari-carinya itu, seperti suatu pergelutan abadi yang hebat yang dilakoni oleh dewa Sisyphus dengan sebuah Batu Besar, yang digisir didorong dibahunya ke puncak Gunung, dan yang apabila tiba

di situ terus menggiling menderam memalu ke bawah hingga sampai semula terpacak di kaki Gunung—dan terus berulang-ulang begitulah lakunya tiada berkesudahan. Pergelutannya berjalan terus; hasil usahanya tiada tercapai, dan tujuannya tiada sampai pada pencapaian maksud. Demikianlah sikapnya terhadap penuntutan ilmu dan tujuan maksudnya itu sudah merupakan seakan-akan suatu *permainan* yang dilangsungkannya dengan sungguhati, terus tiada berkesudahan seolah-olah bagai penawar jiwa yang tegang terjerat dalam tragedi pencarian yang tiada bersua. Maka tiada hairanlah bahwa dalam faham hidup kebudayaan Barat faham *tragedi* itu disanjung tinggi sebagai mencirikan salah satu nilaian mulia-agung dalam drama kehidupan insan!

Kepercayaan yang kuat pada *kebolehan* dan *kelengkapan akal hayawani* insan melulu bagi memandu insan dalam kehidupan; pegangan terhadap sahnya pandangan alam hakiki yang ditilik menerusi nazar *penduaan hakikat dan kebenaran* yang dianggapnya mutlak; pengisbatan terhadap *hakikat kefanaan* sebagai yang *sah* dan *sesuai* bagi *tabiat* serta *sifat* dan *kehidupan* insan yang menayangkan pandangan *alam yang sekular*; penganutan faham *humanisma* atau *keutamaan kemanusiaan* sebagai dasar hidup; penerimaan akan hakikat *drama* dan *tragedi* yang kononnya merupakan kenyataan hakikat yang menyeluruhi alam insani, mahupun alam ruhani atau alam batin insan, menjadikan drama dan tragedi itu sebagai unsur-unsur hakiki dan istimewa yang menguasai tabiat serta kehidupan insan—inilah semuanya, berangkap sebagai satu keseluruhan faham, yang pada hemat saya merupakan intisari, semangat, sifat dan tabiat, ciri resmi bawaan dan peribadi kebudayaan dan tamadun Barat. Maka unsur-unsur inilah semuanya yang menetapkan bagi kebudayaan dan tamadun Barat itu pembentukan faham ilmunya serta pengarahan maksud tujuannya, pembentukan serta perencanaan isinya dan penyusunan kemas-tertib cara penyebarannya; sehingga ilmu yang kini disebarkan dengan cara penyusunan yang kemas-tertib di merata dunia ini tiada *semestinya* ilmu yang *hak*, akan

tetapi ilmu yang sudah *diadun* serta *dicampurkan* dengan *bawaan sifat* dan *tabiat peribadi kebudayaan* dan *tamadun Barat*, dan yang *dijiwai* oleh *semangatnya*, dan yang *dilengkapi* dengan *peralatan* yang *menuturi maksud tujuannya*. Jadi unsur-unsur inilah jua yang harus kita kenali dan pisahkan dan asingkan dari badan ilmu pada keseluruhannya, niscaya ilmu dapat dibezakan dengan apa yang diserapi oleh unsur-unsur ini, kerana unsur-unsur ini dan apa yang diserapi olehnya tiada merupakan ilmu yang hak, akan tetapi hanya menentukan bentuk bawaan kebudayaan yang mengandungnya dan menilainya dan mentafsirkannya menuturi maksud tujuan yang berjalan selari dengan pandangan alam kebudayaan dan tamadun Barat. Jikalau demikian maka berikutlah pula bahwa, selain dari mengenali dan memisahkan dan mengasingkan unsur-unsur ini semua dari badan ilmu pada keseluruhannya—suatu usaha yang akan mengakibatkan juga penukaran bentuk fahaman dan nilaian dan tafsiran terhadap sebahagian kandungan atau isi ilmu yang kini dikemukakan di mana-mana[63]—tentulah maksud tujuannya itu sendiri dan rencana-kemas penyusunannya dan penyebarannya dalam badan-badan pelajaran tinggi dan rendah dan dalam bidang pendidikan harus ditukar-ganti jua menurut penukaran yang bersabitan dengannya. Mungkin dapat dipersoalkan bahwa apa yang dicadangkan ini tiada lain melainkan *satu lagi* cara *pengganti* tafsiran ilmu yang tentu akan diserapi oleh bentuk fahaman dan nilaian *lain*, yang diarahkan supaya berjalan selari dengan maksud tujuan *lain*, yang membayangkan pandangan alam yang *lain* pula; dan jikalau demikian adanya, dan dengan kesimpulan yang sama, maka mungkin dipersoalkan bahwa apa yang direncana-bentukkan dan disebarkan sebagai ilmu itu nanti tiada pula seharusnya membayangkan ilmu yang *hak*. Namun demikian, sahnya pokok persoalan ini hanyalah dapat

---

[63] Sebahagian kandungan atau isi ilmu yang dimaksudkan di sini merujuk pada kebanyakannya kepada ilmu-ilmu kemanusiaan.

diterima atau ditolak apabila kita dapat melihat hasilnya kelak, justeru kerana ujian tentang benar atau palsunya ilmu itu *sebagai yang hak* terletak pada diri insan sendiri. Andaikata dengan terhasilnya suatu cara lain yang menggantikan pentafsiran ilmu yang kini berlaku itu insan dapat mengenali dirinya dan nasib terakhirnya,[64] dan dengan berjayanya dia mengenali diri dan nasibnya itu dia berhasil mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan,[65] maka ilmu *itu*, meskipun diserapi oleh beberapa unsur tertentu yang menentukan bentuk bawaan yang mengandungnya dan menilainya dan mentafsirkannya menuturi maksud tujuan yang berjalan selari dengan suatu pandangan alam yang tertentu, *adalah ilmu yang hak jua*, kerana ilmu seperti itu telah menunaikan maksud tujuan insan itu berilmu.

---

[64] Sila lihat di atas, m.s. 50-74; 82-93.

[65] Sila lihat di atas, m.s. 49-51.

والله أعلم بالصواب
والحمد لله رب العالمين
والصلاة والسلام على أشرف المرسلين
وعلى آله وأصحابه والتابعين
لهم باحسان الى يوم الدين
آمين